

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 40

Selasa

21 September 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 24)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005 (Halaman 24)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21 September 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Perdana Menteri menyatakan adakah amalan menubuhkan Mahkamah Majistret Litar (Circuit Court) di kawasan pedalaman masih diteruskan dan jika benar nyatakan alasan serta keberkesanannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat, soalan ini walau pun pendek adalah tiga soalan :

- i) adakah amalan penubuhan Mahkamah Majistret Litar masih diteruskan;
- ii) alasan dan
- iii) Keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, amalan sistem Mahkamah Litar atau *Circuit Judges* masih diteruskan. Jawapan satu.

Untuk jawapan kedua, ini merupakan satu amalan yang baik kerana kawasan yang diadakan Mahkamah Litar merupakan kawasan yang mempunyai boleh penduduk yang kurang dan juga bilangan kes yang tidak banyak.

Jawapan yang ketiga, keberkesanannya adalah seorang majistret boleh pergi ke kawasan berkenaan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan membicarakan kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Litar tersebut ini akan menyenangkan orang ramai yang tidak perlu berulang-alik dari kawasan mereka ke tempat lain untuk pendengaran sesuatu kes. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Seorang Ahli: Calon nombor?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Nombor 32.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan satu [*Ketawa*].

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Mahkamah Majistret Litar ini untuk kawasan pedalaman, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada mahkamah ini berada di Sabah atau di Semenanjung sahaja.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, Mahkamah Litar ini berada di dua kawasan, Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Untuk maklumat Yang Berhormat, di Semenanjung kita ada jumlah lokasi di mana kita ada lokasi litaran ada 40 dan untuk maklumat Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak juga, Sabah kita mempunyai 15 dan Sarawak kita ada 20.

Tuan Haji Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi saya dapati bahawa banyak keburukan daripada kebaikan yang dihasilkan daripada perwujudan mahkamah-mahkamah litar, terutama sekali di kawasan-kawasan yang sudah membangun dan sudah berubah keadaan prasarannya. Saya mengambil contoh misalnya Mahkamah Majistret Sepang dan Mahkamah Majistret Sungai Besar, di Selangor yang telah mengamalkan sistem *Circuit* ini begitu lama, Mahkamah Majistret Sepang yang terletak di pinggiran Putrajaya misalnya telah begitu membangun tetapi masih di tahap Mahkamah Litar dan saya ingin menegaskan bahawa apabila seorang Majistret terpaksa mengawasi dua mahkamah, dia macam seorang lelaki mempunyai dua isterilah, dia agak sukar untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada dua-dua mahkamah, jadi apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, di kawasan Selangor kita ada tiga, benarlah apa Yang Berhormat kita itu, Sungai Besar, Sepang dan Sepang kita ada dua, Sepang Putrajaya. Kawasan-kawasan ini kawasan sekarang baru bangun dan kita akan dalam peringkatlah masa akan datang, kita akan menubuhkan ini sebagai satu mahkamah yang kita boleh mewujudkan atau kita boleh membina satu mahkamah di kawasan-kawasan ini tetapi pada masa ini kita perlulah

meneruskan cara litar kerana kita sebelum dapat maklumat-maklumat terperinci maklumat macam bilangan penduduk dan juga bilangan kes di mana kita boleh dalam masa yang akan datang mewujudkan satu mahkamah yang *permanent* di sana dan contoh yang dibagi kalau macam lelaki yang ada dua isteri itu contoh, ini ada lelaki yang empat isteri dia pun lebih berkesan daripada lelaki yang ada satu isteri sahaja ini, so bolehlah ini dua majistret dua mahkamah satu majistret tidak ada masalah. Terima kasih.

2. Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam membendung kebanjiran pendatang haram di negara yang menimbulkan banyak masalah seperti jenayah dan pengangguran di kalangan rakyat Malaysia .

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil bagi membendung kebanjiran kedatangan pendatang haram ke negara ini adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi menangkap pendatang haram dan mereka yang mengaji dan melindungi pendatang haram oleh agensi-agensi penguat kuasa sama ada secara bersendirian ataupun bersepadu;
- (ii) mendakwa pendatang haram dan mereka yang mengaji dan melindungi pendatang haram ini di mahkamah;
- (iii) menempatkan anggota-anggota polis dan tentera di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi laluan masuk pendatang haram ke negara ini.

Terima kasih.

Puan Tan Lian Hoe: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberi. Memandangkan bahawa kedatangan pendatang haram ini semakin berleluasa walaupun terdapat adanya dakwaan tetapi pendatang haram masih datang ke negara kita. Soalan saya, adakah pihak kerajaan mengkaji hukuman yang lebih berat terhadap pendatang haram dan kepada yang melindungi pendatang haram agar kedatangan pendatang haram ini dapat disekat ke negara kita.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada sudah mencukupi tetapi apa yang sedang kita lakukan ialah memperkemas dan memperbanyakkan operasi penguatkuasaan bagi menentukan kita dapat mengawal keadaan ini. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berkenaan dengan pendatang haram ini, memang pendatang haram tanpa pengenalan. Setakat ini, daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, ada dakwaan menyatakan pendatang haram Indonesia ini, yang datang secara halal tetapi sekarang ini sudah menjadi haram, yang tidak mahu pulang melebihi daripada satu juta orang. Adalah dianggarkan pendatang haram ini dilihat juga tidak mempunyai pengenalan. Apakah langkah kementerian supaya dapat meminta kumpulan-kumpulan yang dikatakan pendatang haram ini, sekurang-kurangnya mempunyai kad pengenalan melalui proses pemutihan. Jadi, senang kita membuat pengurusan. Jadi sekarang mungkin dari segi maklumatnya, kita tidak nampak oleh kerana dia pendatang haram tanpa pengenalan. Mungkin pendatang haram yang kita ada rekod, tetapi pendatang haram yang tidak ada pengenalan langsung. Jadi, bagaimanakah penyelesaian yang hendak dibuat oleh kementerian dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu sahaja, tambahan daripada Dungun sebab ini mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Satu, satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak ikut mana satu Peraturan Mesyuarat? *[Ketawa]* Yang Berhormat jawab. Sila.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terganggu konsentrasi saya untuk menjawab oleh kerana dicelah. Terima kasih, walau bagaimanapun kepada Yang Berhormat, kerana berminat untuk mengetahui tentang keadaan pendatang asing. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedang merangka satu cara di mana semua pekerja asing yang datang secara sah akan diberi kad pengenalan yang hampir serupa dengan *MyKad* supaya kita dapat mengenal pasti pendatang-pendatang yang datang secara sah. Yang datang secara haram, tetap haram dan mereka akan ditangkap dan diusir pulang. Terima kasih.

3. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar masalah gangguan oleh "Ah Long" masih serius. Apakah tindakan drastik yang boleh diambil supaya bos Ah Long dapat diberkas dan bukan konco-konconya sahaja disoal siasat.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedia maklum akan permasalahan kegiatan Ah Long dan sentiasa membuat pemantauan rapi. Di dalam tindakan ke atas aktiviti Ah Long, pihak berkuasa perlu mengawal konco-konco mereka untuk mengetahui siapakah bos, pengurus atau penyelia sindiket berkenaan. Ini adalah kerana, konco-konco inilah yang bertindak sebagai orang yang berurusan dengan peminjam ataupun mangsa. Oleh itu, peminjam cuma mampu mendedahkan orang-orang yang berurusan secara terus dengan mereka. Tindakan undang-undang yang dapat diambil terhadap bos Ah Long adalah melalui penguat kuasa undang-undang seperti berikut:

- (i) *Money Lenders Act 1951 and Regulation* di mana pihak PDRM telah pun menempatkan empat orang pegawai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasakan akta ini;
- (ii) tindakan juga boleh diambil di bawah undang-undang pencegahan iaitu Akta Kediaman Terhad 1973. Bagi mereka yang tidak menggunakan kekerasan dan tindakan di bawah Kanun Jenayah ataupun Ordinan Darul Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah juga boleh digunakan jika kekerasan jenayah digunakan oleh sindiket Ah Long ini; dan
- (iii) PDRM telah menubuhkan suatu *task force* di peringkat Bukit Aman dan juga di peringkat negeri untuk memerangi habis-habisan kegiatan Ah Long.

Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Hari ini kami membaca dalam surat khabar bahawa Ketua Siasatan Jenayah Negeri Selangor ada membongkarkan ada dua tokoh, ada dua tauke besar yang di belakang Ah Long ini. Pagi ini, di siaran

'*Light & Easy Radio*' polis Johor juga ada kata, dua orang bergelaran 'Dato' dan ada 900 orang konco-konconya sedang bergiat di Johor. Saya ingin...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Johor, Johor.

Tuan Lim Hock Seng:bertanya, setakat ini sama ada.....

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Tuan Lim Hock Seng: Soalanlah ini. Setakat ini, sama ada tauke-tauke Ah Long telah diberkas dan didakwa dalam mahkamah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Yang pertama, saya ingin menyatakan di sini bahawa kenyataan yang dibuat oleh Tuan Bakar, Ketua Siasatan Jenayah Selangor, saya difahamkan ada media mengatakan, ada orang yang bergelar 'Tan Sri' juga terlibat. Sebenarnya, saya ingin menyatakan kita di pihak PDRM tidak pernah membuat kenyataan sedemikian. Kalau adapun Yang Berhormat, kena tanya surat khabar dahulu, daripada mana dia dapat maklumat menyatakan 'Tan Sri' terlibat. Apa yang kita nyatakan ialah bahawa di dalam penyiasatan kita, terutamanya di negeri Selangor, yang hari ini kita telah dapat tangkap 16 orang keseluruhannya. Daripada 16 orang keseluruhan yang kita telah dapat tangkap, kita mendapati bahawa ada satu sindiket yang mereka ini bergerak di bawah satu sindiket.

Di bawah sindiket ini, kita dapati ada empat kumpulan. Mereka pecah kepada empat kumpulan. Kita percaya, sindiket ini, dia bukan menjalankan kegiatan Ah Long tetapi dia juga menjalankan kegiatan kongsi gelap, pelacuran, judi dan sebagainya kerana mereka ini ialah kumpulan yang mempunyai wang yang banyak. Apa yang dinyatakan ialah kita percaya daripada laporan-laporan dan juga siasatan yang kita buat di kalangan konco-konco mereka, kemungkinan ada orang yang bergelar 'Dato' tetapi ia hanyalah *businessman* biasa, bukannya *politician* ataupun orang yang berpengaruh. Dia ialah orang yang mungkin dapat 'Dato' daripada mana pun tidak tahu, tetapi dia ialah *businessman* biasa.

Saya ingin nyatakan lagi bahawa masalah Ah Long ini sebenarnya ialah terletak di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan yang mengeluarkan lesen untuk peminjam-peminjam berlesen ini ialah di bawah Kerajaan Tempatan. Kita lihat bahawa kita juga berharap pihak berkuasa tempatan, kalau boleh rujuk dahulu kepada polis untuk kita *vetting* aktiviti ataupun latar belakang seseorang yang memohon lesen sebagai peminjam berlesen ini. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Asas untuk mengambil tindakan undang-undang ialah undang-undang itu sendiri. Pada masa sekarang Undang-undang *Money Lenders Act* hanya dipakai ataupun terpakai di Semenanjung dan tidak di Sarawak dan di Sabah. Khususnya di Sarawak, tidak ada bantahan untuk undang-undang dilaksanakan di Sarawak. Persoalannya, bilakah undang-undang ini akan dipanjangkan ke Sarawak dan ke Sabah dan adakah undang-undang ini akan dipinda semula untuk melihat daripada segi hukumannya yang berpatutan oleh kerana keadaan yang serius melanda negara ini, berhubung dengan aktiviti Ah Long. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Seperti mana saya nyatakan tadi bahawa Akta Peminjam (*Money Lenders Act*) ini, ia bukannya di bawah bidang kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, tetapi ia terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya percaya Yang Berhormat telah bangkit perkara ini dalam Dewan dan mungkin Kementerian Perumahan sedang mengkaji dan pihak PDRM juga sedang membuat kajian, ingin mencadangkan supaya Akta Peminjam yang kita buat pindaan pada tahun 2003 ini harus dikaji semula, kerana ada beberapa seksyen di dalam itu yang harus diperbaiki. Sebagai contoh, tindakan untuk kita mengambil kepada seseorang Ah Long sebagai contoh, polis tidak ada kuasa untuk kita tangkap.

Polis bila dapat laporan, kita kena rujuk kepada pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatanlah yang akan menyiasat sama ada peminjam ini melanggar ataupun tidak peraturan-peraturan lesen yang telah diberikan. Jika didapati Ah Long ini ataupun yang ada lesen ini melanggar peraturan-peraturan, maka pihak berkuasa tempatan kena mohon waran daripada majistret ataupun polis, kena mohon daripada pihak majistret untuk mendapatkan waran. Jadi, dia punya prosedurnya begitu ada liku-liku tertentu dan agak sukar untuk kita laksanakan. Polis hanya datang apabila Ah Long ini dia melakukan kekerasan, dia menggunakan kongsi gelap, gengster dan sebagainya. Polis akan datang, barulah polis akan mengambil tindakan di bawah Kanun Keseksaan ataupun kalau kita tidak ada bukti, kita akan tangkap mereka ini di bawah EO, tangkap tanpa bicara. Kalau didapati mereka ini tidak menggunakan kekerasan, tetapi dia melakukan aktiviti-aktiviti pelacuran dan sebagainya yang terlibat

dengan kegiatan-kegiatan peminjam Ah Long ini, maka kita akan menggunakan RR untuk menahan mereka. Terima kasih.

4. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan usaha-usaha secara menyeluruh dan terperinci untuk mengatasi masalah graduan menganggur yang tidak terhad kepada pemberian pinjaman semata-mata bahkan termasuk pemantauan dan bantuan projek.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, Program Usahawan Siswazah merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menangani masalah graduan menganggur, khususnya siswazah bumiputera. Skim ini yang mula diperkenalkan pada tahun 1998 bermatlamat untuk membantu graduan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Skim ini dilaksanakan secara menyeluruh di mana ianya merangkumi: latihan keusahawanan secara intensif selama enam hari; kemudahan pembiayaan projek melalui Tabung Usahawan Siswazah; khidmat nasihat dan bimbingan dalam penyediaan rancangan perniagaan serta pemantauan.

Tabung Usahawan Siswazah yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad menyediakan kemudahan pinjaman sehingga 90% daripada kos projek dengan jumlah di antara RM20,000 sehingga RM250,000, sama ada bagi membiayai harta tetap, modal kerja ataupun kedua-duanya. Pembiayaan ini meliputi semua sektor perniagaan kecuali pertanian dan perlombongan. Selain daripada Skim Usahawan Siswazah, projek bantuan kementerian ialah dengan melaksanakan Program Francais Siswazah yang bertujuan memberi peluang kepada graduan menganggur menceburi bidang perniagaan francais sebagai kerjaya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah hadir pada hari ini dan menjawab soalan ini. Kita semua tahu bahawa calon nombor 41. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Soalan saya, adakah kementerian mempunyai cadangan untuk melaksanakan skim-skim ini secara yang lebih bersepadu. Sebagai contohnya, seorang graduan akauntan, seorang graduan dalam bidang ICT, seorang graduan dalam bidang pemasaran dan seorang graduan dalam

bidang perundangan, disatukan dalam satu syarikat. Kemudian itu, terus diberikan bantuan khidmat nasihat, pemantauan dan yang penting juga ialah bantuan projek supaya mereka dapat memulakan syarikat mereka ini dengan berjaya, walaupun dengan satu projek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada soalan tambahan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Soalan tambahan, ini soalanlah Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Sudah soal dah ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Haa okey, baik. Adakah tidak Yang Berhormat? Ada?

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Ada. Mungkin saya, sebab dia sudah sebut 41. Tuan Yang di-Pertua, soal masalah graduan menganggur ini merupakan satu isu yang sememangnya kompleks, yang mempunyai dimensi yang luas dan sewajarnya kita perlu faham faktor-faktor penyebabnya bagi membolehkan kita mencari jalan bagi kita mengatasinya, yang mana antara penyebabnya ialah seperti: peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan yang dilahirkan oleh sektor swasta; kedudukan prestasi ekonomi negara; kesesuaian kurikulum yang dilalui oleh siswazah itu sendiri, keupayaan graduan berkenaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, sukalah saya memaklumkan bahawa walaupun di cadang supaya disatukan, tetapi saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha untuk mengatasi masalah graduan menganggur akan diteruskan dan ditangani oleh pelbagai kementerian dan agensi yang meliputi sama ada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber Manusia, kementerian saya ataupun kementerian-kementerian yang lain. Jadi itu pendekatan yang diambil dan sama ada ianya seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat ataupun yang sedang dilakukan sekarang, saya percaya kedua-duanya akan diteruskan bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah keluarkan nombor dua, terus keluarkan soalan sahaja, Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya kira Tuan Yang di-Pertua, simpati kepada saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau boleh saya memang tidak minat beri Yang Berhormat peluang tetapi terpandang sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bn Amiruldin: Soalan kali yang kedua. *[Dewan riuh dengan Ketawa]* Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan memperuntukkan biasiswa, memperuntukkan peluang-peluang perniagaan kepada graduan-graduan kita. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam alam perniagaan, pengalaman itu cukup penting, modal satu hal tetapi pengalaman itu kadang-kadang mengatasi modal.

Jadi di sinilah kita lihat kadang-kadang anak-anak muda kita, graduan-graduan yang baru berkelulusan dan berkelayakan tetapi tidak mahir di dalam bidang ataupun perhubungan, dalam pengalaman-pengalaman mereka untuk masuk di dalam bidang perniagaan.

Jadi adakah pihak kementerian di peringkat awalan setelah mereka ini berjaya di dalam pendidikan, di *attach* mereka ini kepada syarikat-syarikat tertentu terlebih dahulu, ke arah minat mereka dan kelulusan mereka itu, menimba sedikit pengalaman dan selepas itu, kita beri bantuan dan beri segala-galanya untuk mereka berdiri di atas kaki sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, soalan sudah dikemukakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bn Amiruldin: Betullah ya? Dan pandangan Yang Berhormat saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu menteri boleh jawab, menteri menjawab, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bn Amiruldin: Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih di atas soalan tambahan nombor dua. Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi iaitu pengalaman berniaga siswazah itu diambil kira dalam kita mempertimbangkan sama ada sesuatu permohonan untuk mendapatkan pinjaman itu diluluskan ataupun tidak.

Jadi berasaskan kepada itulah maka kementerian mengambil beberapa pendekatan, bagi membolehkan supaya sebelum diputuskan sama ada seseorang siswazah itu berjaya atau pun tidak untuk mendapat bantuan dan pinjaman, maka

beberapa program juga diwujudkan oleh kementerian yang mana meliputi program-program pembudayaan keusahawanan, latihan, bimbingan dan sebagainya, mahupun program-program khusus seperti program mentor-mentee, program vendor dan sebagainya.

Jadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, sememangnya ada yang dibuat oleh kementerian supaya melalui program-program itu seseorang siswazah itu akan melalui latihan dan sebagainya oleh mereka yang telah bersetuju untuk bersama-sama dalam program-program yang diusahakan oleh pihak kementerian.

5. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilakah cadangan menambah bilangan Pengerusi Mahkamah Perusahaan kepada 41 Pengerusi akan dilaksanakan; dan
- (b) sama ada penyelesaian kes perusahaan secara perantaraan (*mediation*) berkesan. Jika berkesan, atas dasar apa.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Pada masa ini, Mahkamah Perusahaan mempunyai 21 orang Pengerusi termasuk seorang Yang di-Pertua untuk membicara dan memutuskan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh Menteri Sumber Manusia. Sehingga tempoh berakhir 31hb Julai 2004, Mahkamah Perusahaan masih mempunyai sejumlah RM2, 748 kes yang menunggu untuk dibicarakan. Sehubungan dengan ini, kerajaan bercadang untuk menambah bilangan Pengerusi Mahkamah Perusahaan khusus untuk mempercepatkan penyelesaian kes yang akan diterima di samping penyelesaian kes yang sedia ada dalam masa yang singkat.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian telah diberi baru-baru ini tambahan seramai 7 Pengerusi Mahkamah Perusahaan bersama dengan staf-staf sokongan. Jawatan

tambahan ini akan diisi sebaik sahaja waran pengurusan di terima daripada pihak Perbendaharaan.

- (b) Kaedah utama Mahkamah Perusahaan dalam mendahulukan penyelesaian pertikaian perusahaan adalah melalui proses akreditasi, di mana pihak yang pertikai akan dibicarakan dan diputuskan. Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan penyelesaian kes yang dirujuk, Mahkamah Perusahaan bercadang untuk memperkenalkan kaedah *mediation* dengan izin ini atau perantaraan sebagai satu kaedah proaktif yang bertujuan untuk mempercepatkan kes pertikaian diselesaikan. Melalui kaedah ini, sesuatu kes akan cuba diselesaikan secara *mediation* oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan sekiranya kedua-dua pihak bersetuju atas asas sukarela dan muafakat. Sekiranya melalui *mediation* ini, mencapai penyelesaian, ia akan direkodkan atas persetujuan bersama sebaliknya jika ia menghadapi masalah iaitu kita dapat diselesaikan, kes berkaitan akan dibicarakan di hadapan pengerusi lain untuk diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini dijangka berkesan kerana kedua-dua pihak diberi peluang untuk berunding semula secara harmoni dalam suasana yang kurang formal dan *conducive* dalam mahkamah. Selain daripada itu segala inisiatif untuk penyelesaian berkaitan dengan tema yang dipersetujui adalah di tangan kedua-dua pihak yang bertikai tanpa dipengaruhi oleh Pengerusi yang bertindak sebagai *in between*, dengan izin.

Kebebasan berunding yang dijalankan tanpa terikat dengan prosedur mahkamah memungkinan kaedah *mediation* ini lebih berkesan untuk dilaksanakan. Sebaik sahaja langkah keberkesanan pelaksanaan kaedah *mediation* ini semua Pengerusi Mahkamah Perusahaan telah pun menghadiri bengkel *mediation* yang dianjurkan oleh Mahkamah Perusahaan pada 29 Julai hingga 3 Ogos tahun ini.

Walaupun bagaimanapun, oleh sebab kaedah *mediation* ini baru sahaja diperkenalkan secara khusus di Mahkamah Perusahaan, adalah terlalu awal untuk menilai kesannya dalam menyelesaikan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk mengatasi masalah di Mahkamah Perusahaan, beberapa cadangan telah dibuat oleh Kongres Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh mereka adalah mengenai aktiviti anti kesatuan, penolakan hak pengiktirafan kesatuan dan perjanjian bersama, kelewatan yang melampau dalam penyelesaian kes-kes pemecatan dan pertikaian perusahaan telah mengalami dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Saya difahamkan beberapa memorandum telah diberi kepada menteri sendiri dan juga kepada Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa tidak ada apa-apa usaha yang dibuat oleh Menteri berkenaan atau kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah kesatuan sekerja yang dibangkitkan berkaitan dengan pekerja-pekerja di negara ini.

Oleh yang demikian, mereka telah mengatakan bahawa satu piket juga akan diadakan di seluruh negara pada 28 September. Saya cadangkan untuk mengatasi [*Dewan riuh seketika*] *industrial* harmoni, apakah yang dibuat oleh menteri untuk menyelesaikan perkara ini, adakah kerajaan akan berjumpa dengan mereka, berbincang dan mengatasi masalah tertentu dan berkaitan dengan kes-kes di Mahkamah Perusahaan juga?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah memberitahu pihak MTUC, pintu saya selalu dibuka untuk berunding dan baru-baru sahaja saya telah ada banyak sesi perundingan dengan pihak pemimpin MTUC supaya segala masalah boleh diselesaikan. Seperti yang saya terangkan tadi secara khusus, baru-baru ini atas permintaan kementerian saya, kita telah dapat 7 kerusi tambahan untuk Mahkamah Perusahaan. Dan dengan itu selepas ia diisi ia memang dapat menyelesaikan kes-kes dengan lebih cepat dan selain dari itu juga, kita telah berunding dan cari kaedah-kaedah baru seperti *mediation* yang saya telah terangkan supaya kes-kes yang dirujuk dapat diselesaikan. Kementerian saya akan terus mengambil apa jua langkah yang boleh supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh para pekerja akan diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih dan Yang Berhormat Menteri kerana telah mencuba bersungguh-sungguh untuk menggunakan kaedah baru untuk menyelesaikan kes-kes dalam Mahkamah

Perusahaan. Tetapi apa yang kita risau dan terkejut mendengar bahawa ada Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang tidak dapat menyelesaikan satu kes pun dalam masa dua tahun. Kalau kita gunakan lagi cara baru *mediation* ini, apakah cara pemantauan daripada pihak kementerian untuk memastikan bahawa kita sekarang ini hendak tambah bilangan Pengerusi Mahkamah?

Apakah caranya kita hendak pastikan bahawa Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan, kerana tanpa pemantauan mereka masih lagi boleh berdolak-dalik dan akhirnya kes masih lagi bertimbun dan masalah tidak dapat diselesaikan, walaupun kakitangan telah pun ditambahkan. Apakah cara pemantauan? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah atas soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Bentong. Sebenarnya memang betul ada seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang tidak memberi keputusannya dalam beberapa kes dalam tempoh dua, tiga tahun ini dan atas prestasi yang tidak memuaskan yang telah menjejaskan kedudukan majikan para pekerja, saya telah bercadang dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan tersebut telah juga malangnya dibuang kerja dan saya akan mengisi jawatan tersebut dengan seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang baru.

Saya sungguh sedih mesti mengambil tindakan yang serius seperti itu, tetapi kedudukan kebajikan para pekerja mesti dapat dilindung dan mesti dapat dijaga. Selain dari itu juga, saya telah bercadang dan Mahkamah Perusahaan telah bersetuju bahawa kita mesti ada satu sistem untuk dari segi penyeliaan prestasi atau kerja Mahkamah Perusahaan dan dari sini memang saya telah minta Yang di-Pertua untuk mengadakan satu sistem yang lebih dekat mengikut norma yang telah diterima. Selain dari itu juga Mahkamah Perusahaan sekarang dalam proses perbincangan bagi membolehkan Mahkamah Perusahaan bagi atau *handout*, dengan izin keputusannya secara lisan dan sekiranya perlu ada pertikaian dan keputusan tersebut perlulah juga direkodkan supaya tindakan lanjutan boleh diambil oleh kedua-dua pihak.

5. **Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah prosedur penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar berkaitan dengan kesan pencemaran asap dan minyak yang dikeluarkan oleh pusat-pusat penapisan minyak gergasi dan apakah indikator dan piawaian yang diguna pakai.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan ke atas loji-loji penapisan minyak adalah melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya terutamanya Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 1978 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian 1979.

Di samping itu, kilang penapis minyak adalah dikehendaki menjalankan pencontohan ceroboh ataupun *stag stamping* dan pencontohan air buangan untuk memastikan pelepasan udara dan air mematuhi *standard* yang ditetapkan, pencontohan ini dilaksanakan secara berkala. Jika berlaku tumpahan minyak, kilang penapis minyak perlu mengikut kaedah *emergency respond plan* yang disediakan bagi musibah setempat dan mengambil tindakan pencegahan dan pemulihan dari merebak.

Piawaian atau standard yang diguna pakai untuk pelepasan asap dan minyak adalah seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Perindustrian) 1979.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tiga, empat minggu yang lepas, kita dapat melihat di dalam akhbar dan juga di dalam paparan media elektronik, di mana peranan yang dimainkan oleh pihak ketiga ini amat berkesan dan begitu cekap sekali di dalam menitikberatkan kepentingan orang ramai bagi memastikan alam sekitar yang kita nikmati di sekeliling kita ini tidak dicemari.

Apa yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, di samping akta-akta serta peraturan yang telah digariskan oleh pihak kementerian, 20 tahun yang lampau, kita mendapati pihak kementerian hari ini bertindak secara reaktif, apabila ada laporan daripada pihak ketiga ini barulah tergesa-gesa pihak kementerian menghantar sehingga ke tahap Timbalan Menteri untuk melawat tapak dan sebagainya.

Bagi kami, rakyat di negara kita menganggap prosedur, peraturan yang telah digariskan ini adalah sebagai satu mekanisme untuk pihak kerajaan bertindak secara proaktif dan proaktif ini adalah mencegah sebelum mengubati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan tambahan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, ada tiga empat perkataan sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, soalan terus.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Soalannya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalnya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak-pihak pengeluar penapisan minyak gergasi ini telah memberi pengajaran kepada pihak-pihak ketiga lain yang mencemarkan alam sekitar kita dengan cara yang tersembunyi, saya ulang balik, Tuan Yang di-Pertua, takut tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, fahamlah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Boleh faham Timbalan Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Fahamlah, memang faham.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Pihak syarikat minyak gergasi ini kebanyakannya GLC yang besar-besar di hadapan mata kita, adakah tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka ini memberikan kesan atau natijah kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, kalau hendak tambah, boleh bincang luarlah dengan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kita mengalu-alukan cadangan Ahli Yang Berhormat, bahawa kita mestilah lebih proaktif. Dan memang kita mengamalkan sikap proaktif dan pada masa yang sama juga kita juga menggalakkan publik ataupun orang ramai juga untuk melibatkan diri dalam aktiviti ataupun pengesanan pencerobohan alam sekitar secara proaktif supaya mereka boleh membantu kita dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi dalam negara kita ini.

Jadi, berdasarkan maklumat-maklumat tersebut, bagi tahun 2003, saya hendak maklumkan di sini bahawa jumlah aduan yang kita telah terima ialah sebanyak 2,324 aduan, ini adalah aduan daripada orang ramai. Dan jumlah kes yang telah kita bawa ke mahkamah, ialah 156 dan jumlah kutipan denda ialah sebanyak RM2.3 juta.

Di samping itu juga, melalui tindakan daripada jabatan sendiri, di mana kita telah pun mengkompaunkan 3,524 kes dengan kutipan denda sebanyak RM4.4 juta. Jadi, ini adalah tindakan-tindakan yang bersama dengan masyarakat dan kita dapat melaksanakannya dengan jayanya.

Berkaitan dengan syarikat-syarikat gergasi, suka saya memaklumkan di sini, bahawa tahap *compliance*, dengan izin, oleh syarikat-syarikat gergasi minyak di

negara kita ini amat membanggakan. Bukan syarikat-syarikat gergasi minyak sahaja, tetapi kebanyakan semua multi-national companies di dalam negara kita ini mereka patuh kepada piawaian yang ditentukan oleh Environment of Quality Act (EQA), dan peraturan-peraturan di bawahnya. Memang mereka memberi kerjasama yang baik dengan mematuhi peraturan-peraturan dan sanggup melabur di dalam memastikan bahawa tidak ada pencemaran kepada alam sekitar kita.

Jadi, itulah pandangan kita setakat ini berkaitan dengan syarikat-syarikat gergasi termasuk minyak dan termasuk juga syarikat-syarikat lain.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Syarikat-syarikat minyak gergasi bukan sahaja mencemar udara tetapi air juga, semua dia mencemar, untuk pengetahuan Timbalan Menteri, syarikat minyak gergasi membuang 800,000 *barrel produced water* satu hari di dalam lautan Malaysia di seluruh negara dan standard yang diberi oleh Jabatan Alam Sekitar untuk kandungan minyak di dalam *produced water* ini adalah 100 ppm iaitu 100 parts per million, ini terlalu tinggi, sebab hasil minyak yang kita buang ialah 80 barrel satu hari, kalau 100 ppm.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, minyak yang di dalam air ini kita boleh ambil lagi, oleh yang demikian, soalan saya kepada Timbalan Menteri, adakah kementerian sedia menimbangkan dan membenarkan produk dan teknologi terkini untuk menghasilkan minyak yang dikandungi di dalam *produced water* ini, agar kualiti alam sekitar kita terjamin dan minyak tidak terbuang, yang 80 barrel ini satu hari, bayangkan berapa tinggi nilainya? Sekian.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada peraturan berkaitan dengan kualiti alam sekeliling kumbahan dan efluen perindustrian 1979 yang mengawal kumbahan air daripada syarikat-syarikat minyak yang patut diikuti. Dan mengikut peraturan tersebut, minyak dan grease yang dibenarkan adalah 10 miligram per liter, bagi oksigen bio kimia yang diperlukan ialah 50 miligram per liter dan bagi oksigen kimia yang diperlukan ialah 100 miligram per liter.

Jadi, memang syarikat-syarikat gergasi di negara kita ini mematuhi tahap yang dibenarkan, tetapi sekiranya ada mana-mana pihak yang sanggup mereka percaya daripada sisa-sisa buangan, mereka boleh mengeluarkan minyak secara *productive*

dan *economical*, dengan izin, maka kita sanggup bersedia untuk menimbangkan permohonan mereka.

7. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar Kerajaan Malaysia terhadap Isu Darfur, Sudan dan apakah peranan Malaysia sebagai pemimpin OIC dalam menangani krisis Darfur dan sekatan PBB ke atas Sudan sedangkan Liga Arab menentang keras tindakan badan dunia yang jelas memihak kepada Barat.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Berkenaan persoalan di Darfur ini ia bukan satu persoalan yang baru, sebenarnya ia mempunyai latar belakang daripada sejarah yang lama dan penjajahan. Walau bagaimanapun, Malaysia secara keseluruhannya sebagai dasar kita lebih berminat untuk melihat masalah dalaman itu diselesaikan mengikut pendekatan dalaman daripada tekanan daripada luar ataupun daripada kuasa-kuasa luar dan ini sebenarnya bukan masalah di antara golongan Arab dan golongan African, tetapi di antara dua kumpulan *tribal* adalah, dengan izin, *tribal problem* yang telah berlaku sekian lama yang tidak dapat diatasi, kedua-dua kumpulan adalah kumpulan kulit hitam Afrika, satu berbahasa Arab, lagi satu berbahasa tempatan.

Oleh itu, Malaysia selaku Pengerusi OIC, Perdana Menteri kita telah menghantar perutusan kepada Presiden Sudan, untuk melahirkan kebimbangan Malaysia mengenai pertempuran di antara pihak Jenjawi yang pro kerajaan dengan kumpulan-kumpulan pemberontak, seperti Sudan Liberation Army, dan Justice and Equality Movement (JAM), dengan izin, yang membawa kepada krisis kemanusiaan yang sedang berlaku di Darfur.

Malaysia berharap agar Kerajaan Sudan akan mengambil tindakan sebagaimana yang digariskan di dalam resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1556 dan membawa semua pihak yang terlibat ke meja rundingan di dalam usaha untuk mencapai penyelesaian politik, terhadap permasalahan ini.

Kita berpendapat bahawa campur tangan luar hanya akan merumitkan lagi keadaan di Darfur dan keadaan sekarang menjadi lebih rumit oleh kerana ada campur tangan daripada luar menyebabkan kedua-dua belah pihak masih bertelagah dan tidak mahu menyelesaikan melalui pendekatan rundingan. Kita juga yakin bahawa

penyelesaian politik yang menyeluruh akan dapat mengelakkan campur tangan asing di dalam masalah Sudan.

Berhubung dengan bantuan kemanusiaan, Pasukan Mercy Malaysia telah pun menubuhkan kem perubatan di Al Geniena, Darfur Barat dengan kerjasama Islamic Relief UK, dan mendaftar secara rasmi dengan Jabatan Kemanusiaan Kerajaan Sudan. Kerajaan Malaysia menyokong penuh inisiatif pasukan Mercy dalam kerja amal tersebut dan bersedia menghulurkan bantuan yang sewajarnya kepada Mercy. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang ke Dewan yang mulia ini, untuk menjawab soalan saya bagi kali yang keduanya, sesudah seminggu yang lalu disentuh dengan baik oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersama-sama dengan soalan-soalan yang lain.

Saya juga mengikuti ulasan Yang Berhormat Menteri sehari dua ini, tentang isu Darfur ini. Saya juga mengikuti bahawa di peringkat antarabangsa, Setiausaha Luar Amerika Sarikat, Collin Powel telah pergi ke Darfur, saya mengikuti juga Setiausaha Luar United Kingdom, Jacks Straw telah pergi ke Darfur, saya mengikuti juga Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan telah pergi ke Darfur, saya tidak mengikuti bahawa Yang Berhormat Menteri kita berada di sana kecuali saya ketinggalan dalam dunia maklumat yang begitu besar ini. Jadi, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Luar tidak ketinggalan untuk menunjukkan kepimpinan kita dalam OIC dan negara-negara berkecuali agaknya walaupun sudah terlewat tetapi pergi ke Darfur untuk memberi mesej kepada dunia bahawa kita memimpin dan kita memberi kepimpinan dalam menyelesaikan isu Darfur ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, bahawa kita menganggap isu ini, isu dalaman, tetapi Yang Berhormat Menteri juga menyebutkan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah membuat resolusi dan keputusan. Malah maklumat terakhir ini, Bangsa-Bangsa Bersatu akan terus menekankan lagi dengan satu lagi resolusi di masa yang akan datang ini.

Seorang Ahli: Soalan?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya tidak ada kepentingan, tidak ada nombor, berilah saya bercakap. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Menteri Luar bercadang untuk membawa isu ini di bawah pengawalan dan penyelesaian oleh OIC dan bukannya oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, dan kalau ianya melalui OIC maka sekali lagi Malaysia boleh mengharumkan namanya sebagai pemimpin OIC.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat tidak ada kepentingan dan atas pandangan yang amat melebar terhadap siapa yang sudah pergi dan siapa yang tidak pergi.

Sebenarnya ada perkara-perkara yang kita lakukan, dengan tujuan supaya kita tidak merumitkan kedudukan ahli OIC, jika sudah ada badan dunia memainkan peranan, kita memainkan peranan melalui cara yang lain. Saya sendiri berjumpa dengan Kofi Annan dan memberitahu pandangan Malaysia terhadap isu Darfur dan kita lebih berminat untuk melihat ianya tidak diperbesarkan dan menyulitkan rundingan di antara pihak-pihak yang bertelagah. Dalam struktur OIC sendiri Malaysia adalah Pengerusi kepada Sidang Kemuncak dan yang melaksanakan tugas di dalam hal-hal yang melibatkan hubungan ini adalah Pengerusi kepada Menteri-menteri Luar (OIC Foreign Ministers), yang sekarang yang dipimpin oleh Turki, sebab itu kita lebih memainkan peranan secara tidak direct dengan membuat kenyataan-kenyataan untuk mempengaruhi keputusan nanti, dan kita juga minta Secretary General ataupun Setiausaha Agung OIC untuk berperanan, kita berperanan melalui, saya berbincang dengan Secretary Powel, daripada Amerika Syarikat, saya berbincang juga dengan Kofi Annan, jadi tidak bermakna kalau kita tidak ada memberitahu perkara itu, kita tidak ada berminat.

Insyaa-Allah dengan cara kita tersendiri, kita juga dapat menyelesaikan masalah kemanusiaan yang menjadi perkara yang agak rumit untuk diselesaikan begitu sahaja dan berkenaan resolusi, Malaysia mempunyai pendirian, kalau Bangsa-Bangsa Bersatu terus menekan, pihak yang mengambil tindakan untuk memberontak akan tidak mahu duduk semeja bagi berbincang dan ini dengan tekanan menggunakan sekatan atau resolusi yang kedua, untuk memberi sekatan juga tidak akan membantu keadaan Sudan yang makin menjadi bermasalah dan kompleks, oleh itu bila saya akan berlepas ke Amerika Syarikat, New York untuk menghadiri persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu, saya akan berpeluang untuk mengemas kini dan melihat bagaimana cara terbaik untuk kita turut menyumbangkan. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya gembira juga dengan Yang Berhormat yang setakat ini kita menghantar pasukan MERCY ke Darfur dan bolehkah Yang Berhormat terangkan, saya bertanya secara sopan takut Yang Berhormat merajuk pula kemudian ...*[Disampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Point of order. Dalam ucapan dan pertanyaan arah tujuan muka yang menyoal itu adalah Saya nampak Yang Berhormat Kepong lembut terlebih sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu tengoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tengok saya di sini lebih baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, memang, memang kita tengok ke situ tetapi kadang kala kita mesti mempelbagaikan pandangan kita. Kalau satu orang pun tidak baik juga. Ini kepelbagaian begitu juga. Adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mengapa hendak tengok sana, Jerai suka tengok Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak. Yang Berhormat apakah keadaan yang sebenarnya daripada media massa CNN, BBC dan sebagainya nampak begitu dahsyat, keadaan yang begitu teruk. Apakah yang sebenarnya keadaan di Darfur dan mengapa dengan usaha Yang Berhormat dengan Sekretari Powel, dengan Kofi Annan dan sebagainya, mengapa resolusi seumpamanya masih dibentangkan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mendapat apa tu... terima kasih Yang Berhormat kerana bersopan. Saya sendiri mendapat maklumat yang bercampur-campur daripada pihak MERCY, saya mendapat laporan dari MERCY yang berada di sana yang mengatakan bahawa keadaan tidak seburuk sebagaimana digambarkan di dalam media antarabangsa seperti CNN atau BBC. Ada berpendapat ini mempunyai hubungan politik antarabangsa, geopolitik yang lebih jauh daripada apa yang dapat kita lihat di permukaan. Oleh itu kita mendapatkan laporan daripada kedutaan kita di Sudan, daripada MERCY, daripada laporan-laporan yang dibuat oleh penulis-penulis Barat yang bebas. Walau bagaimanapun, masyarakat antarabangsa telah diisikan dengan keadaan sengketa yang teruk dan dahsyat sebab itu tindakan diambil dan kita mahu

Sudan untuk mengelakkan sesuatu yang lebih buruk berlaku yang boleh menjejaskan maruah dan kedudukan Sudan untuk bekerjasama dengan pihak antarabangsa setakat yang mereka mampu supaya tekanan dapat dikurangkan dan satu formula yang baik dapat dicapai. Terima kasih.

8. Dato' Haji Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa kebanyakan pertubuhan belia di luar bandar lemah dari segi pengurusan serta aktiviti dan telah banyak yang berkubur; dan
- (b) adakah pegawai-pegawai belia yang ditugaskan, membuat pemantauan dan Kementerian bagi memulihkan imej belia di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil kajian mengenai cabaran dan prestasi persatuan belia yang dijalankan oleh pihak KBS dan Universiti Putera Malaysia, UPM pada tahun 2000 adalah didapati hanya terdapat 25% daripada sejumlah kira-kira 8,000 persatuan belia yang berdaftar di seluruh negara yang masih aktif. Ini bermakna 75% daripada jumlah tersebut semasa tahun kajian dijalankan didapati tidak aktif.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar bahawa terdapat banyak pertubuhan belia khususnya di luar bandar yang lemah dari segi pengurusan serta pelaksanaan aktiviti. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi fenomena tersebut termasuklah pemberian bantuan pentadbiran, pemberian bantuan aktiviti, pemberian bantuan pengupayaan pertubuhan belia, pelaksanaan program latihan kepimpinan dan pengurusan organisasi pertubuhan belia.

Dalam isu pertama, pemberian bantuan pentadbiran - bantuan kewangan diberikan kepada pertubuhan belia peringkat kebangsaan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah di seluruh negara pada setiap tahun bertujuan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan belia masing-masing.

Pemberian bantuan aktiviti - bantuan kewangan ini diberikan kepada pertubuhan belia bagi membolehkan pertubuhan tersebut melaksanakan pelbagai aktiviti untuk ahli-ahli dan anggota masyarakat termasuklah aktiviti Rakan Muda, kemasyarakatan, kerohanian dan sebagainya.

Ketiga, pemberian bantuan pengupayaan - pertubuhan belia, bantuan kewangan ini diberikan kepada dua belas buah pertubuhan belia yang kurang aktif atau lesu dalam setiap daerah. Setiap pertubuhan belia yang dikenal pasti di bawah program ini akan menerima bantuan kewangan bagi tujuan perbelanjaan pengurusan pertubuhan belia serta perbelanjaan melaksanakan aktiviti atau program belia.

Keempat, pelaksanaan program latihan kepimpinan dan pengurusan organisasi pertubuhan belia - latihan dalam bentuk kursus, bengkel, seminar dan sebagainya dilaksanakan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah khusus kepada pemimpin belia yang memegang jawatan dalam pertubuhan belia. Aspek yang diberi tumpuan dalam latihan tersebut adalah kepimpinan dan pengurusan pertubuhan belia.

Untuk jawapan bagi soalan (b), pegawai-pegawai belia khususnya di peringkat daerah sememangnya dikehendaki supaya membuat pemantauan serta melaporkan status keaktifan pertubuhan-pertubuhan belia di daerah masing-masing kepada pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta kementerian. Mereka juga diminta agar sentiasa membantu dan memberi khidmat bimbingan terutama sekali kepada pertubuhan belia yang kurang aktif. Bantuan yang dilakukan dari masa ke semasa ini penting bagi membolehkan kementerian mengenal pasti kaedah bantuan atau latihan yang perlu diberikan kepada pertubuhan yang terbabit.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah masa untuk soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****Bacaan Kali Yang Kedua***DAN***USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang”.dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” **[20 September 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat daripada kawasan Beluran diminta menyambung ucapan.

11.03 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya mengenai bioteknologi. Kita melihat bahawa pembangunan bioteknologi di negara ini bolehlah didasarkan kepada dua dokumen iaitu Dasar Pertanian Negara Yang Ketiga yang mana objektifnya antara lain adalah untuk meningkatkan food safety, produktiviti dalam sektor pertanian dan sektor yang berkaitan. Dokumen yang kedua adalah Pelan Induk Perindustrian Yang Kedua yang

antara lain objektifnya adalah untuk mengeksploit aspek berikut di bawah sektor pertanian contohnya industri asas tani dan perikanan, buah-buahan, sayur-sayuran, *floral culture*, industri kimia dan juga produk semula jadi.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kajian agro-bioteknologi telah juga difokuskan kepada *genetic engineering*, penambahan hasil padi, penambahan serve life untuk bunga dan buah-buahan, menambah baik warna bunga, tisu culture, sel culture, perkumuhan vaksin dan pengeluaran haiwan ternakan dan sebagainya. Namun demikian, seperti yang saya katakan semalam walaupun begitu banyak R&D dijalankan oleh kita namun negara kita masih belum mengalami pertumbuhan yang significant dalam industri bioteknologi ini. Dari segi benchmark global seperti bilangan syarikat bioteknologi yang berjaya diwujudkan ataupun bilangan paten

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira ahli Yang Berhormat sebentar tadi telah menyentuh perkara yang cukup penting bagi kita iaitu tentang agro-bioteknologi ini dan juga dalam konteks R&D yang telah disebut itu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita masih belum mempunyai kehebatan ataupun *niche* di bidang ini?

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Kuala Terengganu. It was just about to touch perkara itu Yang Berhormat. Saya katakan bahawa walaupun R&D dan pendekatan-pendekatan yang telah dijalankan, negara masih belum mengalami pertumbuhan yang significant dalam industri bioteknologi, itu satu kenyataan. Kerana dari segi benchmark nya bilangan syarikat bioteknologi yang diwujudkan masih kecil, bilangan paten yang berkaitan bioteknologi juga tidak menggambarkan negara telah berjaya menarik peluang-peluang yang ada untuk diterjemahkan pada aset bioteknologi untuk pertumbuhan k-ekonomi.

Alasan dan faktor penyebabnya adalah seperti berikut, *critical mass* berkenaan dengan *collocated investor* yang kurang. Kita kurang dari segi *stage of the art* dari segi kemudahan, kekurangan dari segi suasana entrepreneur dan mekanisme pengkomersialan yang memberangsangkan. Terdapat juga kurang dari segi penglibatan pihak swasta kerana mereka lebih cenderung untuk meminimumkan risk terhadap teknologi dan produk yang dipasarkan. Kita juga kurang dari segi *linkages*

dengan industri lain kerana melalui penyelidikan bersama masih terlalu sedikit dan *negligible*. Ini menunjukkan perlunya kerjasama dan koordinasi dipertingkatkan di kalangan swasta untuk menggalakkan lebih banyak projek-projek *market oriented* R&D..

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor ini merupakan faktor-faktor yang harus dilihat oleh kerajaan untuk menentukan agro-biotek kita dapat diperkasakan, dipertingkatkan pencapaiannya untuk sektor yang telah kita matlamatkan. Saya setuju bahawa sektor agro-bioteknologi ini harus diberikan penekanan yang lebih besar, lebih kuat dibuat oleh kerajaan lebih-lebih lagi dalam menerokai bidang-bidang seperti pembangunan, mikro propagation teknologi secara sekala besar untuk pertumbuhan yang mempunyai kepentingan ekonomi negara, terhadap aplikasi genetic engineering dan sel teknologi untuk program pembiakan tumbuhan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang berakar.

Untuk menambahkan kajian dan pemindahan teknologi bagi tujuan menambah baikkan *variety* buah-buahan dan pemprosesan produk pertanian. Perkembangan bioteknologi berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar dan penanaman semula hutan. Ini saya percaya akan menjadi tumpuan kerajaan dalam masa yang terdekat ini. Usaha perkara ini harus juga ditumpukan untuk menarik lebih besar syarikat-syarikat besar dunia untuk sama-sama menerokai potensi agro-bioteknologi yang ada di negara kita dan kita tidak terhad kepada *global players* seperti 'avantis, agro avo' dan sebagainya tetapi malah menarik lebih banyak syarikat-syarikat besar untuk membuat pelaburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia banyak mengimport bahan makanan, sayur-sayuran, bijirin, benih seperti negara China, Australia, Indonesia, USA, Argentina, Brazil, India dan juga South Afrika. Kalau kita lihat semua negara ini adalah merupakan negara-negara yang telah tersenarai sebagai GM crop growing countries. Zambia pada satu ketika dahulu pernah menolak bantuan makanan daripada negara-negara yang terlibat dengan GM crop growing countries ini. Walaupun ketika itu negara tersebut mengalami keadaan *famine*. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana bioteknologi *regulatory, frame work* Yang ada di negara ini berkesan untuk memastikan terdapatnya *food safety assessment* di negara kita terhadap GM crop yang diimport masuk ke negara kita. Dari segi *public awareness* apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan terhadap perkara ini.

Rasanya ramai yang belum mengetahui dan banyak lagi yang harus diperjelaskan oleh kementerian mengenai produk-produk *agro biotechnology*. Penjelasan termasuklah soal hak untuk memilih sama ada untuk menerima *GM crop* ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya sekarang Malaysia dengan hasratnya untuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas. Ohh, minta maaf. Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Beluran. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi. *Biotechnology* – bagi saya pemindahan *biotechnology* dalam pelbagai bidang itu tidak menjadi masalah. Cuma saya menimbulkan sedikit apakah Yang Berhormat mengambil kira pemindahan *biotechnology* dalam ternakan kerana saya dapati ada ura-ura kita hendak memindahkan *biotechnology* ini daripada sel-sel binatang yang tidak halal. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Itu merupakan soalan yang saya kemukakan semalam – pendirian kerajaan terhadap perpindahan sel-sel ini bukan sahaja terhadap haiwan-haiwan tetapi juga tumbuh-tumbuhan yang kita gunakan [*consume*] sebagai bahan makanan dan kita akan tunggu penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dengan hasratnya untuk mempertingkatkan pengeluaran pertaniannya untuk menjadikan pertanian sebagai *the third engine of growth* akan menjurus kepada *agro biotechnology* ini. Itu merupakan hakikatnya dan dalam keadaan yang demikian saya rasakan perkara-perkara berikut harus difikirkan dan diambil kira oleh kerajaan untuk menentukan kita berjaya dalam perkara-perkara ini.

Yang pertama, perlu diperjelaskan - keutamaan – *agro biotechnology* merupakan satu agenda yang luas dan agenda ini perlu di *narrow down*kan untuk mengimbangi keperluan *agro industry* dan keperluan ladang-ladang kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merasa amat gembira dengan ucapan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Apa kata kalau saya menyatakan bahawa apa yang disebut tentang *agro biotechnology* ini

harus difikirkan secara menyeluruh yakni dikaitkan dengan perkembangan dan pembangunan *k-worker* dalam persekitaran *knowledge-based economy* (KBE) ini yang tidak boleh dilihat dalam bentuk serpihan sektor pertanian sahaja, tetapi sekali gus juga difikirkan tentang pendidikan di peringkat pengajian tinggi daripada peringkat sekolah lagi.

Datuk Ronald Kiandee: Saya bersetuju bahawa usaha untuk memperjelaskan *agro biotech* ini tentang kepentingannya, *risknya* dan ketidakpastiannya harus dijadikan sebagai bahan pendidikan untuk negara kita.

Yang pertama, soal apakah peranan peladang kecil ataupun pekebun kecil dalam *setup agro biotechnology* yang diadakan ini. Soal harga benih akan menjadi tinggi - daripada produk *agro biotech* ini saya jangkakan bahawa harga benih akan meningkat tinggi. Apakah peranan kerajaan dari segi kesediaan kerajaan untuk memberi insentif dan subsidi di masa akan datang.

Yang kedua, kita harus meletakkan *time horizon* – perlu diwujudkan mekanisme untuk *monitoring* dan *accountability* terhadap aspek ini . Soal sama ada undang-undang dan peraturan *biosafety* yang ada diupdatekan dan *in place* ataupun dalam keadaan yang sedia untuk dijadikan sebagai *biosafety* untuk industri ini.

Yang ketiga, perlu meletakkan kepentingan nasional. *Biotechnology* akan mengundang penderma sihat terbesar untuk melakukan kajian di negara kita terhadap industri ini. Dalam keadaan demikian, apakah kepentingan kita dari segi *crop* kita akan diutamakan sama ada kajian itu akan dilakukan atas kepentingan negara pelabur demikian. Itu harus diperjelaskan oleh kementerian.

Keempat, dalam usaha untuk mempertingkatkan *collaboration* di peringkat wilayah (*regional*) antara negara-negara yang terlibat, Thailand, China, UK, Australia dan sebagainya seperti juga pelabur yang lain perlu diadakan suasana yang *conducive* untuk menarik pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bukanlah baru dalam penerokaan *agro biotechnology* ini, cuma dari segi pencapaiannya masih banyak yang perlu kita lakukan. Saya jangkakan dan saya dimaklumkan bahawa banyak tenaga, kewangan dan juga *expertise* yang telah kita tumpahkan terhadap *tissue culture* - satu lagi aspek *agro technology* ini. Tetapi *tissue culture* terhadap kelapa sawit dari segi pencapaiannya hingga ke hari ini masih banyak yang perlu kita lakukan untuk

menjadikan *tissue culture* dalam kelapa sawit sebagai satu pelaburan yang memulangkan hasil yang dimatlamatkan.

Saya ingin pergi kepada perkara kedua yang saya sentuh dalam ucapan bajet ini. Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita melihat beberapa keputusan mahkamah di negara kita ini yang perlu diteliti oleh kerajaan. Saya melihat terdapat mesej yang luas, yang hendak disampaikan oleh mahkamah terhadap kes-kes yang menjadi bacaan kita di media. Keputusan Mahkamah, *Court of Appeal* baru-baru ini yang menghendaki tarikh tepat sebagai satu bahan bukti yang akan menentukan pada sesuatu kes itu harus dikaji secara terperinci oleh pihak mahkamah.

Saya melihat secara terperinci kerana kita diberitahu sendiri bahawa pihak AG sendiri dalam menyatakan banyak kes *sexual abuse* yang melibatkan kanak-kanak harus di'*NFA*'kan ataupun ditarik oleh mahkamah disebabkan oleh keputusan standard yang diberi oleh Mahkamah *Court of Appeal* baru-baru ini. Kalau kita lihat kes ini merupakan kes yang serius dan *child sexual abuse* di kalangan kanak-kanak merupakan satu kes yang agak besar yang berlaku di negara kita.

Di peringkat nasional umpamanya, pada tahun 2000 sahaja disenaraikan sebanyak 2,127 kes yang termasuk dalam kategori *child sexual abused* di kalangan kanak-kanak ini. Persoalannya, jika kerajaan tidak mengambil tindakan kes-kes seperti ini akan terpaksa ditarik balik – di'*NFA*'kan dan tentulah dalam keadaan demikian, orang ramai akan melihat sama ada kita ini cenderung kepada OKT ataupun kita cenderung kepada hak *victims* ataupun yang menjadi mangsa.

Saya hanya ingin menyampaikan keluhan ramai pemimpin persatuan NGO yang melihat kes ini perlu satu tindakan yang terperinci dibuat oleh kerajaan, sama ada untuk menggubal undang-undang ataupun menyenaraikan kehendak mahkamah dalam kes-kes sedemikian. Apakah tindakan kerajaan untuk melihat bahawa *sexual offenders* terhadap kanak-kanak ini akan terlepas disebabkan oleh satu standard baru yang telah digariskan oleh pihak mahkamah? Apakah tidak ada keperluan untuk melihat tahap penyiasatan kita untuk diperkemas, di'*airtight*'kan dari segi teknik dan pendekatan? Apakah kerajaan tidak melihat perlunya aspek IO pihak penyiasat dipertingkatkan dalam melihat bahawa lebih banyak kes ini dapat dikemukakan secara baik di mahkamah.

Saya ingin menyingkap satu keratan akhbar yang bertajuk "*IO are over work loads.*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung, ya?

Datuk Ronald Kiandee: *IO are over work loads* dikatakan seorang Defence Counsel ada mengatakan banyak kes *could have a better chance of conviction* jika penyiasatan dilakukan secara *thorough*. Dalam aspek ini, beberapa kes yang mendapat tempat di akhbar tempatan seperti kes Noritta Shamsudin, kes Datuk Norjan yang berlaku di Sabah, kita melihat bahawa jika penyiasatan dilakukan secara baik, besar kemungkinan kes-kes seperti ini dapat kita buat *conviction*.

Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bersedia untuk menentukan pihak agensi penyiasat ini diperkemaskan taktik penyiasatannya, dilihat kecukupan tenaga kerja pihak penyiasat ini, soal kerjasama antara agensi pendakwa dengan agensi penyiasat untuk diperkemaskan, dipertingkatkan bentuk kerjasama yang ada. Soal sama ada kes tertentu *high profile* ataupun tidak, sama ada ada kecenderungan bagi kes-kes *high profile* ini disiasat secara cepat dan akan menjejaskan penyiasatan dan keperluan untuk melihat seperti yang berlaku dalam kes Datuk Norjan di mana *cautious statement* ditolak disebabkan oleh keadaan lokap yang tidak sesuai dan keadaan di mana kes-kes seperti itu harus dilihat, dan ditentukan penyiasatan agar dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin polis sentiasa membuat tindakan dan juga menentukan bahawa tahap penyiasatan yang dijalankan akan memberi gambaran yang sesuai dengan perkembangan masa. Saya dengan ini mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu
11.21 pagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam perbincangan Belanjawan 2005 hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan Belanjawan 2005 dan saya pasti ianya akan memberi manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah telah mendapat peruntukan sebanyak RM6 bilion lebih di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dan setakat tahun 2003 peruntukan yang telah diperuntukkan untuk pembangunan sebanyak RM2.3 bilion dan hanya dapat dibelanjakan 50% sahaja.

Dalam Bajet 2005 juga kerajaan terus memberi keutamaan kepada peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar dengan memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM468 juta untuk pembangunan di luar bandar. Namun demikian, saya ingin meminta penjelasan sejelas-jelasnya daripada pihak kementerian berkenaan dengan kelulusan beberapa projek jalan kampung yang telah diluluskan tetapi belum nampak lagi dilaksanakan di kawasan Bintulu. Contohnya, Projek Simban, jalan asas ke Rumah Meringai dan beberapa buah Rumah Panjang sudah diluluskan pada tahun 2003 dan sekali lagi diluluskan pada Januari 2004. Surat sudah diberi kepada saya daripada bekas Menteri dan peruntukan difahamkan telah disalurkan kepada JKR, tetapi setakat ini saya sebagai wakil rakyat di kawasan berkenaan belum lagi nampak projek ini dilaksanakan seperti yang telah diluluskan.

Satu lagi yang paling musykil ialah Projek Naik Taraf Jalan Raya Rumah Pagong dan beberapa lagi Rumah Panjang ke SK Sikan telah diluluskan pada Pilihan Raya Kecil Tahun 1997.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Seri Bintulu. Saya belum lagi sampai ke Bintulu ini. Saya difahamkan tempat minyaklah. Rata-rata Ahli Parlimen di sini, 80% daripada luar bandar. Dari luar bandar kawasan yang ketinggalan dibandingkan dengan bandar.

Kita menyuarakan semua apa yang dihasratkan oleh rakyat tentang kemudahan-kemudahan asas. Kita tahu peruntukan yang diperuntukkan kepada pembangunan luar bandar tidak mencukupi. Tidak memadai, ia tidak sebesar macam peruntukan kepada Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pelajaran ataupun seperti yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan.

Peruntukan yang diperuntukkan kepada luar bandar tidak seimbang dan memang tidak cukup. Kita rasa sedih kerana kehendak rakyat tidak akan dipenuhi keseluruhannya. Sudahlah kita faham bahawa kehendak rakyat tidak dapat dipenuhi keseluruhannya, kekuatan perbelanjaan atas peruntukan yang diperuntukkan 50%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah tujuan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tujuannya Datuk akan faham. Datuk orang yang arif dan bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat tuju kepada Bintulu, tuju kepada pihak kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang ini sindir, sindir apa?.....sindir anak, apa?..... Sindir anak..... apa?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pukul anak sindir menantu.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Pukul anak sindir menantu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pukul anak

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Pukul anak sindir menantu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: sindir menantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak faham nanti dapat belajar, masuk sekali tanyalah. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya faham Datuk. Sudahlah peruntukan yang diperuntukkan kepada luar bandar tidak mencukupi seperti kehendak Ahli-ahli Parlimen yang membawa masalah rakyat dalam Dewan yang mulia ini, termasuk Pulai, Datuk. Sudahlah tidak cukup, maka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini sekarang, Bintulu yang berucap. Bukan Yang Berhormat yang berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berucap sekarang Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucap, nanti saya akan beri peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berucap Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, nanti. Ini, sekarang minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bintulu, dia berucap dengan cara dialah. Saya mencelah ini untuk memperkuatkan Bintulu dan ini untuk perhatian kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat. Dia datang dari Sarawak, masalah terus kepada Kuala Lumpur, tidak payah pusing ke Sarawak dan balik ke Kuala Lumpur. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa] Kita rasa kecewa, sudahlah peruntukan yang diperuntukkan kepada kemudahan-kemudahan asas di luar bandar itu tidak mencukupi saban tahun dibandingkan dengan permintaan yang tinggi tetapi

perbelanjaan pula 50%. Maknanya orang luar bandar kalau ini caranya sampai kiamat tidak akan selesai. Tidak akan selesai.

Jadi, Bintulu yang dihormati Dato' Seri Tiong, macam mana agaknya hendak kita selesaikan masalah ini. Kalau boleh jawab, jawab. Kalau tidak boleh jawab terus sahajalah bercakap. Biar menteri jawablah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Itulah saya berharaplah supaya pegawai-pegawai dari kementerian bolehlah ambil perhatian. Peruntukan sudah pun ada, haraplah boleh dibelanjakan.

Tahun 1997, sebagaimana maklum yang sudah diumumkan sendiri oleh bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar pada masa tersebut namun sampai hari ini, bayang atau habuk pun tidak nampak yang projek ini akan dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya mahu bertanya kepada menteri yang baru kenapa sampai hari ini projek yang dimasukkan belum lagi dilaksanakan dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.

Di samping itu, juga perhubungan dengan harga yang ditawarkan untuk pelaksanaan projek naik taraf jalan raya yang tidak bersesuaian. Contohnya, harga di Semenanjung RM80,000 bagi setiap kilometer dan Sabah/Sarawak RM120,000 untuk pembinaan projek naik taraf jalan raya. Harga membina naik taraf jalan raya antara bandar dan di kawasan pedalaman tidak sama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Kos pembinaan di kawasan pedalaman ada banyak perbezaan di mana kos membina di luar bandar lebih tinggi berbanding dengan kawasan bandar. Cubalah bayangkan untuk sampai di kawasan pedalaman memakan masa yang lama terpaksa melalui jalan balak yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Dato' Seri Tiong King Sing: Sekejap. Jalan balak yang berbukit dan sukar dilalui semasa cuaca buruk dan menyukarkan membawa peralatan atau bahan binaan ke sana.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, orang yang kuat kerja, satu-satunya Wakil Rakyat di Sarawak sampai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, hendak masuk soalanlah. Macam Pulau jugalah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak mahu dengar.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti diganti oleh Sipitang. Memang kuat kerja, rajin hampir-hampir tenggelam. Batu Gajah pun rajin juga. Tetapi rajin dia macam lain sedikit.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Soalan saya Yang Berhormat, sejak akhir-akhir ini, pengangkutan di Sarawak terutama dengan kemudahan helikopter. Tadi Yang Berhormat sebut fasal jalan, sudah tentu kos di sana tinggi dan kita tidak menafikan dan begitu juga kami di Semenanjung mengharapkan supaya pembangunan di Sabah dan di Sarawak terus diberikan tumpuan dan perhatian.

Masalahnya ialah tentang penggunaan helikopter ini, apakah masih selamat lagi untuk digunakan kerana rata-rata Wakil Rakyat di Sarawak terutamanya, kalau Yang Berhormat mungkin boleh naik sampan, naik bot di sesetengah tempat, saya rasalah, di Kapit pun begitu. Jadi, bagaimana? Apakah pandangan Yang Berhormat tentang penggunaan helikopter ini? Kerana ini bukan sahaja seorang dua menggunakannya kerana kawasan di Sarawak ini begitu luas, begitu jauh. Apakah penggunaan helikopter ini selamat atau mungkin Kerajaan Sarawak boleh memikirkan tentang bagaimana kalau betul-betul penggunaan helikopter ini cukup penting walaupun mahal, hendak ditimbang untuk setiap Wakil Rakyat di Sarawak ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Larut. Saya haraplah semua pegawai atau menteri di Dewan yang mulia ini fahamlah betapa susah kita di Sarawak dan Sabah. Saya haraplah Menteri boleh ambil perhatian dan tindakan.

Ekoran daripada itu, kontraktor yang dilantik akan cuba untuk mengurangkan kos dengan cara menipu atau curi ayam dalam melaksanakan projek berkenaan dengan membina jalan yang tidak berkualiti. Banyak projek jalan kampung luar bandar terutamanya di bawah pelaksanaan projek payung yang lalu di mana banyak jalan sudah rosak. Rakyat marah dan tuduh kerajaan tidak serius dalam memberi mereka projek pembangunan.

Saya berharap agar harga pembinaan jalan di kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah dikaji semula agar ia lebih munasabah serta memastikan hasil kerja yang memuaskan. Saya juga ingin bertanya adakah kementerian dapat menyalurkan peruntukan khas untuk membaiki serta menaik taraf jalan-jalan kampung yang sudah rosak. Kalau kementerian belum mempunyai peruntukan khas untuk menaik taraf jalan-jalan yang tidak berkualiti ini, saya mahu bertanya kepada Menteri bilakah ataupun apakah rancangan untuk menyelesaikan masalah ini.

Dengan ini juga saya berharap Menteri baru dalam kementerian ini dapat menyelesaikan masalah ini dan menjadikan masalah lalu sebagai teladan dan peringatan untuk melaksanakan tugas hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Pelajaran, saya harapkan kali ini pegawai daripada Kementerian Pelajaran bolehlah buka telinga sedikit, dengarlah baik-baik terutama masalah pembinaan SMK Bau yang tenat. Kalau saya hendak bercakap tentang sekolah ini, sampai besok ataupun sampai habis tahun pun tidak habis. Saya telah pun bangkitkan isu di atas sebanyak tiga kali di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi jawapan yang diberi tidak konkrit.

Sekali lagi untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, pada pertengahan tahun 2001 semasa pilihan raya DUN Sarawak, Ketua Menteri telah melakukan upacara pecah tanah SMK Bau dengan dihadiri oleh pegawai-pegawai tinggi daripada Kementerian Pendidikan. Namun demikian, kontraktor yang melaksanakan projek ini cepat lari setelah dua atau tiga bulan menjalankan kerja. Sampai sekarang sudah empat tahun berlaku. Bayangan projek ini akan diteruskan pun tidak nampak.

Saya diberitahu bahawa kegagalan ini disebabkan oleh kontraktor serta tiada lagi peruntukan. Saya ingin bertanya kepada Menteri kenapa ini terjadi? Ke mana perginya peruntukan yang sepatutnya untuk projek sekolah ini? Kenapa Kementerian Pelajaran begitu cuai dalam melantik kontraktor sehingga menyebabkan projek

sekolah ini terbengkalai sedangkan rakyat mengharapkannya. Apakah tindakan Kementerian Pelajaran setakat ini? Bila hendak melaksanakan projek ini atau mahu biarkan imej Kerajaan Barisan Nasional tercemar kerana tidak dapat menepati janji kepada rakyat.

Janganlah sehingga berlaku insiden seperti bangunan terbakar atau runtuh atau para pelajar dipatuk ular kerana berlaku banjir yang mengakibatkan kecelakaan serius atau kematian barulah pihak kementerian sibuk mahu bertindak. Adalah diharapkan para pegawai di kementerian bersikap proaktif. Janganlah *reactive* sahaja walau apa pun pihak kementerian mestilah melaksanakan projek ini dengan segera kerana kita telah berjanji kepada rakyat. Kita ada tanggungjawab untuk menepati janji kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang berwibawa.

Selain itu, saya juga pernah beberapa kali menulis surat kepada Kementerian Pendidikan yang lalu untuk meminta peruntukan khas bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan sekolah-sekolah di luar bandar. Dahulu, kementerian ada berjanji tetapi tidak ada khabar berita dan kita boleh kata 'hangat-hangat tahi ayam' dan hangat-hangat tahi ayam.... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Ubah sedikitlah supaya dia orang panas punggung sedikit..... dan keadaan sekolah masih lagi seperti dahulu misalnya tandas dan lain-lain. Kalau kita masuk pun jadi pengsan.

Seorang Ahli: Bau.....

Dato' Seri Tiong King Sing: Kalau kita goyang kuat juga itu, bangunan sekolah boleh runtuh. Apa yang telah kementerian buat sampai hari ini? Kenapa tidak turun padang melihat sendiri atau kalau tidak percaya, saya boleh bawa Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen ataupun pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran pergi tengok sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan berkenaan.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun, Mambong dan Batu Gajah.

Dato' Seri Tiong King Sing: Mambong, Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat bagi Bintulu. Di kawasan saya juga Yang Berhormat seperti kawasan Yang Berhormat juga sudah dua tahun berturut-turut sebuah sekolah St. Patrick Semedang. Saya sudah sebut di sini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menyatakan bahawa beliau akan menunaikan janji untuk memindahkan sekolah itu ke tempat yang tinggi. Saya sudah menulis surat kepada Menteri Pelajaran untuk memindahkan sekolah di kawasan yang selalu dilanda banjir.

Apakah pendapat Yang Berhormat tentang sekolah-sekolah yang ditempatkan di kawasan yang rendah dan selalu dilanda banjir, kerana sekarang *global warming* semakin serius dan perubahan iklim semakin serius, pada bulan-bulan yang sepatutnya tidak ada hujan kita ada hujan seperti bulan September ini. Inilah masalah perubahan iklim dan *global warming* dan kita setiap tahun akan dilanda banjir dan lebih banyak lagi kawasan-kawasan yang akan dilanda banjir. Oleh yang demikian, apakah pendapat Yang Berhormat untuk memindahkan sekolah di kawasan-kawasan yang rendah dan selalu dilanda banjir ke kawasan yang lebih tinggi lagi supaya tidak dilanda banjir. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Itu memanglah sepatutnya kementerian mengambil perhatian. Saya bertanya Menteri apakah tindakan atau rancangan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini. Sehubungan itu, saya juga ingin bertanya apakah rancangan pihak Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di kawasan pekan dan pedalaman khususnya Sarawak. Apakah kementerian mempunyai rancangan untuk membawa masuk tenaga pengajar dari luar negara. Walau bagaimanapun, masalah ini perlu diatasi segera. Janganlah hanya sering memberi jawapan selalu di Dewan yang mulia ini bahawa ianya sedang dikaji atau dipertimbangkan ataupun dalam perancangan.

Kita sudah bosan mendengar jawapan yang tidak konkrit dan tidak ada titik noktah. Dengan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat bagi Putatan bangun. Putatan.

Datuk Dr. Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya kagum dan tertarik sekali dengan rintihan-rintihan Yang Berhormat bagi Sibu bahawa masalah beliau itu memanglah terbuktinya sebagai orang yang bekerja kuat. Pada dua minggu yang lalu, di kawasan saya, saya telah

menghadiri gotong-royong di satu sekolah. Sekolah ini baru dibina oleh kerajaan, saya nampak di situ *maintenance* yang kontraktor-kontraktor buat di kawasan sekolah itu tidak menentu. Saya terkejut melihat rumput rampai tumbuh sampai dekat paha, tidak pernah *maintain*. Jadi, pembayaran saya rasa sudah dibayar oleh Jabatan Pendidikan di Sabah. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap kontraktor-kontraktor yang mengabaikan tugas-tugas mereka itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Memanglah tentang masalah ini Dewan yang mulai sesi yang lepas saya ada membahaskan mengenai *maintenance*. Tetapi memang kadang-kadang ada sekolah-sekolah saya bertanya kepada mereka dan mereka mengatakan peruntukan tidak ada. Kadang-kadang mereka ada melantik kontraktor, saya pun tidak tahu macam mana kontraktor tersebut boleh mendapat sijil *certify completion* mengenai kerja-kerjanya. Tentang *maintenance* itu sekolah pun boleh mendapat *completion of certificate*, dengan izin boleh sampai ke kementerian untuk mengambil bayaran.

Saya berharap ini lagi satu masalah di mana Kementerian Pelajaran boleh mengambil tindakan disegerakan. Dengan ini saya juga memohon Menteri yang baru di Kementerian Pelajaran dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut tadi. Budaya ini mesti diubah agar wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang mahukan kita 'cemerlang, gemilang dan terbilang' akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kementerian-kementerian dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan bolehlah dijawab dengan jelas dan ikhlas untuk kepentingan negara. Akhir sekali saya menyokong Bajet 2005 yang dibentangkan baru-baru ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas dahulu.

11.46 pagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, pada hari ini saya berkesempatan untuk bersama-sama membahaskan ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat lepas. Saya kira bahawa pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini cukup berjaya

dalam pembentangnya dan menekankan pula pada beberapa hari keesokannya iaitu supaya bajet ini disegerakan, dilaksanakan dengan seberapa segera yang dapat. Jangan sampai pada hujung tahun baru segala projek-projek ini baru hendak dilaksanakan.

Dalam keadaan hujung tahun begitu barangkali tidak dapat dilaksanakan dengan baik, walaupun ianya dapat dilakukan tetapi tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Saya mengucapkan terima kasih di atas penegasan yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan dan dalam kenyataan-kenyataan yang lepas. Tetapi apa yang hendak saya tekankan di sini ada dua tiga perkara. Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang kerana barangkali ada sahabat-sahabat kita yang terlalu sibuk untuk pergi ke Perhimpunan.

Saya mengambil dua tiga nota penting, di antaranya pelaksanaan itu hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh. Ia bukan hanya di bandar-bandar besar ataupun di pekan-pekan tetapi biarlah ianya menyeluruh sampai ke pedalaman, di kampung, di luar bandar, kerana sebahagian yang saya dengar daripada ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak cukup-cukup menyayat hati bagaimana di Sabah dan Sarawak digambarkan betapa miskinnya, susahya pelajar-pelajar hendak ke sekolah tidak ada jalan raya, tidak ada elektrik, tidak ada kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Dahulu kita mendengar mereka menghentam Kelantan, Kelantan gerhana, Kelantan miskin, Kelantan susah. Saya tidak menjadi masalah sangat kerana masyhur Kelantan ini diperintah oleh parti pembangkang. Kalau dia miskin munasabah, ia diperintah oleh parti pembangkang, tetapi Sabah dan Sarawak ini diperintah oleh parti kerajaan oleh Kerajaan Pusat, tidak sepatutnya berlaku setelah bersama-sama dengan Malaysia dan Kerajaan Pusat ialah memberi keutamaan kepada rakyat terbanyak di seluruh negara tanpa melihat bangsa, agama, budaya dan pelbagai lagi. Keutamaan ini mesti diberikan dengan secara menyeluruh.

Yang kedua, saya melihat dan berharap sangat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ini, insya-Allah dengan wajahnya yang sederhana, dengan pemikirannya yang baik. Saya melihat ada satu lagi yang saya kena sebut iaitu dengan bantuan per kapita kepada Kerajaan Negeri Kelantan di mana pembahagian ini ataupun sumbangan ini tidak mengikut jadual.

Saya tanya kepada kawan-kawan saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan Yang Berhormat bagi Tumpat, mereka juga mengatakan bahawa pembahagian geran per kapita ini tidak diberi mengikut jadual. Sepatutnya bulan satu, bulan tiga, bulan lima, bulan enam, bulan tujuh, bulan sepuluh, bulan sebelas, bulan dua belas, kadang-kadang bulan sepuluh pun tidak sampai lagi. Apa yang saya dengar begitu.

Kalau sudah diberi mengikut jadualnya, bagus, alhamdulillah. Tetapi kalau belum dilaksanakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, maka saya harap sangat bahawa kepimpinan baru negara kita ini, dan kita melihat bahawa masa depan Malaysia ini baik di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita, kita optimis. Apa yang berlaku yang lepas-lepas itu, lepaslah dan kita tidak ada dendam. Kelantan, parti kita tidak ada dendam kerana kita mengambil daripada pengajaran Rasulullah s.a.w di waktu baginda masuk *fathu Makkah*.

Di waktu Nabi kita pergi ke Mekah, di waktu itu Nabi kata, [*Membaca beberapa potong hadis*] Yang Berhormat bagi Besut tidak ada hari ini? Ada? Yang Berhormat bagi Baling pun tidak ada. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ada?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ada, ada.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada. Ha, ini ustaz-ustaz. Saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat ini bagi tambahan kepada ucapan saya kalau tersilap, secara toleransi, terbuka. Tidak ada sesuatu pun yang saya hendak sembunyikan. Kalau saya berucap tidak betul, tolong perbetulkan.

Nabi s.a.w memasuki Mekah. Masuk kali pertama tidak jadi, masuk kali yang kedua baru jadi setelah berlaku Perjanjian Hudaibiyah. Apabila Nabi s.a.w masuk ke Mekah, sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Mekah yang tidak beragama Islam merasa takut. Dalam keadaan Nabi s.a.w bagi kelonggaran kepada mereka, sesiapa di kalangan mereka yang berada di Baitillah, mereka tidak diganggu, mereka aman dan siapa yang berada di rumah Abu Sufian, sedangkan Abu Sufian di waktu itu belum lagi memeluk Islam. Nabi s.a.w mengatakan sesiapa yang masuk berlindung di rumah Abu Sufian, maka dia juga aman.

Yang tidak amannya ialah mereka yang berada di tengah jalan raya kerana mereka yang berada di tengah jalan raya ini ertinya mereka mahu menentang Rasulullah. Tetapi bila Nabi s.a.w masuk, kemudian Nabi didatangi oleh sekumpulan mereka, Nabi dengan murah hati, dengan rendah hati, dengan rasa kasihan dan kemanusiaan, walaupun ada di kalangan mereka yang tidak masuk Islam. Nabi kata,

[*Membaca sepotong hadis*] “Pergilah kamu dan kamu bebas pada hari ini.” Nabi tidak berdendam kepada siapa-siapa. [*Membaca sepotong hadis*] “Pergilah kamu bebas. Saya tidak akan mengenakan apa-apa tindakan kepada kamu”. Termasuk orang-orang yang bukan Islam di waktu itu.

Jadi, atas sikap inilah, kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat kita ini mengambil satu sikap yang baik kepada semua pihak tanpa mengira parti politik, tanpa mengira agama, tanpa mengira bangsa dan sebagainya kerana negara kita ini mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Kita buka parti supaya bertanding dalam pilihan raya. PAS boleh bertanding, DAP boleh bertanding, Bebas boleh bertanding dan semua boleh bertanding bila didaftarkan dan diluluskan di bawah pendaftaran pilihan raya.

Jadi, bila keadaan begitu, biarlah kita daripada awalnya kita bertoleransi sampai kepada akhir kita bertoleransi, dan saya harap mukadimah yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat dalam keadaan baik, dalam keadaan unik itu berkesudahan dalam keadaan begitu juga, insya-Allah.

Jadi, apa yang saya hendak tekankan ialah geran per kapita ini hendaklah disegerakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan mengikut jadualnya, jangan bulan satu atau bulan tiga, ditakhirkan, dengan izin, kepada bulan enam atau bulan tujuh. Kemudian ditakhirkan lagi kepada bulan sembilan atau bulan sepuluh. Kemudian diakhirkan lagi kepada bulan dua belas dan bulan satu.

Sudah tahu bahawa kita Kelantan ini miskin. Perlis pun miskin sebenarnya. Perlis ini apa yang ada di negeri Perlis? Semua rakyat tahu di negeri Perlis tidak ada apa-apa pun. Padi pun tidak banyak, hasil negara pun tidak banyak. Kalau dibandingkan dengan negeri Kelantan yang hasil-mahsul negeri Kelantan bawa ke Pusat, saya rasa banyak negeri Kelantan. Penduduk negeri Kelantan ada 1,400,000, Yang Berhormat-Yang Berhormat pergilah ke negeri Kelantan, saya rasa jarang rumah yang tidak ada kereta.

Saya hendak *confirm* dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Jarang rumah yang tidak ada kereta, paling-paling tidaknya kereta tolak. [*Ketawa*] Habis-habis tidak ada kereta, ada juga kereta tolak. Tuan Yang di-Pertua tahu kereta tolak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tahu, tahu.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ha, tahu. [*Ketawa*] Kereta tolak di belakang tidak ada enjin, ada roda sahaja. Jadi, ertinya Yang Berhormat-Yang Berhormat, rakyat

negeri Kelantan bayar cukai jalan dan saya hendak minta JPJ Kelantan berapa yang diambil daripada JPJ Negeri Kelantan masuk ke Pusat berbanding dengan Perlis, berbanding dengan Pahang, berbanding dengan Sabah dan Sarawak, saya hendak minta secara terperinci hari ini. Biar rakyat tahu, masyarakat tahu, pegawai tahu berapa banyak jumlah yang dipungut daripada negeri Kelantan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang pakai kereta di negeri Kelantan, berapa banyak hasil datang ke Pusat. Berapa banyak hasil setem yang dibayar...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat ada? Tetapi elok-elok ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ha, elok-elok.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini belum apa-apa lagi Yang Berhormat sudah ada sangkaan jahat. Saya hormat Yang Berhormat, seorang ulama yang tinggal di Parlimen inilah. Yang lain pun ulama juga. Soalan saya Yang Berhormat, mudah sahaja. Adakah kemiskinan sebagaimana yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi berlaku di Kelantan kerana mereka menolak Barisan Nasional, kononnya janji-janji manis, ideologi yang dibawa oleh PAS. Walaupun sebilangan besar memahami bahawa perjuangan PAS itu agak menyimpang ataupun lebih jauh menyimpang.

Contohnya, saya difahamkan di Kelantan. PAS Kelantan kononnya menerima Islam Hadhari walaupun ini berlaku sedikit percanggahan. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat tentang dua masalah ini dengan setelus-telusanya, Yang Berhormat, dengan tidak ada sebarang sangkaan jahat. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Yang Berhormat, sahabat saya dalam dua penggal sama-sama dengan saya dalam Parlimen. Saya tahu hati budinya dan saya tahu norma tujuan soalan ini. Sebenarnya rakyat Kelantan sudah - Pertama sekali Yang Berhormat baru masuk, tidak dengar ucapan saya daripada awal sampai ke akhir ataupun tidak dengar daripada permulaannya.

Rakyat Kelantan sudah bagi kepada UMNO. Dua kali rakyat Kelantan bagi. Sejarah sudah mencatatkan sedemikian. Pada tahun 1955 hingga 1959, rakyat Kelantan undi Perikatan di waktu itu. Ayah saya mengundi Perikatan. Ayah saya di kampung saya sendiri menjadi ahli Perikatan yang kuat di waktu itu. Saya masih

ingat. Tahun 1959, PAS menang sehingga tahun 1978. Pada tahun 1978 PAS bagi kepada UMNO, Barisan Nasional memerintah. Setelah PAS di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: PAS bukan bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kerajaan Negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rakyat yang bagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, ya, rakyat negeri Kelantan bagi kepada Barisan Nasional selama 12 tahun, bukan empat hari, Yang Berhormat. Bukan lima hari, 12 tahun. Sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan sahaja dahulu walaupun diganggu, oleh kerana Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin UMNO di negeri Kelantan bawa imej yang terlalu buruk di waktu itu. Imej terlalu buruk.

Berbagai-bagai keadaan dia buat kepada rakyat di negeri Kelantan. Tidak bagi baja subsidi, tidak bagi bantuan persekolahan dan berbagai-bagai lagi. Saya sendiri, ayah saya meninggal dunia di waktu saya berumur 13 tahun. Saya dibela oleh ibu saya. Ibu saya ini petani, buat padi, saya masih ingat tanah dua keping, buat sawah. Ibu saya juga tidak menerima subsidi baja kerana Allahyarham ayah saya ini orang PAS. Itu sahaja sebab dosanya. Dosanya bagi pihak dia mengatakan bahawa dosanya.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum.

Tuan Haji Ismail bin Noh:kerana bapa saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nanti hendak jawab yang itu. Saya bagi, saya bagi. Jerai saya bagi, insya-Allahlah. Saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat, duduk dahulu.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi,.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Anak-anak ada hal sedikit Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak apa, tidak apa. Saya bagi dua minit lagi. Tidak apa, jangan runsing ada masa. Kita boleh berbincang panjang, insya-Allah. Jadi, hendak salah kepada orang Kelantan tidak mengundi Barisan Nasional, sudah

mengundi sudah. 12 tahun bukan lima tahun. Tiga penggal pilihan raya. Tetapi rakyat Kelantan ini dia perhati, dia perhati, dia perhati tidak ada apa-apa. Jalan raya pun tidak buat, itu pun tidak buat, ini pun tidak buat. Banyak yang mereka tidak buat, langsung rakyat Kelantan bertindak mengundi Pas semula.

Apabila mengundi PAS semula barulah bawa pergi duit. Baru ada itu, baru ada ini, baru ada berbagai-bagai lagi kerana hendak tarik. Dahulu dia tidak sayang kepada isterinya ini, tidak ada. Bila dia buang isterinya, kahwin dengan PAS. Bila Pas persolekan semula, indahkan semula, dia gila talak pula kepada isterinya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini Rantau Panjang bangun hendak apa pula?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Boleh? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bagi, bagi. Tidak apa, tidak apa..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi dia.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Pasir Mas ada sebut tadi berkenaan dengan tiga penggal Barisan Nasional memerintah Kelantan tidak membuat apa-apa. Maksudnya rakyat menilai tidak ada apa yang dibuat yang boleh dikatakan berbeza di antara PAS memerintah dahulu dengan Barisan Nasional memerintah tiga penggal.

Tetapi bagaimana Yang Berhormat, sewaktu peninggalan Barisan Nasional memerintah 12 tahun di Kelantan, PAS mengambil alih tahun 1990 Kerajaan Kelantan berhutang dengan Kerajaan Persekutuan RM760 juta. Dalam masa 12 tahun apa yang dibuat dengan hutang duit RM760 juta oleh Kerajaan Kelantan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Sewaktu Tok Guru Nik Aziz masuk pejabat di Kota Darul Naim, Tuan Guru Nik Abdul Aziz membuka laci, ingatkan Kerajaan Barisan Nasional meninggalkan duit yang banyak. Buka laci ingatkan ada RM500 juta, RM1000 juta, tiba-tiba yang ada hanyalah hutang RM750 juta. *[Ketawa]* Inilah saya katakan imej kerajaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum Ustaz.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nanti, hendak jawab ini. Saya bagi, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi, saya bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Susahnya dengan orang agama hendak minta laluan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi, saya bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat keliru itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya hendak jawab ini dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat keliru Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Apabila buka laci ini bukan tinggal pusaka.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, Yang Berhormat keliru Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, saya hendak membetulkan fakta itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat sebut tadi Allahyarham orang tua Yang Berhormat dalam Pakatan, lepas itu kata PAS pula. Jadi mana satu ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut. Sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lepas itu buka laci pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak faham saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Islam Hadhari ini macam mana, Islam Hadhari ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak apa, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang kata PAS Kelantan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:menerima Islam Hadhari.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya jawab. Jangan bimbang Larut. Jangan berlarut di sini sudah, sudah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jangan berlarut. Hendak Larut tidak apa, jangan berlarut. Jadi buka laci tiba-tiba tengok hutang RM750 juta. Tapi oleh kerana kita mempunyai asas walaupun hutang yang dibuat oleh Kerajaan Pusat di waktu itu, hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat kita bayar. Saya rasa rekod yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan lebih baik daripada lain-lain negeri tentang pembayaran kerana kita bayar mengikut jadual dan mengikut apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat. *[Tepuk]* Yang kedua pula, saya hendak jawab, Islam Hadhari yang dibawa yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pusat, kita tengok 'bilismi' pada nama sahaja, tetapi dari segi perubahannya tidak ada. Judi masih berkekalan. Surat khabar pada hari ini, hendak membasmi Along, tapi judi merata-rata. Bawa orang Arab datang ke sini, bawa Tok Imam, bawa orang-orang Arab daripada masjidil haram, orang-orang hebat daripada Mekah, Madinah, daripada negara Arab. Tetapi tidak bawa lalu ikut tempat orang berjudi. Bawa ke tempat elok-elok, ke Masjid Negara, Pusat Islam, tempat ayat Al-Quran. Kemudian yang mengiringi yang fasih bahasa Arab tapi di belakang tabir itu apa yang berlaku. Islam Hadhari yang macam ini yang kita tidak mahu. Tetapi kalau Islam sebenar sebagaimana yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w tidak ada. Benda-benda maksiat kita haramkan sedikit demi sedikit. Kalau betul kita haramkan sungguh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nanti Kuala Krai, saya hendak selesaikan. Saya bagi, insya-Allah. Saya bagi Jerai kemudian saya bagi Kuala Krai. Kita selesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ana hendak bagi pada ente sekarang.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, selesai yang ini saya bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Shukran, shukran. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, ucapan Yang Berhormat ini sungguh pun lembut tetapi penuh dengan sindiran. Dalam sindiran itu Yang Berhormat menikam hati kawan-kawan. Yang Berhormat tanya sendiri Yang Berhormat bagi Pendang. Kawasan Pendang juga adalah kawasan tanaman padi. Tanya pada Yang Berhormat Pendang dan juga seluruh rakyat di Kedah yang berada di dalam kawasan MADA, KEDA ataupun kawasan-kawasan pembangunan kerajaan sama ada apabila pemberian subsidi hendak diberi tidak ada langsung soalan sama ada kamu ahli UMNO ataupun PAS.

Begitu juga dalam Persatuan Peladang. Yang Berhormat *check*, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena buat *homework* sedikit. *Check* supaya dalam Persatuan Peladang sendiri pun, dalam MADA satu, dua, tiga, empat, lima itu ada pemimpin-pemimpin PAS yang menduduki.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti, nanti Yang Berhormat. Kena sabar [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang Berhormat. Sabar, sabar. Saya tidak habis lagi. Ini tidak patut Yang Berhormat. Saya bercakap Yang Berhormat berdiri saya bagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya berdiri sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berdiri saja, tidak boleh, peraturan mesyuarat bila saya bercakap Yang Berhormat kena duduk. Ini peraturan Yang Berhormat. Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah beri jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Yang Berhormat Pasir Mas, tidak ada sistem pentadbiran kerajaan duit letak di dalam laci. Tidak ada. Kerajaan mana pun dia bayar melalui Akauntan Negara. Ini jenis ceti tarik laci ada duit ini, tidak ada dalam pentadbiran kerajaan. [*Ketawa*].

Jadi Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat hendak berkenakan ini hendak kata tarik laci ada hutang, bil. Bil ini bukan bawa datang semua ke Pejabat Menteri besar. Kalau kementerian ini hutang, kementerian ini hutang adalah baucarnya. Jadi tidak betul Yang Berhormat kalau Yang Berhormat kata apabila PAS mengambil alih, tarik laci duit tidak ada. Memang duit tidak ada, kerana duit ada di Akauntan Negara. *[Disampuk]* Ini benda betul, saya orang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat cakap betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, ana.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masa saya sudah tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi ana ucapkan terima kasih kepada ente lah

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi ente.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta tolong perbetulkan balik ya. Terima kasih, shukran, shukran.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih pada Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik sebenarnya dengan Yang Berhormat jerai ini. Sebelum saya masuk Parlimen ini Allahyarham Nik Abdullah Nik Arshad (Pak Nik Lah), ayah kepada Yang Berhormat Ustaz Nik Amar, Pengkalan Chepa waktu itu, selalu menyebut "Ustaz, kalau Jerai masuk namanya sekian, sekian," saya masih ingat pesanan Pak Nik Lah pada saya, saya hormat Jerai. Betul tidak Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, sahabat baik saya Allahyarham itu. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi sekarang ini sahabat baik saya pulalah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Insya-Allah. Apa yang disebut oleh Jerai itu betul. Di Kedah barangkali betul. Dalam keadaan betul pun ada tidak betul. Saya pergi semasa Pilihan Raya Kecil Pendang, sewaktu Yang Berhormat kalah dalam pilihan

raya. saya berada di dalam satu kawasan di mana di kawasan itu tanah merah, jalan panjang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Paya Rawa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Paya Rawa. Tanah merah Tuan Yang di-Pertua, tidak bertar. Tidak berbatu, panjang jalan itu panjanglah. Saya pusing dengan kereta saya itu panjanglah. Jadi macam mana di kawasan PAS, Kerajaan Negeri tidak mengambil tanggungjawab. Ertinya ada diskriminasi kepada calon PAS, wakil PAS sewaktu itu Yang Berhormat Ustaz Fadhil. Tidak diberikan kemudahan sebagaimana yang diberikan kepada yang lain. Saya rasa itu berlaku di Pendang.

Di Kelantan tidak ada sekarang Yang Berhormat tanah merah. Itulah yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bila rakyat Kelantan telah beri mandat kepada Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Tok Guru Nik Aziz dan Tok Guru Nik Aziz ini walaupun tahu Kelantan tidak ada duit tapi kita buat secara perlahan-lahan. Memastikan bagi rakyat negeri Kelantan ini betul-betul menerima pembangunan yang berlaku di negeri Kelantan. Kita tidak mahu pembangunan besar tapi siapa yang punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Hotel besar di Kuala Lumpur. Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya tidak bagi, saya tidak bagi. Saya.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order Tuan Yang di-Pertua, 36 (6). Duduk sekejap.

Beberapa Ahli Pembangkang: Tidak ada, tidak ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sangkaan Yang Berhormat ini boleh diheret kepada sangkaan jahat. Tadi Yang Berhormat sebut Barisan Nasional daripada Perikatan, tiga penggal memerintah di Kelantan tidak ada apa-apa. Saya hendak tanya Yang Berhormat menyentuh fakta yang sebenar-benarnya.....

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof Bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebab itu sangkaan jahat. Sebab apa PAS memerintah di Kelantan lebih daripada tiga penggal lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selebihnya. Jadi Yang Berhormat jangan buat sangkaan jahat Yang Berhormat, 36 (6) Yang Berhormat. Saya hormat Yang Berhormat. Jangan kata berlarutan, berlarutan. Yang Berhormat kena betul....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:fakta itu Yang Berhormat. Jangan ada sangkaan jahat. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Larut tidak faham ni.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak sangkaan jahat, itu biasa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tengoklah Rantau Panjang, dia suka mengacau orang ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak ada apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu dia bercakap soal parti Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa. Kadang-kadang Kepong itu, orang sindir dia, Kepong yang terkepong, Kepong tidak ada apa-apa pun, biasa kita dengarkan, Kepong yang dikepong, Parit yang berada dalam parit. Ini bahasa-bahasa mudah yang boleh difahami dan tidak ada apa-apa masalah, kemusykilan [*Membaca sepotong hadis*] Tidak ada apa-apa *problem* dalam apa yang saya cakapkan ini.

Kembali kepada apa yang saya rasa.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua orang yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan dengan Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kuala Krai, abang saya dari Kuala Krai, sila.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya juga orang Pasir Mas dan saya juga tertarik dengan Yang Berhormat, sama-sama Pasir Mas. Memanglah Yang Berhormat bagi Pasir Mas pandai berceramah, itu yang dia banyak kali 'mene', cakap

pun lemah lembut tetapi macam Yang Berhormat bagi Jerai kata tadi, di sebalik lembut itu ada pula gigit-gigit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat, apa makna "mene" itu? "Mene" itu apa? "Mene". *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia hendak bercakap.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa makna "mene"?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Mene ini istilah lawan kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai duduk, Jerai duduk, sila duduk Jerai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Okay Jerai. Terima kasih, pertamanya saya hendak betulkan fakta macam Yang Berhormat bagi Larut kata tadi, banyak yang tidak betul. Tadi saya dengar Yang Berhormat bagi Pasir Mas kata Allahyarham ayahanda dia ini Perikatan, selepas itu bila hendak bagi baja, tidak bagi. Jadi keliru saya, kalau sudah Perikatan, sudah tentu baja orang bagi, jadi saya hendak betulkan yang itu.

Yang keduanya pula, dia kata masa PAS baik-baik belaka. Kalau tidak begitu, selalu dok menang PAS, ini kadang kala kita menang. Perikatan, jadi satu masa dahulu digadainya tanah Gua Musang beribu-ribu ekar, masa PAS itulah. Apakah tidak betul perkara ini? Dok nampak sebelah sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya baru tahu Yang Berhormat bagi Kuala Krai daripada Pasir Mas. Mengapa tidak bertanding di Pasir Mas lawan saya? Satu yang saya sebut, ayahanda saya ini sudah lama meninggal. Dahulu pada tahun 1955, memang dia Perikatan, kemudian tahun 1962 dia meninggal dunia waktu saya berumur 12 tahun ataupun 13 tahun. Selepas pada itu ibu saya yang bela saya, yang pelihara saya ada dua keping tanah yang ditinggalkan oleh Allahyarham bapa saya yang mengusahakan tanah ini untuk memberi pelajaran kepada saya. Tetapi sayangnya baja di waktu itu tidak diberi kepada ibu saya dan penghulu pun saya boleh sebut, sudah meninggal dunia. Ayah saya meninggal dunia lebih awal kemudian dibela oleh ibu saya selepas pada itu.

Rakyat Kelantan ini memang dia bijak, dia tengok kalau siapa sahaja yang elok, yang baik, dia angkat tetapi siapa sahaja yang tidak elok, dia tendang. Dia tidak kira siapa, tidak kira PAS atau Barisan Nasional, tidak kira siapa, itu tabiat orang Kelantan. Yang Berhormat pun tahu perangai orang Kelantan. Kalau dia sayang, dalam mulut pun dia boleh bagi, tetapi kalau dia benci, sudah. Itu tabiat dan budaya orang Kelantan. Barangkali budaya inilah yang telah diikuti oleh UMNO baru-baru ini, cara pendekatannya, dia tidak bengis lagi, tidak guna tahan lasak, tidak guna pukul, tidak guna maki tetapi dia guna puji. Dia guna puji, dia bagi duit dan sebagainya, sedikit sebanyak teranjak sedikit orang Kelantan. Teranjak sedikit, saya guna bahasa Kelantan, teranjak sedikit orang Kelantan bagi sokongan kepada UMNO.

Jadi bagi orang Kelantan, tidak ada apa-apa. Orang Kelantan ini boleh menerima sesiapa sahaja asalkan ianya baik, insya-Allah dan sekarang ini PAS di bawah pimpinan Tok Guru Nik Aziz bersama-sama dengan ulama yang begitu ramai di belakangnya, insya-Allah. Bukan Tok Guru Nik Aziz sahaja, ada beribu orang lagi, ulama dan tok guru yang di belakang ini yang beri komitmen kepada Tok Guru Nik Aziz.

Yang kedua, masalah gadai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena gulung, Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap itu sahaja, kena gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya ada satu, dua lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bangun dua, tiga hari, hari ini baru dapat, diganggu pula oleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, yang lain pun ramai juga yang bangun dua, tiga hari.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya hendak sebut masalah pendidikan. Pendidikan saya tengok, sekolah-sekolah ini adalah teras kepada menjana masa hadapan belia kita dan pemuda-pemuda kita untuk masa hadapan kerana merekalah yang akan mengambil tanggungjawab memegang negara kita ini. Seharusnya sekolah-sekolah ini mesti diselaraskan dengan baik, mesti dijana dengan baik, baik sekolah Melayu - kebangsaan, sekolah Cina ataupun sekolah India ataupun mana-mana sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di Pasir Mas sendiri ada sebuah sekolah Cina, namanya Sekolah Kebangsaan Cina Yok Leng tidak diberi perhatian sejak daripada saya bersekolah. Sekolah Cina dengan Sekolah Arab ini memang berjiran, unik di

Pasir Mas itu, berjiran. Masa saya dahulu, berjiran di antara Sekolah Cina Yok Leng dengan Sekolah Arabiyah, sekolah Arab Pasir Mas, bagaimana Sekolah Cina tidak diberi perhatian oleh kerajaan? Kalau diberi perhatian pun, orang panggil 'lepaskan batuk di tangga' berbanding dengan sekolah-sekolah kebangsaan kita dan sekolah-sekolah lain.

Jadi saya juga sebagai wakil rakyat kepada pelbagai bangsa di Pasir Mas, minta dari kerajaan supaya mengambil tanggungjawab kepada Sekolah Cina Yok Leng di Pasir Mas biar ada infrastruktur, biar ada kemudahan-kemudahan padang sukan dan berbagai-bagai lagi. Di waktu yang sama, saya juga pada pagi ini meminta dari kerajaan supaya menilai balik apakah sekatan kita kepada Sekolah Agama di seluruh Malaysia?

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, saya rasa sekolah agama di seluruh Malaysia ini perlu kita mengambil tanggungjawab yang penting kerana mereka menyumbang juga kepada negara untuk masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun Yang Berhormat tetapi masa Yang Berhormat sudah tidak ada.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Satu lagi sekolah pondok di negeri Kelantan, di seluruh Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun, hendak bagi Tuaran?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Bagi, penjelasan sedikit.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya hendak selesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sedikit sahaja Yang Berhormat bagi Pasir Mas, ini menarik, ini penting.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Minta maaf, minta maaf, tidak sempat. Kalau ada masa saya bagi, tidak ada masa, kita bincang semula. Jadi sekolah-sekolah pondok yang berada di seluruh Malaysia sekarang ini terbiar. Kalau orang kata sekolah pondok tidak manfaat, saya dari sekolah pondok, saya boleh berbahasa. Bahasa Arab alhamdulillah, bahasa Inggeris pun saya boleh ikut, tidak jadi masalah. Sekolah

pondok sekarang ini ada pelajaran bahasa Inggeris, ada sekolah, ada pelajaran, ada makmal komputer, ada itu dan ini, mengapa tidak diberi? Sedangkan anak kita juga, pondok ini pondok kita juga, mengapa kita tidak bagi bantuan kepada sekolah pondok kita?

Tuan Yang di-Pertua, sekolah pondok di Thailand mendapat peruntukan daripada Kerajaan Thailand. Sekolah pondok ini sekolah pondok Islam, bukan sekolah pondok Buddha, bukan, sekolah pondok Islam. Waris saya, baba, tok guru pondok di Selatan Thailand, ada pondoknya, diberi dan disuntik kewangan yang cukup untuk membiayai pondoknya. Jadi....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun pula Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sedikit sahaja, ini hendak bercakap molek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selepas ini sila gulung Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sepatutnya tidak bangun, sebab Pasir Mas dengan Pasir Puteh ini sepatutnya berkawan rapat, saya pun hormat. Jadi saya hendak cerita sedikit, setujukah Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Islam Hadhari ini sebenarnya kita kelabu. Yang sebenarnya saya hendak cerita, gagasan kita hendak sebagaimana Yang Berhormat bagi Pasir Mas hendak. Satunya ialah gagasan kita, masyarakat yang menguasai ilmu, berakhlak, mengamalkan nilai-nilai murni, pembangunan seimbang, spiritual, fizikal, menikmati keselesaan hidup, *hassanah fiddunia, hassanah fil akhirat*, hendak menyambungkan doa Tok Adam kita, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

Kemudian yang kelimanya, pendekatan sederhana iaitu dikatakan wasata, bijaksana, hikmah, kemudian mengadakan di antara wawasan lama dengan wawasan baru. Islam Hadhari tidak salah, Hadarah Islamiah boleh pakai, sifat mansuh. Kalau kita kira Islam Hadhari hendak melahirkan kecemerlangan di era globalisasi, tetapi kalau Islamiah, Hadharah Islamiah ertinya hendak mengagungkan keagungan dahulu, tidak ada guna.

Sebelum ini, saya hendak beri sedikit pepatah Arab, [*Membaca petikan pepatah Arab*] tidak payah terjemah yang itu, Yang Berhormat pun tahu. Setuju atau tidak dengan pandangan saya tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Apa yang dikehendaki oleh kita iaitu dalam bentuk Nahi Mungkar [*Membaca sepotong Hadis*] itu yang kita hendak. Konsep apa pun berteraskan kepada itu. Tetapi sekarang ini saya lihat Yang Berhormat pun tahu, tidak berganjak jauh, masih duduk *parking* di situ juga. Kalau kereta buruk pun, dok *parking* di situ juga. Kita hendak kereta, biar berjalan, ini tidak berjalan. Kalau maksiat, maksiatlah. Baru-baru ini Konsert Scorpion datang sambil Israk Mikraj. Rakyat bawahan Israk Mikraj, yang di bandar ini pula, ada konsert hiburan dari Barat, datang tunjuk dada, datang tunjuk apa lagi dan macam-macam.

Jadi macam mana Hadhari? Itulah orang kampung kata bukan Islam Hadhari, ustaz, tetapi Islam sekerat hari, dia kata. Maaf ya, dia kata Islam sekerat hari, pagi ini Islam, malam sudah tidak Islam, dia panggil Islam sekerat hari, itu dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masalah dadah. Kita pun belajar, pendidikan negara kita begitu hebat. Tiga belas tahun yang berada di sekolah - lima, enam tahun sekolah kebangsaan, kemudian di sambung sekolah menengah, selama tiga belas tahun. Akhir sekali, tiga belas tahun itu terbang...terbang...terbang, pergi ke pusat Serenti 20,000, dengan belanjanya RM1 bilion dalam masa 10 tahun, dalam jawapan kepada soalan saya baru ini. Bagaimana benda ini boleh berlaku, Tuan Yang di-Pertua?

Cuba kita fikir bagaimana benda ini boleh berlaku. Barangkali ada *something wrong* di dalam pengurusan pendidikan negara kita. Mungkin [*Bercakap dalam bahasa Arab*], saya guna bahasa Arablah kerana bahasa Inggeris itu biasa, dengan izin. Jadi, barangkali di sana ada beberapa *khalal*, ada kecacatan dalam pengurusan. Kita hendak perbetulkan pengurusan di dalam pendidikan negara, kerana tidak munasabah 20,000, sekolah besar, guru banyak, gaji guru banyak, 20,000 duduk di pusat serenti

dengan RM1 bilion. RM1 bilion ini boleh dibelanja kepada beberapa buah negeri. Hilang duit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, apa yang saya kemukakan kepada – Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, satu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang terakhir iaitu tahanan ISA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kalau Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh dibebaskan,

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh:boleh dibebaskan baru-baru ini, mengapa yang tahanan ISA dilonggokkan dalam penjara, minta mereka juga dimasukkan di mahkamah, dibicara semua sekali kerana kasihanlah mereka. Insya-Allah, dalam pemerintahan, pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri kita ini, insya-Allah, memberi satu lembaran yang baik, fajar yang baik menyingsing, insya-Allah, segala-galanya baik dan kita hapuskan benda-benda yang tidak baik dan biarlah kita sama-sama melihat kepada tahanan ISA.

Jangan sampai mereka terperangkap dalam penjara, mengharamkan di antara hubungan mereka dengan anak mereka, isteri mereka, keluarga mereka kerana tuduhan-tuduhan yang belum tentu betulnya lagi. Aqulu qauli haza fastaghfirullah. Assalamualaikum warahmatullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera.

12.22 tgh.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan, kerana membentangkan belanjawan yang benar-benar mesra rakyat.

Peruntukan yang begitu besar bagi penduduk luar bandar melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian, Kementerian Pelajaran juga - bagi pembangunan sekolah-sekolah luar bandar, Kementerian Kesihatan – bagi pembinaan klinik-klinik desa, menunjukkan komitmen kerajaan bagi menyelesaikan masalah kemiskinan penduduk luar bandar termasuk Orang-orang Asli.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pelancongan di atas peningkatan kehadiran pelancong ke negara kita. Pada 2003, dicatatkan kehadiran pelancong seramai 875,000 orang, dan pada tahun 2004, pelancong terus meningkat sehingga menjadi 1.2 juta sebulan. Tetapi persoalannya adakah kita hanya perlu berbangga dengan jumlah kehadiran pelancong ini. Saya kira kita perlu melihat kepada kualiti pelancong yang datang ke negara kita dan tidak hanya berbangga dengan hanya jumlah kehadiran pelancong yang datang ke negara kita.

Kalau kita lihat dari jumlah kehadiran tersebut, 70% daripada pelancong yang hadir adalah daripada negara jiran, Singapura sahaja. Ini bermakna pelancong-pelancong yang tinggal lama dan mampu berbelanja kurang diberikan perhatian. Saya juga minta Kementerian Pelancongan mengkaji semula cara pengiraan, jumlah pelancongan yang tiba. Kalau kita lihat kita mengatakan bahawa jumlah pelancong yang datang ke negara kita adalah yang kedua tinggi selepas negara Cina di Asia ini.

Tetapi adakah cara pengiraan kita tepat. Kalau kita lihat di Singapura, pelancong yang datang melalui jalan raya tidak dikira sebagai pelancong, tetapi di negara kita pelancong yang datang melalui jalan raya, dari Singapura dan dari Thailand juga dianggap sebagai pelancong. Sebab itulah akhirnya kita melihat pelancong begitu ramai dari segi jumlahnya, iaitu 1.2 juta.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan, bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan bilangan pelancong yang diambil kira – di Pulau Pinang, Ipoh dan *Haadyai*, ia dikategorikan sebagai IMTGT. Jadi, rakyat Indonesia hendak pergi ke luar negara, mereka perlu membayar levi, tetapi jikalau mereka datang ke Pulau Pinang untuk

membuat transit di Lapangan Terbang Pulau Pinang untuk pergi ke mana-mana negara di dunia ini, mereka boleh dilepaskan levi.

Tetapi penumpang-penumpang yang dari Indonesia yang hendak datang ke Pulau Pinang sebagai *transit passenger*, mereka juga diambil kira sebagai pelancong. Jadi, angka-angka ini tidak tepatlah. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit ulasan berkenaan dengan ini?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah yang saya sebutkan tadi bahawa Kementerian Pelancongan perlu meneliti semula cara pengiraan kehadiran pelancong-pelancong tadi. Kita tidak mahu gambaran kita besar tetapi keadaan sebenar tidak seperti yang digambarkan melalui jumlah kehadiran yang dibentangkan kepada kita.

Saya lebih berminat supaya pihak kementerian melihat kepada pelancong-pelancong yang berkualiti. Pelancong-pelancong yang datang, yang sanggup berbelanja besar, pelancong-pelancong yang datang, yang sanggup tinggal lama di negara kita.

Satu perkara lagi yang saya ingin cadangkan di sini bagi memperbaiki pelancongan negara kita ialah perlunya diwujudkan kerjasama di antara kementerian. Baru-baru ini di dalam pembentangan belanjawan

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bera berkaitan dengan pelancongan. Apa yang hendak saya utarakan di sini ialah berkaitan dengan kualiti pelancong yang datang ke negara kita, yang datang dalam keadaan pelbagai corak, pelbagai ragam, yang kita dapat melihat sedikit sebanyak telah dapat mempengaruhi gaya hidup remaja dan anak-anak muda di negara kita. Jadi, apakah pandangan dan juga komen daripada Yang Berhormat bagi Bera?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, memang itulah yang saya sebutkan tentang kualiti tadi. Kalau kita lihat ramai pelancong yang datang, terutamanya di Terengganu, di kawasan sahabat saya, Setiu, misalannya, contoh. Mereka datang, apa yang dipanggil sebagai pelancong *bad makers* - duduk di tepi pantai dengan tidak berpakaian, bir satu botol, dari pagi sampai petang dan tinggal di dalam, dipanggil 'A' *hut* itu, khemah, yang harganya mungkin RM20 atau RM30 sehari. Inilah yang saya

sebut bahawa pelancong-pelancong yang tidak berkualiti tetapi kesan daripada kehadiran mereka mungkin membawa kesan yang buruk dari segi sosial dan juga dari segi moral kepada masyarakat kita.

Sebab itulah yang penting adalah bukan jumlah tetapi kualiti pelancong-pelancong. Saya sebutkan tadi tentang

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bera bahawa kita perlukan pelancong-pelancong yang dapat datang berbelanja besar dan apakah pandangan Yang Berhormat bahawa kita memang sudah ada banyak infrastruktur yang besar-besar, yang baik, hotel-hotel yang baik dan kita boleh mengadakan konvensyen yang besar. Barangkali satu caranya ialah kita menarik pelancong datang sambil mengadakan konvensyen yang besar di negara kita dan saya yakin ini dapat menarik pelancong yang berbelanja besar kerana mereka datang bukan sahaja untuk menghadiri konvensyen dan mesyuarat di negara kita bahkan juga dapat membuat lawatan ke tempat-tempat persiaran di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bentong dan kementerian memang ada program *MICE – (Meeting, Incentive, Conference and Exhibition)*.

Saya lihat kementerian berperanan dengan bersendirian dari segi penggalakan pelancongan. Baru-baru ini di dalam pembentangan belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang pelancongan melalui pendidikan dan juga pelancongan melalui perubatan. Saya mencadangkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa pelancongan yang dianggotai oleh kementerian-kementerian yang berkaitan, misalnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, begitu juga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana pihak berkuasa tempatan memainkan peranan untuk mewujudkan budaya pelancongan bagi masyarakat tempatan. Begitu juga dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sebagainya, semua kementerian perlu bekerjasama di dalam memastikan kejayaan pelancongan dalam negara kita.

Saya ingin mengambil contoh bagaimana tidak ada persefahaman di antara kementerian, misalnya di antara Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Pelancongan. Saya ingin mengambil contoh di Kelantan, di Rantau Panjang misalnya, kita mesti menunjukkan budaya kemesraan kepada pelancong tetapi pelancong yang datang daripada Thailand misalnya, apabila memasuki negara kita akan merasa mereka diganggu dengan berbagai-bagai sekatan – selepas Imigresen mereka akan *dicheck* oleh Kastam; selepas *checking* oleh Kastam *dicheck* oleh Polis, selepas *dicheck* oleh Polis *dicheck* oleh UPP dan selepas itu *dicheck* oleh askarkah, Polis Hutan dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi ini menyebabkan pelancong merasakan bahawa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Jiran saya, sekejap. Sekejap jiran, sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dulu.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Ingatkan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang nak bangun. Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi menyebabkan pelancong merasa mereka, diganggu sejak daripada awal, tidak ada kemesraan. Sebab itulah saya katakan bahawa perlu ada kerjasama supaya budaya kemesraan kepada pelancong ini juga dibawa oleh kementerian-kementerian lain. Kalau hendak sekat penyeludupan, saya rasa bukan di dalam bas pelancongan mereka akan menyeludup barangan berat dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua lagi bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tanya sikit aja, tanya sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, terima kasih. Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat bagi Bera memberi peringatan sedikit kepada beberapa agensi di Kelantan khususnya di Rantau Panjang. Saya rasa terbalik sikit cara itu. Sebenarnya kita daripada Malaysia, khususnya daripada Kelantan, bila kita *cross border* pergi ke Sungai Golok, kita rasa takut sikit sebab banyak gangguan tetapi sekarang ini kita lihat, bukan sekarang, tahun lepas pun demikian juga, orang Thailand mari ke Malaysia dia merasa dirinya selamat.

Sebab itu kita tengok di *supermarket* baru di Rantau Panjang, daripada pagi sampai ke malam, boleh dikatakan dipenuhi oleh pelancong-pelancong daripada Thailand bagi membeli biskut, khususnya barang-barang yang diperbuat daripada gandum kerana Thailand tidak menggalakkan barang-barang diperbuat daripada gandum kerana dia cuba menggalakkan barang-barang diperbuat daripada beras. Sebab itu orang Thailand datang membeli, senang dan selesa, dengan *motorbike* mari, kadang-kadang tidak payah guna pasport kalau sekadar dua kilometer dari Rantau Panjang. Ini merupakan *gentleman agreement* yang dibuat di antara pihak keselamatan Malaysia dengan Thailand.

Tetapi kita di Malaysia hendak pergi ke Terengganu, apa yang disebut tadi tentang bas itu memang betul, memang kalau dengan bas, kalau oleh sebab penyeludupan berlaku di atas bas tetapi kalau dengan *motorbike*, itu biasa sahaja – kalau kita lihat di Rantau Panjang penuh dengan *motorbike* yang bernombor Thailand.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya rasa Yang Berhormat keliru – yang datang dengan *motorbike* itu dia beli beras untuk orang Golok, dia ada waris juga di Rantau Panjang termasuk dengan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sendiri agaknya, waris-waris daripada sana.

Yang saya sebutkan tadi ialah pelancong, pelancong yang menggunakan Thailand. Misalnya pakej yang dibuat oleh Thailand, pakej dua hari di Haadyai, dua hari di Kota Bharu misalnya. Jadi itu sebab di Thailand mereka bebas dan diberikan layanan yang begitu mesra tetapi bila masuk ke Malaysia itulah aduannya, terlampau

banyak – sampai setengah jam, satu jam dalam bas, selepas *checking* ada *checking* lagi, ada *checking* lagi, ada *checking* lagi dan sebagainya. Sebab itu saya rasa kita perlukan kerjasama di antara kementerian supaya budaya mesra kepada pelancong mesti ada di setiap kementerian.

Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kuala Krai ingin menyarankan kerana pelancongan begitu mendatangkan hasil yang baik. Saya rasa satu perkara yang kita tertinggal terutama sekali Pantai Timur, di Terengganu pun tidak ada, iaitu kawasan bebas cukai. Di Rantau Panjang, Pengkalan Kubur agak begitu sibuk kerana tempatnya sempit dan sebagainya. Kita ada satu lapangan terbang – Lapangan Terbang Pengkalan Chepa yang agak besar dan mungkin yang kedua terbesar ketika ini berbanding dengan KLIA.

Jadi adakah Yang Berhormat bagi Bera bersetuju kalau Pengkalan Chepa dijadikan kawasan bebas cukai dan saya suka tambah supaya satu jawatankuasa untuk memantau dari segi pelancong-pelancong harus diwujudkan untuk memberi satu kawalan yang lebih ketat dan memuaskan kepada semua yang datang. Terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya bersetuju kalau kerajaan ingin membuka kawasan bebas cukai di Pengkalan Chepa dan sebagainya.

Satu lagi yang perlu dibuat oleh Kementerian Pelancongan ialah perlunya ada *market research* sebelum sesuatu pejabat pelancongan dibuka di luar negara. Apa yang saya tahu, *Research Department* yang ada di Kementerian Pelancongan hanya untuk mengisi data, *to collect data* sahaja dan kita perlukan *research* yang lebih. Kalau kita lihat, banyak pejabat di luar negara yang dibuka tanpa membuat *research* tentang keperluan dan kehendak pelancong dari negara tersebut untuk datang ke negara kita. Saya ambil contoh, misalnya Turki, walaupun pejabat pelancongan di Turki telah dibuka tetapi minat orang negara Turki untuk datang ke negara kita tidak ada. Jadi sebab itulah hingga sekarang tidak ada peningkatan daripada pelancong Turki ke negara kita..

Jadi, saya kira kita mesti lihat apakah keperluan penduduk di negara tersebut, apakah kita mempunyai produk yang sesuai dengan kehendak daripada negara di

mana pejabat pelancongan dibuka di tempat tersebut. Kalau tidak, kita buka pejabat, kita akan menghabiskan masa dan menghabiskan wang kerajaan ...

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: tetapi tidak ada peningkatan dari segi pelancongan dan sebagainya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya tertarik bila Yang Berhormat menyentuh masalah pelancongan. Dalam keadaan bila berlaku peristiwa runtuhnya bangunan Pusat Perdagangan Dunia di Amerika, seolah-olah *Allah Subhanahu Wataala* memberi rezeki kepada Malaysia. Kedatangan pelancong-pelancong dari Timur Tengah ke Malaysia dengan secara yang tidak diatur, dengan secara yang tidak diatur terlebih awal, barangkali kita pun tidak buat persiapan, tidak pergi mari, tidak mencari pelancong tetapi dia mari kerana kejadian yang berlaku di Amerika itu dan suasana di negara kita ini, *Alhamdulillah*, aman di segi politik, aman dari segi negaranya.

Kedatangan orang ini bukan kelas tiga, pelancong-pelancong daripada negara Arab ini kelas pertama (*first class*), mereka belanja sekitar RM7 ribu hingga RM10 ribu, satu hari mereka berada di sini ataupun sekali mari dalam masa tertentu ataupun mereka datang ke sini di musim panas, tiga bulan mereka duduk di sini. Yang saya rasa dukacitanya kita tidak membuat persiapan bagaimana menyambut pelancong di musim panas di lapangan terbang misalnya, kita tidak ada, kita kurang, penterjemah-penterjemah dengan bahasa Arab pun tidak ada. Sepatutnya di airport kita selain daripada dia punya istilahmat ataupun dari segi penerangan jangan merokok dalam bahasa Arab sekian-sekian dalam bahasa Arab, kena ada penyambut tetamu kita terdiri daripada orang-orang yang boleh berbahasa Arab dengan baik ertinya *Allah Subhanahu Wa Taala* telah memberi rezeki kepada Malaysia ini, tetapi Malaysia ini entah macam mana, ada tidak sangatlah benda ini, bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, terjemah bahasa Arab saya rasa Yang Berhormat Pasir Mas pun boleh ini. Saya setuju bahawa selepas daripada peristiwa 11 September, memang kita menerima rezeki yang banyak daripada negara-negara Arab sebab itulah kejayaan kita adalah dari segi pelancong negara Arab.

Mereka ini pelancong yang berkualiti yang saya sebutkan tadi, pelancong yang tinggal lama dan berminat untuk berbelanja dan seperti saya sebut tadi, saya setuju bahawa kita perlukan prasarana yang lengkap, kita perlu mempunyai produk yang diminati oleh mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Indera Mahkota bangun.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi kalau orang Arab minat berbelanja misalnya kita sediakan pusat membeli belah, lepas itu kalau kita tengok orang Arab berbelanja begitu besar dan orang Arab ini dia datang sekeluarga, jadi dia perlukan taman tema untuk anak-anak mereka dan negara kita perlu memperbanyakkan perkara-perkara tersebut. Seperti saya katakan bahawa kita kena buat *market research*. Kalau kita hendak pergi ke Jerman misalnya apa yang Jerman suka di sini. Kalau kita pergi ke Scandinavia, negara-negara Scandinavia mereka mempunyai pencinta burung, *bird watches* yang begitu besar. Jadi kita perlu ada, apa yang kita ada misalnya Fraser Hill saja. Jadi kalau mereka datang begitu ramai dan kita tidak ada lengkap dengan produk untuk menampung mereka sebab itulah akhirnya mereka tidak akan mengulang untuk datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat hendak bagi jalan.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Berapa minit saya ada, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada...

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada 10 minit lagi. 10 minit lagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sekejap-sekejap.

Seorang Ahli: Terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Pasal dua-dua daripada Pahang ini Kuala Lipis dengan Indera Mahkota, saya berilah.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Indera Mahkota bangun dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Indera Mahkota, sila.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya hendak menyarankan satu perkara pada wakil daripada Bera, adakah wakil daripada Bera setuju bahawa hari ini kedudukan pelancong contohnya daripada luar negeri yang datang ke negara kita dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah 70% datangnya daripada Singapura, daripada 70% itu apakah sumber pelancongan yang dituju dan kita dapati bahawa daripada 70% yang datang ke negara kita, kalau kita tengok bahawa hampir 90% datang ke negeri Pahang, yang mana satu sumber pelancongan yang ternama terdapat di negeri Pahang.

Selain dari itu juga saya nampak bahawa kerajaan perlu untuk menggalakkan lagi pelancongan dalam negeri, yang mana pada hari ini kedudukan hotel-hotel di dalam negeri banyak dipenuhi oleh pelancong-pelancong tempatan. Kalau pelancong dari luar negara contohnya daripada negara Arab, saya hendak bagi contoh negara Arab ini, datangnya cuma tertumpu kepada kawasan bandar di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dalam bandar sahaja, kerana kita tahu bahawa orang-orang ini tidak boleh mandi, tak mandi laut, tidak mandi di *swimming pool*, dia mandi di *swimming pool*, dia mandi laut tetapi bukan di Malaysia, di London itu kalau orang Arab datang dia lain sikit. Kalau di Malaysia dia tahu kerana negara kita ini negara Islam, kalau kita hendak bawa melancong orang-orang Arab ini ke Kelantan pun tidak boleh, ke serambi Mekah ini, kerana patung terbesar sekali PAS ada di sana. Jadi kita tidak boleh bawa, jadi pelancong Arab hendak bawa ke Kelantan pun tidak boleh kerana ada patung besar di situ.

Jadi orang Arab ini tidak suka pergi ke tempat-tempat laut atau *swimming pool* yang ada di Malaysia, jadi kita tahu. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Bera tadi, kita kena cari sumber-sumber yang boleh membawa pelancong-pelancong dari luar negara dan saya juga minta kepada kerajaan supaya cuti hari Sabtu ini, empat Sabtu ini terus. Sekarang ini kita hanya ada dua Sabtu sahaja. Jadi kalau boleh untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri ini kita benarkan keseluruhan hari Sabtu ini adalah cuti umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang lima Sabtu Yang Berhormat.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Haa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang lima Sabtu.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Ada lima Sabtu.

Seorang Ahli : Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua Sabtulah cuti.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Okey, semua Sabtulah. Terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Saya setuju, semua Sabtu kita minta kerajaan bagi cuti untuk menggalakkan pelancongan. Ya, Kuala Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Bera, jadi berbalik kepada infrastruktur tadi ya. Jadi kalau kita lihat sekarang kita hendak menggalakkan pelancongan daripada negara Arab dan kebanyakan pelancong yang datang daripada Arab ini rasa saya mereka beragama Islam. Jadi kalau kita lihat di hotel masih ada lagi hotel-hotel yang tidak menyediakan paip air terutamanya di tandas, jadi tentulah keadaan ini menyusahkan mereka yang hendak membasuh selepas membuang air besar ke, air kecil di tandas tak ada air. Ini kalau kita lihat hotel-hotel yang bertaraf empat bintang ke lima bintang di Kuala Lumpur sendiri yang saya pernah masuk masih ada lagi yang tidak ada air di tandas. Jadi takkan mereka hendak pakai paip air di dalam tandas itu sendiri, takkan mereka hendak pakai kertas macam orang-orang lain. Jadi bersetuju ke tidak Yang Berhormat daripada Bera, supaya semua tandas di hotel disediakan paip air dalam tandas.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Setuju, saya setuju dengan cadangan tadi. Jadi inilah sebenarnya budaya pelancongan yang masih tidak ada kepada kita. Budaya pelancongan sebenarnya bukan sahaja kepada hotel, bukan sahaja kepada rakyat yang perlu ada kebersihan, ada pelancong yang mengadu tidak akan datang ke Malaysia sekali lagi kerana tandas kotor dan sebagainya.

Sebenarnya budaya pelancongan ini saya cadangkan diwujudkan sejak daripada sekolah rendah lagi, saya sebut ini kerana ada Menteri Pelajaran bersama kita. Jadi budaya pelancongan perlu diterapkan daripada murid sekolah rendah, kelab-kelab pelancongan sekolah mesti diwujudkan, perlu diwujudkan dan kita mesti menyampaikan idea kepada pelajar-pelajar bahawa pekerja di sektor pelancongan bukanlah sebagai pekerjaan selepas tidak mendapat pekerjaan lain. Jadi kita perlu

tanamkan bahawa pelancongan merupakan industri yang penting dan boleh dijadikan sebagai pergantungan hidup bagi masa depan.

Akhirnya dari segi pelancongan saya ingin menyebutkan supaya diadakan penyelarasan di antara kerajaan negeri dengan kerajaan Pusat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabari bin Yaakob: Saya habiskan dahulu.

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Minta laluan satu lagi ya.

Tuan Ismail Sabari bin Yaakob: Saya habis ini.

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Pasal hendak berkait dengan....

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Sekolah.

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Budaya sekolah. Tuan Yang di-Pertua, tadi bila Yang Berhormat dari Bera mengaitkan budaya pelancongan itu perlu dihidupkan daripada sekolah lagi. Pada saya kita berterima kasih kepada kementerian kerana satu masa dahulu tempoh persekolahan enam tahun kemudian kita naikkan kepada sembilan tahun hingga ke peringkat PMR. Selepas itu kini tempoh persekolahan 11 tahun sampai ke SPM. Semua murid belajar 11 tahun, tetapi saya rasa tidak semua murid berminat dalam mata pelajaran akademik, jadi itu yang menyebabkan di sekolah kadang-kadang berlaku salah laku disiplin kerana tidak ada murid-murid di sekolah disogokkan dengan mata pelajaran akademik. Jadi apa yang kita sarankan ialah mata pelajaran Vokasional diperkuatkan di sekolah dan salah satu daripada mata pelajaran Kemahiran yang boleh diterapkan ialah mengenai dengan pelancongan, galakan kepada pelancongan.

Jadi, apa yang boleh, kita sarankanlah kepada kementerian, supaya memperbanyakkan guru-guru, mata pelajaran Vokasional boleh dibuat, tetapi kalau guru-gurunya tidak ada, tidak bermakna, jadi, apa yang kita harapkan ialah Kementerian Pengajian Tinggi memperbanyakkan guru-guru dan maktab perguruan yang boleh mengajar mata pelajaran Vokasional ini terutamanya dalam bidang pelancongan. Bersetuju atau tidak dengan saya?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, saya bersetuju. Akhirnya, dari segi pelancongan, perlu ada penyelarasan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Di bawah Kerajaan Pusat misalnya, ada Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) bagi mengadakan promosi dan kerajaan negeri perlu mengadakan produk

pelancongan. Apa yang berlaku sekarang, kerajaan negeri juga membuat promosi sedangkan dalam masa yang sama, *Tourism Malaysia* juga mengadakan promosi, jadi ada pertindihan.

Jadi, saya mencadangkan supaya diwujudkan pembahagian, kerajaan negeri mempunyai produk dan menguruskan produk, *Tourism Malaysia* menguruskan dari segi promosi di luar negara dan sebagainya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh mengenai PPRT, mengenai pembasmian kemiskinan. Saya mengalu-alukan cadangan untuk mendaftarkan *profile*, menyenaraikan keluarga termiskin, walaupun kemiskinan tegar hanya 1%, tetapi penumpuan mesti dibuat kerana yang miskin tegar ini, kehidupannya memerlukan penyelesaian yang cepat. Kita mungkin tidak rasa bagaimana sukarnya kehidupan mereka.

Baru-baru ini kita lihat dalam surat khabar, itu satu contoh di Johor misalnya, satu keluarga yang terpaksa tinggal di dalam bangsal, ini berlaku. Jadi, saya kira perumahan PPRT mesti disegerakan. Waktu sekarang ini penyelesaian perumahan PPRT tidak mempunyai *target* dari segi jangka waktu untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kadang-kadang peruntukan dibuat secara *ad hoc*. Tahun ini misalnya, di kawasan saya contohnya, pembinaan rumah PPRT hanya diluluskan untuk 10 buah rumah sahaja, sedangkan permohonan sebanyak 50 buah rumah.

Pada tahun 2003, permohonan sebanyak 40 buah rumah masih belum diselesaikan. Tahun ini 2004, ada 50 buah rumah minta diselesaikan, kita selesaikan 10 buah rumah dan tahun hadapan, saya jangka, lebih banyak lagi peruntukan ataupun permohonan untuk rumah-rumah PPRT. Mungkin 50 buah lagi. Jadi, bermakna pertambahan rumah yang tidak diselesaikan semakin banyak dan kita tidak ada satu perancangan khusus, dari segi jangka masa untuk menyelesaikan perumahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi, saya lihat perkara ini perlu dibuat dengan serius iaitu mesti ada bajetnya, mesti jelas berapa bajetnya dan mesti jelas bila peruntukan itu hendak diselesaikan. Saya ambil contoh perumahan PPRT. Cuma 10,000 hingga 15,000. Ada di kawasan saya, perumahan PPRT yang dibuat, rumah dibuat tidak ada elektrik. Kita hendak pindahkan orang miskin, daripada rumah yang

lama, yang tidak ada kelengkapan, kita pindahkan ke kawasan baru yang tidak ada elektrik, tidak ada makna.

Kita buat rumah harga RM12,000, rumah tersebut saya tanya RM12,000, tidak ada elektrik dan akhirnya diminta supaya orang miskin tadi, miskin tegar tadi ini membayar RM400 lebih sebagai *deposit* untuk memasukkan api di rumah mereka. Tidak ada logiknya, kita pindahkan mereka yang miskin, ke rumah yang tidak ada elektrik, suruh dia bayar deposit elektrik dan sebagainya. Jadi, ini menyebabkan bahawa kita tidak akan berjaya di dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit sahaja. Kita tidak akan berjaya. Jadi, saya harap supaya ditambahkan peruntukan. Satu lagi dari segi untuk menyelesaikan masalah ini, mereka yang bertanggungjawab di daerah adalah Penolong Pegawai Daerah Pembangunan yang dalam masa yang sama, menjaga perkara-perkara lain. Timbalan Pegawai Daerah tersebutlah yang menjaga soal jalan raya, soal program-program kemasyarakatan dan sebagainya. Dalam masa yang sama, ia juga terpaksa jaga PPRT. Akhirnya, kerana kurang masa, kerana banyak perkara yang hendak dijaga, akhirnya soal PPRT, kemiskinan tidak dapat diselesaikan.

Saya cadangkan supaya diwujudkan unit khas di setiap daerah untuk mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini termasuk PPRT dan sebagainya. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *last*, saya minta tolong dari segi tadika KEMAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *Last* sekali tadika KEMAS Tuan Yang di-Pertua. Tadika KEMAS penting kerana inilah permulaan kita mendedahkan anak-anak orang kampung belajar. Tetapi sekarang, KEMAS, saya fikir dalam keadaan yang sangat mengecewakan, tidak kemas langsung. Sekolahnya terpaksa menumpang di balai raya, sekolahnya begitu uzur, sekolahnya tidak cukup tenaga pengajar, sekolahnya tidak cukup pembantu dan sebagainya. Saya mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:*last* sekali saya mencadangkan kalau tidak ada cukup belanja untuk KEMAS, mengapa tidak kita letakkan, serapkan kelas-kelas KEMAS tadi, Tadika-tadika KEMAS di bawah prasekolah, sebab Kementerian Pelajaran mempunyai kewangan yang cukup. Kementerian Pelajaran mempunyai sekolah-sekolah yang kadang-kadang tidak diundi kerana tidak cukup murid dan sebagainya. Kelas-kelas kosong, kelas sekolah mempunyai guru-guru yang ramai, muridnya sedikit.

Jadi sekarang, skop Kementerian Pelajaran ada prasekolah. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada KEMAS, Kementerian Perpaduan Negara ada Tadika Perpaduan. Mengapa tidak disatukan, diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran, sebab saya percaya, kita mempunyai Menteri yang paling berwibawa untuk menyelesaikan perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana mengambil masa. Saya dengan ini, menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

12.57 tgh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang pasti Tuan Yang di-Pertua, 20 minit sahaja ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cakap sahaja Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cakap sahaja, ya. [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya boleh cakap sahaja. Saya, seperti rakan-rakan yang lain juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan belanjawan yang amat berimbang dan khususnya menekankan kepentingan untuk membangunkan luar bandar dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berdoa kepada Tuhan *Rabbul 'Alamin* agar semua matlamat yang dikehendaki dalam belanjawan ini boleh dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kita di peringkat pelaksanaan, kerana tidak bermakna langsung belanjawan yang elok, polisi yang indah, dasar yang sempurna akan mencapai matlamat yang kita idam-idamkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar rata-rata kawan bercakap pada hari ini, termasuk Yang Berhormat bagi Bera, yang menyebut beberapa perkara yang amat dekat dengan hati dan sanubari banyak wakil rakyat iaitu pelaksanaan di peringkat pegawai. Ini amat penting sekali bagi kita, kerana kita tidak mahu mendengar ada peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh pihak Parlimen, yang dirancang dan diimpikan oleh pihak Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, tetapi akhirnya tidak sampai kepada masyarakat, yang menjadi golongan sasaran dalam dasar dan impian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menyentuh perkara-perkara lain sebelum saya menasaskan persoalan penyampaian ini iaitu *the delivery system* dalam pekerjaan kita. Yang saya ingin membincangkan di sini, ialah soalan pendidikan. Alhamdulillah saya juga menyebut kerana Menteri Pendidikan ada di Dewan pada tengah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat, Menteri Pendidikan boleh jawab kemudian.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya juga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:.....berdoa juga Tuan Yang di-Pertua, agar Menteri bersama saya pada tengah hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 1.00 tengah hari. Oleh itu, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

Dewan dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mesyuarat disambung semula. Saya minta Yang Berhormat bagi Santubong menyambung ucapan.

2.30 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebagaimana yang telah saya janjikan tadi akan menyambung dalam persoalan pendidikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya membuat mukadimah sedikit berhubung dengan pendidikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh ringkaskan ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi tadi saya, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya diberitahu bercakaplah sahaja sehingga saya duduk. Bermaknanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya akan benarkan Yang Berhormat apabila masa sampai.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui dan kita melihat amalan negara Barat dan pendapat pemimpin-pemimpin Barat bahawa tamadun manusia hanya boleh dipertahankan dengan kekuatan senjata dan pendapat ini di *reinforce* ataupun dikuatkuasakan oleh pemimpin umpamanya dan khususnya George Bush dengan begitu rupa. Walaupun didapati bahawa ada banyak kelemahan pendirian ini tetapi masih juga dipertahankan kerana mereka tidak melihat bahawa tamadun lama umpamanya Rome, Macedonia, Greece, Carthage, Perseus semuanya pupus ditelan zaman. Apa yang tinggal ialah sisa-sisa bangunan, barang emas, besi, tembikar, tembaga dan warisan kegemilangan seni bina ukur tangan dan pembinaan zamannya.

Sebaliknya pula seorang bernama Doktor Muhammad Wasilah Khan menekankan iaitu syariah manusia telah menjadi saksi bahawa jatuh bangunnya sesuatu kaum atau tamadun berhubung rapat dengan perolehan pengeluaran dan kebijaksanaan menggunakan ilmu. Ilmu hanya boleh didapati menerusi pendidikan dan bimbingan yang sempurna yang boleh diilhamkan oleh hamba Allah yang penuh dengan kecacatan.

Walaupun kita kena berpandu dengan Al-Quran dan As-Sunnah untuk mendapat bimbingan yang asli dalam merestui dan memenuhi keperluan keadaan masyarakat setempat, cita rasa masyarakat majmuk tekanan pemodenan pembangunan negara di dalam masyarakat antarabangsa yang bersifat global. Dalam

keadaan begitu rumit dan mencabar tidak ada satu sistem buatan manusia yang boleh memenuhi kehendak dan memberi kepuasan menyeluruh kepada semua orang.

Sejarah gemilang Yunani, Athenia, Rome, Yahudi, Arab penuh dengan ilmu pendidikan, falsafah, matematik, fizik, astronomi, sains dan sebagainya boleh dibuat sebagai rujukan teladan ataupun sempadan. Orang-orang Yunani Kuno umpamanya menekankan kepada persoalan kehormatan dan kemegahan daripada kebaikan. Kacukan dari pemikiran Buddhisme, Pluto dan diwarisi daripada Pythagoras tidak boleh membentuk manusia yang dalam berguna dalam masyarakat dan Utopian dicaricarikannya.

Walaupun kejayaan Pluto di bidang falsafah memikirkan abstrak dan logik dan gambaran undang-undang yang adil dan saksama dalam negara Utopia tidak boleh dinafikan tetapi dalam keadaan serba maju dan mencabar untuk mengatasi kerenah masyarakat yang tidak lagi dibendung oleh kelas dan berlainan peringkat sama ada di dalam negara atau antarabangsa sedang prinsip ini tidak lagi relevan. Begitu juga Confucianisme bagi falsafah unggul Timur.

Walaupun banyak keindahan terutama sekali unsur-unsur taat setia menghormati ibu bapa dan patuh kepada pemerintah adalah sangat-sangat menarik tetapi dalam konteks dunia moden dan cita rasa masyarakat sekarang rejimennya adalah ketat dan tidak berkompromi dengan ciri-ciri pemikiran yang indah yang boleh dicontohi tetapi bukan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang diperkatakan kebebasan dan liberalisasi di Barat tetapi sedikit sahaja di antara yang memperkatakan itu tidak melihat secara terperinci dalam konteks mana kebebasan dan liberalisasi itu berputar. Umpamanya, jikalau seseorang hendak pergi menetap di Australia, Amerika dan England sama ada Melayu, Cina ataupun Iban atau bagaimana untuk mencari harta atau pendidikan ataupun untuk mengadu nasib di rantau orang, ia hanya dengan kesedaran iaitu *complete submission* kepada sistem negara tersebut walaupun berani berterus-terang yang sistem negara tersebut bukan sebagai yang terbaik dan unggul. Tetapi penerimaan secara *psychology* ini telah memudahkan semangat juang untuk mencadangkan pilihan lain.

Yang aneh di negara kita matlamat dan dasar kerajaan belum lagi diterima dengan sepenuhnya. Walaupun mereka yang sama kita dengar melaungkan-laungkan kebebasan untuk mendapat jaminan di Dewan yang mulia ini pergi ke England,

Australia, Amerika tetapi tidak akan menerima jaminan yang sama untuk diberi kepada mereka. Selain dari England, Australia, New Zealand dan Amerika semua bangsa penjajah menjadi penghuni tetapi dengan sendiri kita yang datang kemudian sepatutnya mendapat hak yang sama.

Kenapa yang Korea tidak menubuhkan Universiti Korea di California, China tidak menubuhkan Universiti China di Australia, England dan Amerika? Sebabnya ialah kerana kita menerima hakikat pentadbiran dan norma negara tersebut, kepudaran ilham kita oleh kerana peranan rendah diri apabila berhadapan dengan bangsa-bangsa penjajah bukan sahaja telah menaklukkan kita secara fizikal tetapi juga secara mental.

Sebagaimana yang dikisahkan Gurnel Midle berlaku di India pada awal abad Ke-19 menerusi lidah pengarang Syed Al-Haq Ganha di mana seorang British bernama Mark Corley cuba mengisytiharkan pengajian Arab dan Sanskrit di kalangan rakyat India yang berminat sambil menekan pengajian bahasa Inggeris atas alasan satu rak perpustakaan Eropah yang baik adalah lebih berharga daripada keseluruhan kesusasteraan asli India dan Arab. Tujuannya ialah untuk menguasai mental rakyat India yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, bangsa yang mereka mesti boleh mengatasi bangsa yang merdeka dan boleh mengatasi kelemahan mental yang telah secara psikiknya diberi pandangan negatif. Kalau tidak, mereka tidak akan bermakna walaupun kaya-raya ataupun menerajui haluan politik ekonomi kononnya jika mental masih terjatuh asas dan nilai Barat masih mengongkong namun selama itulah kita masih merangka dalam kegelapan mencari haluan dan matlamat sendiri.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa bahasa dan asas pendidikan menjadi mercu yang boleh membantu kita keluar dari kegelapan pemikiran. Bahasa Melayu yang telah diterima sebagai peningkat martabat bangsa dan sumber ikatan perpaduan negara semenjak kemerdekaan dahulu masih perlu sangat diberi peranan yang maha suci iaitu berterusan. Sebagai tokoh tambah kita pelajari bahasa lain bahasa Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Cina, Iban, Jepun, Arab dan sebagainya kerana keperluan semasa, kerana keperluan sejagat, kerana Islam menuntut kita belajar ilmu walaupun sampai ke negara China, hingga ke liang lahad.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga memaklumkan bahawa pelajaran mesti ditumpu kepada untuk menangani keadaan semasa di zaman yang moden ini. Umpamanya baru-baru ini, saya diberitahu semasa di Kemboja oleh seorang *shadow minister* dari

New Zealand, bahawa bahasa yang akan menentukan buruk baiknya dunia pada masa akan datang ialah bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol dan bahasa Mandarin.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita berhenti daripada belajar dan mengejar pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, untuk khususnya, biarlah saya menekankan suatu perkara yang tidak abstrak iaitu di bidang pendidikan. Di antara perkara yang hangat yang diperbincangkan sekarang ialah disiplin sekolah, disiplin guru, ibu bapa tidak bertanggungjawab, kualiti pendidikan, kualiti siswazah, *syllabus* penjana sumber manusia dan siswazah menganggur.

Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pelajaran menjadi sasaran mungkin juga betul tetapi adalah tidak wajar membebankan tugas dan tanggungjawab ini kepada kementerian tersebut semata-mata. Dalam konteks itu kita juga berhadapan dengan beberapa topik yang kecil-kecilan yang mempunyai implikasi yang amat besar umpamanya bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Agama dan Kemasyarakatan, membaca al-Quran dan Tulisan Jawi, Patriotisme dan Kenegaraan dan Budaya dan Kecekalan Insan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merumus satu persatu perkara pokok berhubungan pendidikan. Disiplin di sekolah walaupun nisbahnya begitu kecil, tetapi cukup membimbangkan. Pihak kementerian dan jabatan sepatutnya bersikap tegas. Guru-guru di sekolah mestilah dibekalkan dengan kuasa dan garis panduan yang terperinci untuk menangani masalah ini. Gabungan kuasa di antara guru dan sekolah melalui institusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru mestilah diperkukuhkan. Menerusi institusi ini sekolah hendaklah meminta kerjasama ibu bapa untuk menegatkan disiplin di rumah, mendapatkan laluan yang wajar dari ibu bapa agar disiplin di sekolah boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Guru-guru di sekolah pula hendaklah bersikap adil semasa melaksanakan penguatkuasaan garis panduan disiplin, kerana ketiadaan keadilan ini boleh dibaca dan difahami oleh murid-murid dan kanak-kanak di zaman sekarang. Guru-guru juga janganlah bersikap acuh tak acuh atau satu situasi bermula atau diketahui akan bermula, kerana kelambatan atau kelemahan memberi keputusan *indecisiveness*, dengan izin ini akan dianggap sebagai satu kelemahan dari pihak berkuasa oleh pihak sekolah khususnya murid-murid sekolah.

Disiplin guru, masalah ini juga sebagaimana kita dimaklumkan adalah tidak besar nisbahnya tetapi janganlah dianggap tidak wujud. Kita jangan sekali-kali bersifat

umpamanya *denial* sindrom iaitu akan mendatang kalau ia akan mendatangkan padah. Kita ada mendengar bahawa guru terlibat dengan usaha jualan langsung, ada yang menjadi juru jual kereta, ada yang menjadi broker tanah dan bermacam-macam lagi. Ada guru yang hanya datang ke sekolah jam 7.30 pagi hanya menunggu jam 4.30 petang untuk balik, membuat kerja sendiri semasa di kelas dan bermacam-macam lagi.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya minat sangatlah mendengar perbincangan Yang Berhormat ini. Saya pernah ajukan soalan ini kepada seorang pengetua yang menjadi Presiden kepada Persatuan Pengetua Sekolah-sekolah di negeri Sabah.

Saya menanyakan soalan ini bukan suatu teka teki atau suatu soalan yang *tricky* dengan izin Tuan Yang di-Pertua tetapi ia merupakan *perception*. Saya ingin melihat apakah *perception* atau persepsi di kalangan guru-guru dan juga pengetua-pengetua guru-guru besar di sekolah-sekolah.

Apabila kita tanyakan kepada mereka, apakah yang dinamakan sekolah itu sekolah yang baik? Apakah sebab-sebab kita boleh menyatakan sekolah itu sekolah yang baik? Jawapannya, pertama, adakah kerana guru-gurunya baik dan yang kedua, adakah kerana anak-anak muridnya baik?

Yang Berhormat bagi Santubong, yang menjadi satu *irony* kepada saya satu yang pelik kepada saya pengetua ini mengatakan sekolah itu baik adalah kerana guru-gurunya baik. Kemudian saya berhenti di situ lalu saya teruskan pertanyaan saya, bagaimana pula kalau kita tanyakan apakah yang menyebabkan sesebuah sekolah itu dikatakan sekolah yang buruk? Apabila saya bertanyakan begitu dia terdiam. Bila baik sekolah itu dikatakan guru-gurunya baik tetapi apabila buruk sekolah itu dikatakan anak-anak muridnya berperangai buruk, keputusan peperiksaannya buruk segala-galanya buruk.

Di sini terdapat satu keadaan satu pemikiran yang tidak seimbang di antara guru dan bakal produk hasil kerja guru tadi iaitu anak-anak murid yang akan keluar daripada institusi sekolah tersebut. Saya minta Yang Berhormat bagi Santubong

dengan analisis tadi, cuba Yang Berhormat kembangkan sedikit pemikiran tadi itu, di antara guru dan pengetua yang berpengalaman tadi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau semua yang saya tuliskan di sini boleh dibaca kemungkinan ada sedikit-sedikit daripadanya memberi penjelasan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tetapi oleh kerana persoalan ini tidak ubah seperti satu persoalan dalam kelas pengajian falsafah, nampaknya susah hendak dijawab secara ringkas melainkan saya diberi peluang panjang untuk mengulas secara falsafah juga. Tetapi secara khususnya kebiasaannya manusia hanya boleh menuntut sebagai produk keluarannya apabila perkara itu baik dan sentiasa mengatakan produk itu bukan dari hasil pengeluarannya kalau dia tidak memuaskan keadaan.

Mungkin sedikit sebanyak persoalan Yang Berhormat tadi terjawab, itulah kenapa persepsi berlaku apabila satu produk itu baik iaitu keluaran muridnya mendapat 'A' dan menerima kecemerlangan dan oleh kerana gurunya yang baik, berdisiplin, rajin kerja dan sebagainya. Tetapi apabila anak murid itu tidak mendapat kecemerlangan dengan sendirinya guru kata saya baik tetapi anak murid ini yang tidak baik. Memang saya cukup yakin perkara ini berlaku di mana-mana. Ini adalah tabiat manusia.

Kalau kita hendak kebaikan kita mesti melihat tujuan asas pendidikan itu sendiri, tujuan sekolah itu ditubuhkan tujuan masyarakat mewujudkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan menghalakan haluannya untuk menjanakan guna tenaga manusia di negara ini dan apa tujuan sebenarnya adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang berilmu, yang berakhlak tinggi, yang berperangai yang berbudi pekerti semua nilai-nilai yang baik dan cemerlang.

Kalau ini telah tercapai baru kita boleh mengatakan bahawa *the product* daripada institusi itu tadi adalah produk yang cemerlang dan gemilang dan sepatutnya tidak perlulah guru-guru membuat *disclaimer* ataupun *claim* daripada produk itu. Sepatutnya kita semua patut berbangga kalau kita mencapai matlamatnya. Itu jawapan.

Jadi, saya teruskan, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Kita berharap tidak adalah guru yang turun pukul 7.00 pagi untuk ke sekolah dan tamat dan melihat jam sebelum balik pada pukul 4.30 petang, membuat kerja sendiri semasa dalam kelas, tidak mahu mendengar keluhan dan rintihan murid-murid, ini banyak berlaku Kadang-

kadang kita mendengar apabila anak murid ini yang kurang cemerlang, kurang cekap dia sisihkan oleh kerana dia hendak buat *tattoo* kah, baca buku kah ataupun apa benda lain yang hendak dia buat, ataupun *check* kertas pelajaran dia sendiri supaya pekerjaannya siap dalam kelas itu juga dan tidak payahlah buat kerja lebih pada waktu malam.

Ini kita bimbang, jauh sekali membimbing murid-murid semasa belajar, bahkan ada yang memaki hamun murid-murid dengan caci dan nista apabila didapati lemah dalam mata-mata pelajaran yang tertentu. Jadi, kita bimbang kalau ini berlaku, murid yang lemah menjadi lebih lemah lagi dan kecemerlangan tetap tidak kita dapati.

Sebaliknya dengan ringkasnya saya menghala kepada ibu bapa yang tidak mahu bertanggungjawab kepada persekolahan dan pendidikan anaknya - melonggokkan harta bertimbun sahaja, mempunyai bank simpanan yang berjuta, rumah seperti mahligai, kereta mewah, wang yang tidak terbilang, walaupun rumah itu diperbuat daripada emas sekalipun ia belum boleh menjamin kebahagiaan dan kesempurnaan keluarga tersebut. Ibu bapa sedemikian belum tentu boleh menjamin kebahagiaan, keselesaan dan kemajuan anak mereka. Namun jauh sekali boleh menjamin anak-anak mereka menjadi insan yang sempurna dan kamiljikalau tidak ada bimbingan yang sempurna, yang lengkap dari segi bimbingan dan pendidikan fizikal dan kerohanian. Oleh itu, institusi PIBG boleh memainkan peranan agar mengadakan seminar keibubapaan, kekeluargaan dan kepimpinan keluarga. Kementerian menerusi Jabatan Pendidikan semua peringkat hendaklah memberi sumbangan, kerjasama dan kepimpinan kepada institusi ini. Mewujudkan PIBG sebagai mengikut struktur jabatan berada di semua peringkat daerah, kawasan, negeri dan nasional adalah tidak penting. Yang penting ialah kawalan yang sempurna, aktiviti yang menjurus ke arah masalah ibu bapa dan guru, murid-murid dan pendekatan yang sempurna dan wajar dibuat perkiraan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai kualiti dan pendidikan. Kementerian mesti berani bertanya kepada diri sendiri sama ada pendidikan sekarang dan pendekatan yang diguna pakai ialah mencukupi atau tidak. Adakah mendapat gred yang tinggi dan pencapaian kelas kepujian pertama mencukupi? Kenapakah siswazah masih bergantung kepada kerajaan dan agensi kerajaan untuk mendapat pekerjaan? Di manakah letaknya jati diri dan keyakinan diri graduan? Kenapakah graduan tidak mempunyai motivasi menjurus ke arah lain? Adakah ini kelemahan kita di peringkat

rumah, sekolah, universiti memotivasikan pelajar di mana-mana peringkat awal lagi supaya memandang bahawa pekerjaan dengan kerajaan itu adalah *the last resort*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Ahli Yang Berhormat bagi Santubong menyentuh tentang kualiti graduan tadi. Memang di dalam negara kita mereka yang sudah keluar dan berkelulusan universiti ramai yang mendapat gred-gred yang baik, bahkan ramai yang mendapat keputusan 4.0. Ini amat membanggakan. Tetapi di dalam alam pekerjaan, saya nampak *performance* mereka ini agak kurang.

Jadi, di manakah kesalahan kita? Di manakah kesalahan kerajaan di dalam isu ini? Ramai yang mendapat keputusan baik tetapi kalau dibandingkan dengan mereka yang dapat keputusan *average*, mereka ini nampaknya lebih pandai lagi bekerja dan bertugas di tempat kerja masing-masing. Oleh itu, apakah cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong bagi kerajaan untuk memastikan bahawa universiti kita, IPTA dan IPTS kita tidak hanya mengeluarkan ataupun menghasilkan graduan-graduan di mana tumpuan mereka hanya untuk mendapat keputusan yang baik dan tinggi dalam universiti. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi satu misalan Yang Berhormat. Di satu institusi di London yang bernama *Council of Legal Education*, siapa yang mempelajari undang-undang mesti akhirnya pergi ke *Council of Legal Education* untuk mendapatkan kelulusan sebelum mengamalkan undang-undang di peringkat mahkamah.

Di *Council of Legal Education* kelulusan di peringkat itu ialah hanya 30%, bukan kuota yang dibuat kerana peperiksaan itu mungkin susah, payah – 30%. Kadang-kadang peringkat Kelas Satu didapati seorang dalam masa sepuluh tahun. Dalam masa lapan, sembilan tahun tidak ada berlaku seorang pun mendapat Kelas Satu. Dia mendapat Kelas Satu itu dalam masa sepuluh tahun, lima belas tahun, lapan, sembilan tahun. Jarang-jarang sekali orang mendapat Kelas Satu.

Yang mendapat Kelas Dua Atasan (*Second Class Upper*) dalam satu peperiksaan pada tahun 1982, 3,700 pelajar duduk peperiksaan bagi seluruh 37 *Commonwealth nation*, hanya 24 orang yang mendapat Kelas Dua Atasan dan 200

Second Class Lower. Malaysian - 857 pada tahun itu, saya tahu sebab tahun itu saya duduk bersama. Tujuh belas orang mendapat *Second Class*, yang lain semuanya *Third Class*.

Jadi, persoalannya bukan soal *Third Class* atau *First Class* yang penting, yang pentingnya cara mengajar. Cara mengajarnya ialah orang tidak pernah di *spoon-feed*. Saya akan baca di sini, ada jawapan saya sebenarnya persoalan ini, kerana sudah ditanya dahulu saya hendak jawab.

Dia tidak bagi *note* kepada kita. *Lecturer* datang dia bagi prap...pap....pap...pap cara dia berdiri setengah jam dan duduk di hadapan kita sama ada dia Burn atau sama ada dia Philip, nama *lecturer* penulis buku ini, dia datang sejam, dia berdiri bercakap-cakap begitu, dia pulang. Dia tidak tanya sama ada ambil *note* ataupun tidak. Jawapannya bukan pada *lecturer*, bukan dalam buku, bukan dalam itu, *you* kena pergi ke *library* cari jawapan sendiri. Tidak ada nota, tidak ada apa benda yang *lecturer* bagi, kita kena cari. Kalau *you* tidak dapat jawapan, *you* tidak luluslah.

Tetapi di sini saya dimaklumkan sama ada betul atau pun tidak, minta menteri tolong jawab. Betul atau tidak murid-murid di sekolah apabila *lecture*, *note* kena bagi. Hafal sahaja *note* *you* boleh lulus, Insya-Allah. Tetapi kalau macam inilah *spoon-feeding* kita di peringkat universiti, di manakah letaknya motivasi untuk belajar? Di manakah letaknya motivasi untuk membaca benda lain selain daripada *note* yang telah diberi. Kita hafaz sahaja satu buku ini kita dapat *First Class Honours*, *you* baca ini sahajalah. Apa pula perlu hendak belajar ke lain tempat? Baca ini sahaja. Cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terpaksa saya mengganggu sedikit. Ada banyak lagikah?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan cepat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kerana kita memandang bahawa adalah satu hakikat dan kenyataan yang kerajaan tidak akan dapat memberikan pekerjaan kepada semua orang.

Telah dilakukan oleh Presiden Clinton – saya sebut dua kali perkara ini, hendak buat satu latihan dan *placement* untuk masyarakatnya di Amerika pada tahun 1994

dan 1995, berbilion duit Amerika habis tetapi matlamat telah tidak tercapai – kegagalan.

Adalah tidak baik bagi kita memberi, kalau siswazah itu menganggur bawa dia masuk jabatan kerajaan tidak ada pekerjaan pun bagi elaun, latihan dan sebagainya, ini adalah tidak ubah kalau orang lapar beri ikan sepatutnya kita bagi pancing, bagi kail kepada mereka jangan bagi ikan. Satu hari sahaja makan sudah habis. Bagi pancing, biar dia belajar pancing sendiri. Dia berlapar, berlaparlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena melatih orang dalam keadaan yang ada sekarang ini, kerana dalam situasi di mana apa yang dikatakan, '*dog eats dog*' dengan izin, sama soalan mencari pekerjaan atau peluang perniagaan, pelajar mestilah ditanam dengan satu pendirian bahawa dunia luar itu adalah bukan baik tetapi kejam, ganas dan tidak bertimbang rasa, *that is no free lunch*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kualiti siswazah jangan di'*spoon feed*' dengan nota bahan kuliah kerana hendak belajar mendapat kepujian kelas pertama. Mereka mestilah digalakkan mencari sendiri ilmu itu dalam khazanah ilmu dan gedung perpustakaan untuk menjawab sesuatu soalan. Dengan itu hasilnya nanti jauh lebih bermakna dari segi kualiti dan kesannya dengan secara tidak langsung akan tertanam dalam jiwa *the self consciousness*, dengan izin bahawa, *there is no free lunch and you only get what you struggle for*, dengan izin.

Dalam masa yang sama ibu bapa mestilah juga bersikap tegas dan janganlah anak-anak dimanjakan sangat hingga menjadi warganegara yang lemah dan longlai. Mereka ini perlu dijadikan anak belia bangsa yang cergas, cerdas, berani dan mempunyai kepercayaan diri dan kepercayaan tinggi di masa hadapan. Kita bimbang semangat juang dan daya saing negara akan terjejas jikalau anak-anak sangat-sangat ditatang 'bagaikan minyak yang penuh' dijaga 'seperti garam takutkan hujan' walaupun sudah di peringkat dewasa.

Ibu bapa hendaklah berani membiarkan anak-anak mereka memanjat pokok, berenang sungai dan meredah laut, mendaki bukit dan terjun, luka, patah, terseliuh dan sebagainya adalah satu cabaran hidup bagi mereka, kerana masa depan dan dewasanya nanti ibu bapa tidak mungkin berterusan ada bersama mereka. Pada ketika itu buruk baik adalah di tangan dan di atas budi bicara anak-anak itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa singkat biarlah saya terus pergi kepada saingan negara. Saingan negara terletak kepada beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini kita boleh melihat daya saing negara berlandaskan fakta seperti prasarana yang lengkap, perjalanan tenaga kuasa dan air mencukupi, guna tenaga yang murah dan senang dilatih, masyarakat buruh banyak dan mudah dilatih, bahasa Inggeris dan keseluruhannya kos pengeluaran yang rendah.

Sekarang perkara ini telah dicabar oleh negara-negara seperti China, seluruh negara Indo-China, Mexico dan negara Latin Amerika yang lain dan seterusnya negara-negara Asean sendiri.

Teknologi kemajuan negara kita dalam bidang perkilangan adalah kerana laburan FDI, negara asing seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Singapura, Taiwan, Britain dan lain-lain. Hampir semua produk yang kita kilang dan keluarkan adalah teknologi jenama dan buatan negara pelabur yang saya sebutkan tadi. Dengan kata lain, kita tidak mempunyai senarai produk kita sendiri yang menciptanya.

Kelemahan R&D kerana kita tidak mempunyai pusat R&D yang boleh menghasilkan produk canggih, nilai tambah dan kegunaan ramai. Masyarakat asing yang datang melabur di sini hanya menggunakan Malaysia sebagai tapak kilang dan operasi yang berlandaskan daya saing sebagai yang saya sebutkan tadi, iaitu kos pengeluaran yang murah. Lagi pun teknologi pengeluaran produk yang dikilangkan di negara kita ialah produk yang telah sampai tempoh kematangannya, yakni produk yang tidak perlu lagi penyelidikan yang serius dan terperinci untuk keluaran dan pengilangan.

Kita pula tidak berupaya atau tidak berinisiatif untuk membuat penyelidikan ke atas produk tersebut untuk membuat nilai tambah dan nilai tinggi untuk keluaran. Dalam masa yang sama, negara pelabur hanya membuat pusat selidik iaitu R&D mereka di negara-negara mereka sendiri atau negara-negara maju yang lain. Sebab negara kita tidak mempunyai pakar, *scientist* dan jurutera yang banyak dan pandai. Itulah kenapa syarikat seperti General Electric hanya mempunyai pusat R&D mereka di Amerika Syarikat, Eropah dan baru-baru ini menubuhkan di Bangalore, India.

Begitulah syarikat-syarikat besar yang lain. Syarikat yang besar kita pula tidak terlibat dengan R&D secara serius. Mereka berpandangan singkat, R&D perlu masa yang panjang, kos yang tinggi tanpa pulangan yang segera. Kita mempunyai syarikat yang sederhana besar seperti YTL, Petronas, Maybank, Telekom, TNB dan lain-lain

yang sebaya dengannya sepatutnya melibatkan diri dengan R&D secara serius dan besar-besaran kerana syarikat tidak boleh bergantung kepada universiti dan institusi penyelidikan kerajaan, syarikat ini mesti belajar dari pengalaman syarikat-syarikat besar seperti General Electric, International Business Machines iaitu IBM, XEROX, Microsoft Intel United States, Seamen German, NEC Jepun dan SAMSUNG dari Korea.

Mereka ini mestilah mengetahui bahawa institusi penyelidikan kerajaan tidak '*business focus*' sementara universiti lazimnya menyelidik soal *pure science* dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat gulung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Biar saya habiskan ini Datuk, kalau tidak, tidak ada makna, ia macam pokok ditanam dipotong sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, gulunglah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Penyelidikan universiti berasaskan persoalan *pure science* dan penyelidikan yang tidak strategik dan agensi kerajaan pula tidak banyak menjawab persoalan sains, tetapi adalah jauh berbeza. Jadi penyelidikan secara strategi dan menjuruskan semangat terokaan iaitu *pioneer* yang boleh dibuat oleh industri *research*, penyelidikan secara strategi dan terokaan boleh menguntungkan syarikat dan seterusnya negara tetapi dalam jangka masa panjang.

Kita beralasan iaitu Malaysia mempunyai syarikat yang tidak besar tetapi mengikut kata Charles Kettering iaitu pengasas *Research Division General Motors, Large Corporation* dengan izin '*do not hire technical man because they are large, rather they are large because they higher technical man when they are small*' dengan izin. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat yang besar bukan sebab dia besar, dia *hire technical man*, tetapi dia besar oleh sebab dia mempunyai *higher technical man*.

Bayangkan Microsof Amerika sekarang sedang membuat *research* ke atas *fundamental linguistics studies* agar komputer mengerti perbuatan harian manusia dan membuat jawapan dengan sempurna, yang mana pula NEC membuat penyelidikan ke atas pembinaan *super strong carbon atom* yang mempunyai keunikan untuk membuat transistor bersais nanometer dan IBM di Zurich pula sedang menyelidik *fabricate* jentera *molecular* yang amat kecil dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar.

Semua penyelidikan ini adalah fokus kepada penemuan yang boleh diguna pakai sebagai barang jualan dan dipasarkan, dan dengan ini paten pula akan diwujudkan dan saya akan baca sedikit-sedikit paten macam:

<u>Syarikat</u>	<u>1990</u>	<u>1995</u>	<u>1999</u>
IBM	588 paten,	1,389 paten	2,789 paten
MITSUBISHI	990 paten	1,003 paten	1,089 paten
TOSHIBA	1,004 paten	1,035 paten	1,225 paten

Mengikut sejarahnya Alexander Graham Bell bukan kaya untuk mengeksploitasikan penemuannya, tetapi kaya oleh kerana dia boleh saman orang yang *infringe* dia punya *patent right* Tuan Yang di-Pertua. Tetapi negara kita tidak melihat bahawa *Research and Development* ini penting dan kenapa kita tidak mempunyai banyak paten dan kenapa kita tidak mempunyai banyak penemuan, jadi kita tidak boleh saman orang, tidak boleh jadi kaya, orang lain mengeksploitasikan penemuan kita.

Saya berharaplah pihak kementerian menekankan kepada industri-industri, kepada syarikat-syarikat yang besar supaya mewujudkan *research division* mereka sendiri jangan *rely* dengan jabatan kerajaan, jangan *rely* dengan universiti yang fokusnya kepada *pure science* yang mana industri itu sahaja yang mengetahui apa *business for the future* mengikut Robert Volva, dia kata, '*the machine for growth for the future is the technology*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyentuh soalan kawasan. Hendak sokong Yang Berhormat Kota Belud berhubung dengan perumahan oleh kerana masa saya tidak ada, jadi saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Kampar.

3.10 ptg.

Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet tahun 2005. Secara keseluruhan bajet ini merupakan satu strategi kerajaan untuk menjana dan merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi, di samping

memupuk kesejahteraan hidup rakyat yang merupakan satu bajet yang menguntungkan orang ramai terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan seharusnya meningkatkan mutu pentadbiran dalam semua bidang perkhidmatan awam, piagam pelanggan yang melibatkan 'cepat dan cekap' hendaklah disalurkan kepada setiap kakitangan kerajaan terutama sekali di kaunter-kaunter perkhidmatan jabatan kerajaan. Selain ini interaksi dan perhubungan di antara kakitangan kerajaan dengan rakyat jelata hendaklah lebih mesra. Mereka haruslah meringankan beban rakyat dengan mengurangkan prosedur yang rumit.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu pihak polis dan agensi yang berkenaan haruslah berganding bahu untuk menghapuskan gejala rasuah dan masalah jenayah yang kian berleluasa di negara ini. Ini adalah disebabkan oleh masalah tersebut bukan sahaja menjatuhkan imej negara malahan ia akan merosakkan sosial ekonomi negara kita. Dalam hal ini, kecekapan pihak polis akan menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melancarkan pelbagai kempen keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kadar kemalangan di negara kita. Kempen-kempen tersebut dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang keperluan bertolak ansur untuk menjamin nyawa para pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, kadar kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa manusia adalah seramai kira-kira 6,000 orang setahun dan majoritinya terdiri dari penunggang motosikal.

Pihak kerajaan telah melaksanakan peraturan memasang lampu motosikal pada waktu siang hari sejak beberapa tahun yang lalu. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya di kalangan penunggang motosikal. Setelah sekian lama dilaksanakan didapati bahawa kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang motosikal dapat dikurangkan, sebaliknya kemalangan jalan raya yang lain masih menunjukkan kadar peningkatan yang membimbangkan.

Saya mendapati bahawa beberapa buah negara Eropah Utara seperti Denmark, Finland dan Sweden telah menggalakkan semua kenderaan bermotor memasang lampu pada waktu siang hari, didapati bahawa strategi ini telah mengurangkan masalah kemalangan di jalan raya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan Kementerian Pengangkutan Malaysia supaya mengkaji dan seterusnya

cuba melaksanakan peraturan lalu-lintas seperti di atas. Diharapkan masalah kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Perak merupakan salah sebuah negeri yang telah mencapai pembangunan ekonomi yang pesat di negara ini. Akan tetapi perkhidmatan pengangkutan udara di negeri tersebut masih mempunyai banyak kekurangan dan bolehlah dipertingkatkan lagi. Sebelum ini pihak MAS telah menyediakan perkhidmatan udara dengan penerbangan MH1605 dari Ipoh ke Kuala Lumpur pada pukul 6.45 pagi setiap hari. Tetapi perkhidmatan tersebut telah diberhentikan mulai 1 Jun 2002 yang lalu. Ini telah mendatangkan banyak kesan yang merugikan terutamanya dalam bidang pelancongan perindustrian dan perniagaan.

Pada hari ini banyak agensi pelancongan di negeri Perak terpaksa membawa pelancong ke KLIA dengan menggunakan van ataupun bas. Ini telah memakan banyak masa dan membebankan penduduk di negeri tersebut. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kementerian Pengangkutan agar memulihkan semula perkhidmatan udara pada waktu yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya syarikat penerbangan MAS tidak dapat menyediakan perkhidmatan tersebut, pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia dapat memberi laluan kepada syarikat penerbangan AirAsia untuk mengendalikan perkhidmatan udara itu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah terjumpanya longgokan bijih timah, orang Cina telah datang beramai-ramai ke negara ini. Ramai di antara mereka ingin bermastautin dan menetap di negara yang tercinta ini. Dalam hal ini pertubuhan-pertubuhan Cina telah memainkan peranan penting dan memikul tanggungjawab yang berat untuk membantu dalam soal pengebumian setelah saudara-mara mereka meninggal dunia.

Persatuan-persatuan sedemikian telah mencari tanah perkuburan yang sesuai dan menjaga kebersihan kubur sepanjang masa. Ini secara tidak langsung telah meringankan beban pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah kematian itu. Sebenarnya pihak jawatankuasa kubur yang berkenaan telah mengenakan bayaran yang sedikit dan munasabah untuk mengendalikan kubur tersebut sepanjang masa.

Banyak perbelanjaan terpaksa digunakan untuk membersihkan rumput, membeli tanah kubur yang baru, membina tempat membakar mayat dan menyimpan abu tulang mayat, mengatasi masalah tanah runtuh dan membiayai kerja-kerja penyelenggaraan seperti jalan raya dan longkang. Namun demikian, pihak Lembaga

Hasil Dalam Negeri telah mengenakan cukai keuntungan ke atas kutipan bayaran kubur tersebut mulai tahun ini. Langkah tersebut adalah tidak adil dan haruslah diberhentikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanah perkuburan Cina di negara ini terbahagi kepada dua jenis iaitu tanah kubur tradisi dan tanah kubur perniagaan. Tanah kubur tradisi biasanya dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina secara sukarela dengan kadar sebanyak RM200 hingga RM300 sebuah kubur. Manakala tanah kubur perniagaan pula diusahakan oleh syarikat perniagaan yang mengenakan harga sebanyak RM7,000 hingga RM8,000 sebuah kubur. Oleh yang demikian, tanah kubur tradisi haruslah dielakkan dari sebarang cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya mencadangkan bahawa pihak kerajaan negeri hendaklah menyediakan tanah yang percuma kepada persatuan-persatuan untuk mengatasi masalah kekurangan tanah kubur yang kian serius pada hari ini. Dengan itu, beban persatuan yang berkenaan akan menjadi lebih ringan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pembangunan sektor perlombongan bijih timah di negara kita. Kita sedia maklum bahawa longgokan bijih timah telah ditemui di daerah Larut oleh Long Jaafar di negeri Perak pada tahun 1848. Seterusnya bijih timah turut ditemui di Lembah Kinta pada tahun 1880-an. Perusahaan perlombongan bijih timah secara besar-besaran ini telah mendatangkan berbilion-bilion ringgit kepada negara kita yang telah membawa kepada pembangunan ekonomi negara dan membuka banyak peluang pekerjaan. Dalam masa yang sama, perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan industri perlombongan turut berkembang maju.

Namun demikian, pasaran harga bijih timah telah hancur pada 24 Oktober 1985. Harga bijih timah telah jatuh ke paras yang paling rendah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab dan efisien telah bertindak tangkas untuk memajukan sektor perindustrian dan pembuatan di negara kita sehingga pembangunan ekonomi negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini negara kita hanya mengeluarkan bijih timah sebanyak kira-kira 3,500 tan setahun. Akan tetapi negara kita memerlukan bijih timah sebanyak kira-kira 5,000 tan setahun. Ini bermakna negara kita telah bertukar daripada sebuah negara pengeksport bijih timah utama sebelum ini kepada negara pengimport bijih timah. Sekiranya tidak ada tindakan sewajarnya yang berkesan

diambil, usaha perlombongan bijih timah di negara kita akan berhenti. Pada masa itu, negara kita terpaksa menelan perbelanjaan sebanyak RM170 juta setahun untuk membeli bijih timah. Implikasinya wang negara kita akan mengalir ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan harga bijih timah di negara kita telah meningkat daripada RM11 menjadi RM34 sekilogram pada masa kini, pihak kerajaan haruslah menggalakkan perlombongan bijih timah di negara kita. Sebenarnya negara kita masih mempunyai longgokan bijih timah yang agak lumayan. Saya berharap pihak kerajaan haruslah terus menggalakkan perusahaan perlombongan bijih timah di negara kita. Ini adalah kerana bijih timah yang tersimpan di bawah tanah akan menjadi membazir jika tidak dilombong.

Saya berpendapat bahawa pihak kerajaan hendaklah melaksanakan cara perlombongan yang baru sekiranya didapati tanah pertanian mempunyai longgokan bijih timah, pihak pengusaha bolehlah mengorek lapisan tanah atas, dengan izin, *top soil* yang subur untuk diletakkan ke tepi. Setelah bijih timah dilombong, kawasan bekas lombong dapat diisikan dan ditutup semula dengan lapisan tanah atas. Dengan ini, kawasan tersebut dapat digunakan untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan lain-lain.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah lama menggalakkan perusahaan perlombongan bijih timah. Buat masa kini, kerajaan negeri ini telah mengeluarkan lesen melombong, dengan izin, *mining license* kepada perlombongan-perlombongan dan pelabur-pelabur di atas tanah pertanian. Dengan itu, pengusaha-pengusaha dapatlah melombong bijih timah di tanah pertanian terlebih dahulu. Kemudian barulah mereka menjalankan aktiviti-aktiviti...

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Apa ini riuh-riuh di sana, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Hah? Saya tidak boleh berbahaskah?

Waahh!....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Penjelasan.

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Duduk, duduk.

Cik Fong Po Kuan: Boleh bagi penjelasan?

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Jangan kacau, jangan kacau. Ini perlombongan, Yang Berhormat tidak tahu. Undang-undang, Yang Berhormat tahu. Itu saya faham.

Seorang Ahli: Duduklah, duduk.

Seorang Ahli: Kasi *chancelah*.

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Tuan Yang di-Pertua, dengan itu pengusaha-pengusaha dapatlah melombong bijih timah di tanah pertanian terlebih dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Kemudian barulah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlulah, Yang Berhormat. Tidak perlulah.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tan Sri Dato' Hew See Tong: ...mereka menjalankan aktiviti-aktiviti....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan, duduk, duduklah.

Tan Sri Dato' Hew See Tong: ...pertanian yang lain. Dengan itu, pembaziran tanah terutamanya tanah pertanian tidak banyak berlaku. Langkah-langkah seumpama ini patutlah dicontohi oleh kerajaan-kerajaan negeri yang lain seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Dengan usaha sedemikian, pengeluaran bijih timah akan dapat dipertingkatkan dan negara kita akan sentiasa mempunyai bekalan bijih timah yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong penuh Belanjawan Tahun 2005. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Terap.

3.28 ptg.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September yang lepas.

Bajet yang disambut baik terutama oleh golongan kakitangan awam, anggota tentera dan polis, terutamanya yang berpangkat rendah. Bajet 2005 juga menterjemahkan janji-janji Barisan Nasional semasa kempen pilihan raya yang lalu.

Pada ketika ini rakyat masih segar dengan gema dan kemeriahan sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-47. Tidak ada siapa yang dapat menafikan dalam tempoh 47 tahun negara mencapai kemerdekaan, banyak perubahan dan kemajuan telah berjaya diperolehi kehidupan rakyat biar di luar bandar mahupun di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua, tiga perkara demi kepentingan rakyat dan negara seluruhnya. Yang pertama untuk menyentuh perkara-perkara penting dan menuntut perhatian serius daripada kerajaan, terutama kita dapati bahawa ancaman dan masalah banjir pendatang tanpa izin atau PATI. Kestabilan politik, kemakmuran negara dan pembangunan serta pertumbuhan pesat ekonomi menjadikan Malaysia syurga pekerjaan kepada rakyat negara-negara jiran dan lain-lain negara miskin di negara ini.

Kerajaan melalui Majlis Tindakan Negara yang menyebut jumlah pendatang asing akan meningkat kepada lima juta orang dalam masa terdekat ini. Kes ragut, rompak dan rogol yang menjadi-jadi menimbulkan ketidakselesaan yang amat sangat, malah rakyat merasa tidak lagi selamat dan sentiasa di dalam kebimbangan dan ketakutan.

Ini juga tidak sihat dari segi iklim pelaburan yang boleh menjejaskan tarikan pelancong untuk datang ke negara kita di masa-masa yang akan datang ini. Hospital-hospital kerajaan yang disediakan untuk rakyat terpaksa juga melayan jumlah pesakit asing yang sudah tentu meragut keselesaan rakyat negara kita. Walaupun negara memerlukan pekerja asing dalam sesetengah sektor pekerjaan, tetapi janganlah dibiarkan sampai wujud perkampungan pendatang asing yang serius di dalam negeri-negeri di Malaysia ini. Yang sudah tumbuh kini jangan sampai, "Sudah terhantuk baru tengadah".

Pihak-pihak yang berkenaan dan kerajaan negeri janganlah berdiam diri. Gerakan bersepadu perlu dilaksanakan antara pihak keselamatan, tentera, imigresen dan juga RELA perlu dipertingkatkan untuk mengawasi banjir pendatang asing yang datang ke negara kita pada hari ini. Tindakan tegas terhadap pihak-pihak tertentu yang mengutip duit perlindungan dari pendatang asing sehingga kerap kali menggagalkan operasi bersepadu imigresen perlu dibanteras secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh tentang belia dan sukan kita. Dalam Sukan Olimpik di Athens baru-baru ini Malaysia pulang dengan tangan kosong sahaja. Apakah standard kita sebenarnya dalam bidang sukan di peringkat dunia?

Kita mengadakan SUKMA, kita menyertai *Sea Games*, kita menyertai *Asian Games*, kita menyertai *Commonwealth Games*, kita menyertai *Olympic Games*, apakah perlu kita menghantar atlet kita kalau kita tidak kesampaian di mana-mana.

Kalau standard kita sekadar jaguh kampung eloklah disemak semula aspek mengenai perancangan membangun sukan di negara kita pada hari ini. Di bidang sukan kita sekadar jaguh kampung, bagaimana pula dengan hal-hal belia. Gerakan belia di negara kita lesu dan sunyi. Kita bising kerana kegagalan dalam sesuatu kejohanan sukan sedangkan banyak wang dihabiskan untuk bidang kesukanan ini.

Tidak keterlaluan kalau saya katakan Kementerian Belia dan Sukan lebih mengutamakan sukan daripada pembangunan kemajuan belia kita. Kita dengar bahawa pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara, tetapi di dalam jawapan pihak kerajaan terdapat hampir 573 persatuan belia di negara kita telah dibatalkan pendaftarannya. Apabila kita mendengar persatuan sukan hendak dibatalkan pendaftarannya semua orang bising seluruh negara kita. Tetapi bila persatuan belia kita hendak dibatalkan dan hampir 600 lebih telah dibatalkan pendaftarannya, kita tengok sepi sahaja.

Maknanya saya mengharapkan supaya Kementerian Belia dan Sukan memberikan tumpuan yang sepenuh-penuhnya kepada bidang belia ini dan kalau boleh kita perlu memberikan peruntukan yang banyak untuk menghidupkan belia-belia kita di kampung. Bagaimana majlis belia daerah, bagaimana majlis belia negeri, bagaimana Majlis Belia Malaysia, tidak begitu aktif bagi menghidupkan suasana ataupun memberi aktiviti yang sebaik mungkin kepada belia-belia kita. Kalau kita memberi peruntukan yang lebih kepada persatuan belia kita yakin bahawa apabila persatuan belia ada wang yang banyak mereka boleh mengadakan aktiviti dan sekali gus boleh menghindarkan gejala-gejala yang tidak baik seperti melepak ini.

Itulah saya mengharapkan supaya Kementerian Belia dan Sukan memberi wang yang lebih, peruntukan yang banyak kepada persatuan belia kita. Kita lihat bagaimana dahulunya Kementerian Kesenian, Pelancongan dan Kebudayaan telah diasingkan kerana memikirkan bahawa pentingnya pelancongan diasingkan dan diwujudkan satu Kementerian Pelancongan. Saya harap juga kerajaan memikirkan supaya mengasingkan antara Kementerian Sukan dan Belia ini memandangkan bilangan belia yang ramai di negara kita. Jumlah penduduk belia amat tinggi kalau dibandingkan dengan orang dewasa. Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan

untuk mengasingkan Kementerian Belia dan Sukan dengan mewujudkan satu kementerian asing iaitu Kementerian Belia sahaja bagi memastikan program peruntukan diberi yang lebih kepada belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang kesihatan ini. Isu bantuan kepada pesakit kronik sering timbul bila sahaja ada kes baru. Apakah isu-isu dan permasalahan sebenarnya mengenai tabung penyakit kronik ini. Saya menyeru Kementerian Kesihatan mempermudah dan mempercepat urusan bantuan kepada pesakit kronik daripada Tabung Penyakit Kronik.

Saya juga ingin membangkitkan tentang ubat-ubat yang dibekalkan di hospital kerajaan ataupun klinik kerajaan di seluruh negara kita. Pada hari ini ada persepsi mengatakan ubat-ubat yang dibekalkan di hospital kerajaan atau klinik kerajaan tidak bermutu, tidak memberi kesan kepada pesakit-pesakit kita. Justeru itu ramai daripada orang kampung terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk pergi kepada hospital-hospital swasta. Kalau demam sedikit pun terpaksa meminta khidmat nasihat ataupun membeli ubat daripada hospital-hospital swasta ini.

Jadi sudah sampai masanya agak keterlaluanlah kalau saya katakan hospital kerajaan membeli ubat tiruan tidak mungkin tapi dengar daripada rayuan, daripada rungutan, rakyat daripada kampung mengatakan bahawa ubat-ubat yang dibekalkan di hospital kerajaan tidak bermutu ataupun tidak memberi kesan yang baik kepada pesakit yang ingin mendapatkan khidmat ataupun berjumpa doktor di hospital kerajaan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah supaya walaupun kita tengok ada subsidi yang banyak ataupun kerajaan mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli ubat ini, kita harap kalau perkara ini benar, ubat-ubat yang telah pun dibekalkan, yang diberikan kepada pesakit di hospital kerajaan kalau ianya benar tidak bermutu saya harap kerajaan dapat memberikan ubat-ubat yang lebih bermutu supaya orang kampung yang tidak ada duit yang banyak boleh menerima khidmat yang sempurna daripada hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah soal hal-hal keagamaan ini. Saya hanya akan menyentuh soal-soal kepimpinan masjid. Sebagai satu institusi penting dalam masyarakat Islam, saya menyeru JAKIM supaya memperkemas program-program dan perancangan untuk membangunkan kemajuan masjid di seluruh negara kita.

Kita menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan untuk memberi elaun kepada semua imam seluruh negara. Selaras dengan itu eloklah JAKIM menyediakan program-program latihan untuk kepimpinan masjid supaya semua imam ini benar-benar berwibawa. Dapat menyampaikan khutbah dengan lancar, fasih dan menarik. Mengurus masjid sebagai pusat kemajuan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim:ummah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta maaf.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Bila masuk ini?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat Padang Terap, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Anak bongsu ini dia kena kerap bangun sedikitlah. Saya mencelah sedikit satu persoalan kerana berbangkit hal masjid tadi kita ada 9000 lebih masjid seluruh negara.

Jadi kita bangga Yang Berhormat kerana prihatin masjid hendak dijadikan media dakwah. Media elektronik dan media dakwah seluruh negara orang bukan Islam pun terima khutbah kita dengan baik, tetapi apakah Yang Berhormat setuju kalau kita katakan masjid-masjid yang besar bukan sekadar kita beri RM450 satu imam. Kita hendaklah tengok kalau imam-imam hafiz yang sesuai bagi negeri dan daerah saya rasa dua imam bagi satu negeri ini kita akan tengok skim yang sesuai. Setuju tidak kalau kita wujudkan satu skim bukan sekadar elaun kerana kita tahu bahawa masjid boleh menyatukan ummah, boleh meredakan perpecahan ummah, orang PAS pun setuju, DAP pun setuju saya rasa. Terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju. Sebenarnya bukan sahaja kita memberi elaun yang banyak, kalau bolehlah kerajaan menyediakan *quarters* imam di setiap masjid, kita tubuh masjid negeri dahulu, kemudian masjid daerah. Biar imam itu sepenuh masa. Kita bagi elaun yang tinggi, bukan sahaja RM450 tapi mungkin RM1500 sebab sudah ramai hafiz kita yang keluaran misalnya, Al-Azhar, Mesir. Bila dia balik kemudian tempatkan dalam kategori A atau B kepada semua masjid daerah kalau boleh kita adakan *quarters* ada pekerja, tugasnya cuma mengimarah masjid sahaja.

Janganlah pula menggunakan masjid itu untuk tujuan yang lain, gunakan khutbah untuk menghentam kerajaan atau guna khutbah untuk memesonkan pemikiran rakyat, tetapi jika sekiranya imam-imam kita menggunakan kerja itu sebaik mungkin, saya yakin penuh bahawa seluruh umat Islam dan rakyat yang lain bersatu padu apabila mendengar dakwah yang telah diberikan oleh imam-imam kita. Jadi saya bersetuju penuh pandangan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kawasan saya, Padang Terap merupakan kawasan yang agak miskin, dahulunya. Tetapi alhamdulillah sejak kita merdeka 47 tahun telah begitu berubah wajahnya namun masih ada lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki di semua tempat. Kita menyentuh tentang IKS, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat kawasan saya terpaksa turun pukul empat pagi untuk bekerja di kilang-kilang di Pulau Pinang, Sungai Petani ataupun di Butterworth, pukul empat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna bolehkah pihak kerajaan, saya gembira baru-baru ini apabila Yang Amat Berhormat memutuskan untuk mewujudkan IKS di seluruh negara kita. Dana yang banyak diperuntukkan untuk mewujudkan IKS.

Saya harap benda yang sudah lama diperkatakan ini diwujudkan dengan segera kerana kampung di pedalaman, di Padang Terap misalnya jauh hendak ke Sungai Petani memakan masa kadang-kadang sampai tiga atau empat jam. Di Sik misalnya, hendak datang ke Sungai Petani untuk mencari nafkah kepada rakyat setempat, menyara keluarga mereka. Maka sudah sampai masanya supaya kerajaan mempercepatkan, mewujudkan kilang-kilang kecil ini, IKS ini diwujudkan segera di Padang Terap sebagai daerah yang agak mundur, sebagai Kedah Timur, Padang Terap, Sik dan Baling, sudah maju di daerah-daerah lain, terus sampai masanya IKS ini dapat disegerakan, memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di luar bandar seperti Padang Terap yang saya wakili.

Bajet 2005 yang memfokuskan golongan miskin, pembangunan luar bandar di harap benar-benar dapat membebaskan kawasan termiskin ini dan lain-lain kawasan yang masih ketinggalan ini daripada elemen-elemen kemiskinan. Kita menyentuh rumah PPRT misalnya. Rumah PPRT yang sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Kita bercakap hendak membasmi kemiskinan sifar tetapi dalam satu tahun, satu mukim hanya menerima sebuah rumah PPRT sahaja. Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan untuk melipatgandakan lagi peruntukan wang kepada PPRT di

seluruh negara kita khususnya kepada daerah yang ketinggalan, yang miskin seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya haraplah supaya program membina rumah-rumah PPRT ini dapat disegerakan. Jangan hanya setahun dapat satu buah di satu mukim tetapi kalau boleh kerajaan memikirkan supaya memberi lebih banyak peruntukan agar rumah-rumah PPRT untuk orang-orang miskin ini dapat dipertingkatkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, saya menyokong penuh agar bajet ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulung.

3.44 ptg.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menjamin kesinambungan kejayaan, itulah tajuk Bajet 2005. Harus diingat bahawa Rancangan Malaysia Kelapan bermula dari tahun 2001 dan akan berakhir pada tahun 2005. Selepas tahun 2005, maka kita akan memasuki Rancangan Malaysia Kesembilan dan Wawasan 2020 hanya tinggal 16 tahun atau kalau kita kira dari tahun 2005 berdasarkan bajet ini hanya tinggal 15 tahun sahaja lagi.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana merangka satu bajet yang sebenarnya untuk pelan jangka pendek tetapi mempunyai matlamat dan hala tuju pemikiran yang jauh. Sejak negara kita merdeka, kita telah mengatur kejayaan negara kita. Daripada satu Perdana Menteri ke satu Perdana Menteri dan sebagai generasi pra-merdeka, saya terpaksa melahirkan rasa jutaan terima kasih kepada semua Perdana Menteri yang telah pun berusaha dengan gigih untuk menjayakan negara kita.

Saya melihat apa sahaja di dalam Bajet 2005 ini yang pengguna akhirnya ataupun *end user*, dengan izin, adalah generasi muda sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah bermanfaat kepada generasi muda. Peruntukan besar dalam bidang dan sektor sosial iaitu 27% adalah penting dan bermanfaat sekali. Pembangunan ICT, pengurangan jurang digital antara bandar dan luar bandar, pembinaan pembangunan sekolah vokasional, pusat-pusat latihan, program-program

latihan, program dua syif dengan menambah 30 ribu tempat tambahan untuk program kemahiran adalah amat berfaedah terutama kepada generasi muda.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita perlu membuat kajian apabila seseorang pelajar itu tamat, maka ada sebahagiannya masuk ke institusi pengajian tinggi dan sebahagiannya lagi, kita tidak tahu mereka ke mana. Maka ke mana mereka itu, harus diberikan perhatian. Kemudian ada pula golongan kedua yang menyertai persatuan-persatuan belia dan ada pula yang tidak menyertai persatuan belia. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan yang membuat kajian tentang perkara ini dan begitu proaktif untuk mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi belia-belia yang tidak berpersatuan ini bersama-sama dalam arus perdana pembangunan negara.

Justeru itu, atas dasar kepentingan umum, saya memohon kepada Kementerian Pelajaran supaya melihat pelajar-pelajar di luar bandar dengan lebih serius. Pelajar-pelajar luar bandar ini bukannya tidak ada otak, dia bukan bodoh, dia macam saya, pandai. *[Ketawa]* Pelajar-pelajar luar bandar ini dia menghadapi masalah disiplin. Dia pergi sekolah, dia balik sekolah. Di rumahnya ada parit dan dia main parit, dia tidak ada jadual waktu. Dia main guli bila masa dia hendak, dia main layang-layang bila masa dia suka, dia main basikal, dia tengok TV. Maka saya fikir dan saya telah mengkaji dan meneliti perkara ini dan saya rasa kerajaan harus berfikir untuk memperbanyakkan asrama-asrama pusat yang membolehkan pelajar-pelajar ini diberikan tempat.

Di tempat saya di Parit Sulung, kita berusaha sendiri, kita berikhtiar sendiri, kita ada asrama sendiri. Kita panggil emak bapa hantar ke asrama itu dan kita buat sendiri. Kita buktikan bagaimana mereka yang tinggal di asrama ini dengan keadaan disiplin yang lebih baik, keadaan jadual waktu yang lebih terancang, mereka boleh berjaya. Kerana itu saya suka mencadangkan malah saya merayu sebenarnya, kalau boleh dan bolehkanlah, dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang terakhir ini, kita cubalah bina lebih banyak asrama pusat di luar bandar. Saya percaya ini usaha yang baik.

Begitu juga dengan masalah makmal komputer. Saya sedih sebenarnya, saya pun tidak tahu orang lain sedih atau tidak sedih.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Sri Aman hendak bercakap? Lama tidak? Sekejap ya? Okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik sangat dengan hujah-hujah kawan dari Parit Sulung dan saya juga setuju supaya murid-murid kita ditempatkan di asrama, tetapi pada masa sekarang, guru yang mengawal, menjaga mereka adalah terdiri daripada kumpulan guru yang juga mengajar dan mereka bertugas sebagai warden dan kadang-kadang bebanan ini terlalu berat untuk mereka dan kadang-kadang pengawalan di asrama tidak begitu rapi dan juga mungkin mutu pelajaran mereka akan jatuh.

Setuju atau tidak kalau kita mencadangkan kepada kementerian, kita tubuhkan jawatan guru asrama sepenuh masa supaya pegawai itu disediakan bilik di asrama dan penjagaan 24 jam dan juga mengatur aktiviti-aktiviti 24 jam untuk murid-murid di bawah jagaan beliau supaya murid di asrama benar-benar dijaga dengan rapi, dan didisiplinkan juga dengan cara yang teratur.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Cadangan Yang Berhormat bagi Sri Aman memang dilihat cantik, tetapi bagi saya faktor-faktor kewangan hendaklah diambil kira. Kita tahu apabila pelajar itu pergi sekolah, asrama itu kosong. Dan, bila asrama itu kosong kalau warden itu duduk, dia ertinya makan gaji buta, separuh jugalah.

Jadi, mungkin ini perkara remehlah, teknikal, masalahnya kalau kita hendak, kita mesti boleh buat. Apa cara mesti ada. Soalannya hendak atau tidak? Sungguh atau tidak kita hendak membangunkan pendidikan anak-anak kita di luar bandar? Mahukah kita melihat generasi luar bandar kita, anak-anak muda kita melukut di tepi gantang. Bahkan Tuhan telah melarang kita,... [*Membaca firman Allah*]

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ertinya, “Hendaklah kamu merasa takut, jangan sekali-kali – kalau kamu meninggalkan generasi yang lebih lemah daripada kamu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pendidikan luar bandar ini lebih utama daripada segala-galanya kerana yang akan mengangkat darjat kita adalah pendidikan sahaja. Itulah yang akan mengangkat darjat sesuatu bangsa. Saya sentuh tentang

makmal komputer, saya pun tidak tahu, saya pun sedih, banyak orang sudah sentuh, saya sentuh jugalah, kerana di tempat saya banyak juga.

Ada satu sekolah itu komputer banyak, makmal tidak ada, tetapi komputer itu tidak boleh dialihkan sebab masalah inilah, sistem-sistem kerajaan ini yang *votelah*, apalah, borang inilah, nanti – *delivery system*lah. Jadi terbiar, komputer banyak di situ. Ada pula makmal siap, komputer tidak boleh dihantar, tidak ada komputer pula.

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Saya tahu kementerian sedar perkara ini, cuma tolonglah, cepatkan. Kita ada satu kayu pengukur, *we go for it*.

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: *Trouble shooter*, kita selesaikan masalah ini.

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Apa masalah tidak boleh selesai dalam dunia ini, beritahu saya.

Seorang Ahli: Ha! Saya mahu pergi hantam. *[Ketawa]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Kalau kita hendak, kita buat dia, bukan dia buat kita. *So, what?* Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Itu orang bikin orang.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Saya juga menyentuh masalah perpustakaan. Saya ucap tahniah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan kepada perpustakaan. Perpustakaan ini penting. Saya minta maaf, saya pergi ke perpustakaan di tempat saya, saya hendak rasmikan pertandingan sempena hari kemerdekaan. Saya pusing tiga kali. Yalah, saya ini wakil rakyat baru. Akhirnya saya sampai juga. Rupanya saya tidak jumpa pasal apa? Tidak ada *signboard* perpustakaan itu.

Jadi, perpustakaan ini bagi saya satu tempat yang penting. Di situlah kita patutnya meletakkan komputer, adanya *internet*, pelbagai buku, banyak alhamdulillah. Kemudian, boleh buku itu dipinjam. Kalau buku itu sedikit tidak boleh pinjam. Jadi, banyakkkan buku. Saya cadangkan kerajaan adakan satu *target*, jangan semberono sahaja. *Target* ini, maknanya, tahun ini kita hendak berapa perpustakaan desa? Majukan, buatlah. Sampai satu tahap, kita hendak satu DUN, satu perpustakaan yang bagus, yang cantik, yang boleh menarik minat.

Saya sedar ada perpustakaan yang baik. Saya ambil contoh anak saya sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat. Yang Berhormat hebat-hebat. Adik-beradik dengan *Robin*lah.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Saya ini keturunan Rasulullah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya bawa anak saya umur 6 tahun pergi perpustakaan yang baguslah di Kuala Lumpur. Bila saya balik, dia kata dengan saya, “Abah, besok bawa lagi, abah.” Dia hendak pergi. Ertinya perpustakaan ini jangan kita jadikan satu tempat yang macam orang kata apa, tidak hendak masuk. Macam

Seorang Ahli: Kandang kambing.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Astaghfirullahalazim, itu teruk sangat. Bukan. Maknanya, kita amarahkanlah, kita meriahkanlah sedikit, ada TV. Saya beri cadanganlah. Saya ingat semua cadangan ini pun kementerian sudah fikirkan, cuma saya meyakinkan lagi pentingnya perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyentuh pasal Program Skim Pelajar Cemerlang. Jelas, apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh dalam ucapan ini, mereka adalah pemimpin GLC kelak. Inilah ayat yang digunakan oleh Perdana Menteri. Ertinya, pelajar-pelajar cemerlang ini hendak ditaja oleh MARA, oleh Khazanah dan sebagainya supaya mereka ini boleh memimpin syarikat-syarikat GLC di masa akan datang.

Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini satu pandangan yang amat jauh. Jauh dia pergi. Ambil pelajar itu bawa semua, tidak tahu pelajar itu gagal tengah jalan atau apa, tetapi maknanya, dia hendak *vision*nya itu sudah ada. Saya ucap tahniah. Dan, ini bagi saya satu pengiktirafan, pengiktirafan kepada generasi muda kerana generasi muda dilihat hari ini boleh memimpin satu syarikat-syarikat besar di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut tentang program PLKN. Saya sedar ramai kawan saya juga menyebut tentang PLKN - 85,000 orang – tahun 2005 dengan 75 kem. Saya ingin menekankan program PLKN ini pada pandangan saya bukan semangat. Kalau kita rasa dia semangat, kita salah kerana semangat tidak akan kekal lama.

Apa yang penting ialah minda, *mind*. Orang putih kata, dengan izin, *human mind is like a parachute, it only works when it is opened. When it changes your thinking, you change your life.*

Seorang Ahli: Hebat, hebat. Terjemah sedikit, terjemahkan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ertinya, dengan izin,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Takut, dia adik-beradik dengan *Robin*. Kenal atau tidak *Robin*? [Ketawa]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ertinya, Program Latihan Khidmat Negara ini sebenarnya bukan menekankan masalah disiplin ataupun menekankan tentang semangat patriotik yang tidak tentu arah. PLKN pertama sekali pemikiran. [Membaca firman Allah] “Aku ciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian.” Kenapa? Ada akal, ada akal yang membezakan dia. Sebab itu akal ini, pemikiran ini yang mesti dibuka. Pemikiran generasi muda kita, kita buat program-program pelbagai tetapi program kita mungkin tidak dapat mengubah pemikiran generasi kita.

Apa yang penting untuk membentuk generasi muda adalah *airline, airline, airline and redirection.*

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Program Rakan Muda, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca Laporan Ketua Audit Negara.

Seorang Ahli: Hantam sama dia. Baca semua.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Di muka surat 175. “Berdasarkan analisis audit terhadap maklum balas terhadap soal selidik yang dihantar kepada ...” Maafkan saya. Yang pertama – ini nanti panjang lagi, tidak boleh. “Mengikut sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sekurang-kurangnya 80% atau 2.46 juta belia perlu melibatkan diri dalam empat atau lima kali aktiviti gaya hidup rakan muda pada setahun.”

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada Laporan Tahunan Cawangan Rakan Muda adalah didapati program ini masih belum mencapai objektifnya kerana penglibatan belia dalam Program Rakan Muda hanya mencapai 58 peratus pada tahun 2001, 25.2 peratus pada tahun 2002 dan menurun kepada 6.2 peratus pada tahun 2003.

Seorang Ahli: Tahun 2004 – 0 peratus.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kita kena memainkan satu peranan yang lebih besar.

Kita ambil contoh, di luar bandar misalnya atau di mana-mana tempat, padang untuk bermain bola banyak yang sudah tidak ada, padang sekolah pun sudah diambil, jadi padang pun sudah tidak ada. Di kawasan saya di Parlimen Parit Sulung itu hanya tinggalah parit-parit [*Ketawa*][*Disampuk*] Adalah dua padang sahaja, bagi sebesar-besar kawasan dengan 60,000 pengundi saya tetapi padang ada dua sahaja. Jadi, saya mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan kalau boleh bangunkanlah lebih banyak padang kerana padang ini penting. Kalau di sebelah petang, orang hendak main bola, orang hendak berekreasi katakan, maka padang menjadi tempat utama yang menjadi tumpuan mereka.

Kerana itu saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana memperkenalkan *futsal*, satu sukan baru yang begitu aktif sekarang ini sehingga ke peringkat akar umbi. Jadi, ini pendekatan-pendekatan, janganlah sampai kita dengar lagi Laporan Audit Negara Tahun 2004 semakin menurun, tahun 2005 semakin terus tidak ada. Jadi kita harap sesuatu dapat dilakukan.

Tuan Sa. Vigneswaran: [*Bangun*]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Tuan Yang di-Pertua, kerana itu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun minta penjelasan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Aah! Okey. Boleh bangun.

Tuan Sa. Vigneswaran: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan menjawab, penjelasan sahaja. Memandangkan *Audit Report* yang dikeluarkan mengatakan kadar remaja belia yang melibatkan diri dalam Rakan Muda sudah menurun. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa satu sebab yang besar penurunan ini adalah disebabkan kemudahan peruntukan yang diberikan kepada Program Rakan Muda ini agak kecil berbanding dengan masa-masa lalu - tahun 1994 dan 1990-an, di mana peruntukan untuk Rakan Muda adalah sebanyak RM40 hingga RM50 juta dan menurun. Pada masa sekarang ini peruntukan untuk Rakan Muda adalah sebanyak RM11 juta.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Hah!

Tuan Sa. Vigneswaran: Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa peruntukan untuk Rakan Muda ini harus dinaikkan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih. Bagi saya peruntukan kadang-kadang penting dan kadang-kadang tidak penting. Kadang-kadang kita boleh hidup apabila kita kreatif, apabila kita dapat mempelbagaikan apa juga yang ada pada kita. Sebab itu saya rasa bahawa, umpamanya kalau kita memperbanyakkan padang, banyak perkara kita boleh buat, banyak aktiviti kita boleh laksanakan dan banyak juga yang kita boleh semarakkan.

Macam juga dewan-dewan serba guna, tidak payah mahal-mahal – dalam RM70,000 sahaja tempat saya dibuat. Dewan serba guna ini bukannya diperbuat daripada batu – kiri-kanannya macam zing kilang orang panggil, atasnya adalah dipasang penyedut udara. Di luar bandar tidak mengapa, kita terima, perbanyakkan. Kita tengok muda-mudi kita, pemudi-pemudi kita, dia main ‘J-robik’, apa, apa? *[Bertanya kepada Ahli-ahli lain istilah yang betul] [Disampuk]* Di Johor dipanggil ‘J-robik’, Tuan Yang di-Pertua, di Johor dipanggil ‘J-robik’, jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya belajar J-robik.

Seorang Ahli: Macam mana, macam mana?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Nanti saya ajarlah.

Seorang Ahli: Tunjuk sikit.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: J-robik ini dia gabungan di antara silat, zapin dan juga kecergasan semualah, ha..itu J-robik. Tetapi yang lain, apa ni *[Bertanya kepada Ahli-ahli Dewan yang lain][Disampuk]* - senamrobik. Kita tengok nanti Tuan Yang di-Pertua, dia main senamrobik di tepi-tepi jalan, main bola jaring. Saya ingat kalau ada dewan, pemudi-pemudi kita main dalam dewan lebih cantiklah, jadi mereka ini, orang perempuan ini sebenarnya diciptakan oleh Allah begitu indah, kita kena jaga dia baik-baik, kita kena letak dia di tempat yang sempurna.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: *[Menyampuk]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Dato' ini *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Sik]* selalu mengacau saya tetapi dia selalu beri saya ide – idea dia kreatiflah. Jadi ertinya, kalau kita bina dewan-dewan serba guna yang tidak besar, yang tidak mahal, boleh muat dalam 300 orang *[Disampuk]* boleh, betul! Di tempat saya ada banyak, di tempat saya sudah ada lima. Ini agenda saya, memang saya buat, saya

akan pastikan, saya ada 'zun-zun' di mana saya akan bina dewan-dewan ini. *[Disampuk]* Zon-zon, kawasan-kawasanlah.

Seorang Ahli: Oh, ingatkan zoo. *[Ketawa]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: di mana saya akan bina dewan supaya akhirnya apabila saya katakan saya hendak buat pertandingan badminton, semua dewan akan membuat pertandingan badminton. Maknanya pada musim itu badminton disemarakkan – mungkin saya panggil Rashid Sidek, katakan, ataupun Misbun Sidek dan seumpamanya. Jadi pada ketika itu demam badminton berlaku. Habis sahaja demam badminton, saya buat demam lain. Ertinya kita kena kreatif, Tuan Yang di-Pertua.

Kerana itu juga saya melihat bahawa pada masa kita menyemarakkan program-program ini, generasi muda juga harus dibataskan. Sebab itu saya suka menyarankan, cubalah kita kaji betul-betul, kaji betul-betul cadangan had masa remaja ini untuk keluar malam. Saya seorang bekas Timbalan Pendakwa Raya, saya banyak bawa kes rogol bawah umur – umur 13 tahun, tuan-tuan cuba bayangkan apa yang saya cakap.

Seorang Ahli: Happy.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Umur dia 13 tahun, dia keluar rumah pukul 8.00 malam, dia balik pukul 11.00 pagi. *[Disampuk]* Dalam pada ketika itu sudah berapa kali? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tiga kali.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Kemudian dia pergi buat laporan bahawa dia dirogol umpamanya. *[Disampuk]* Tidak munasabah bagi remaja berumur 13 tahun hendak keluar malam-malam; umur 15 tahun hendak keluar sampai pukul 11.00, 12.00 malam. Cuba kita tengok di tempat-tempat macam di padang-padang ataupun di mana-manalah, kalau di sini mungkin Dataran Merdeka atau di tempat saya di Dataran Penggarang, kita tengok, kita sedih, sedih fasal apa? Ini nasib generasi kita, muda-muda lagi, fikiran mereka tidak terbuka dan sebab itu kerajaan buat PLKN, kita jejak mereka supaya mereka datang, bukan hendak menghukum mereka, tidak. Saya percaya kerajaan tidak akan menghukum mereka, saya percaya kita tidak zalim. Kita jejak mereka kerana kita hendak mereka tahu bahawa kita serius untuk membentuk generasi kita.

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Sebab itu saya mohon pihak yang berkenaan supaya kita kaji betul-betul *[Disampuk]* ha, tak mengapalah, di mana-mana jugalah. Kita cuba kaji, saya takut tuan-tuan, saya takut anak-anak saya, saya takut, saya kadang-kadang tengok anak saya pun saya sedih, apakah nasib mereka ini? Muda-muda lagi – 17 tahun, 18 tahun, yang tak munasabah nak keluar malam-malam buta.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Saya nampak *[Disampuk]* sahabat saya yang bangun dulu ini.

Seorang Ahli: Perempuan?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ini apa?

Seorang Ahli: Pasir Putih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Pasir Putih. Dia bangun dulu, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat bagi Pasir Putih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya anak sulung ... bukan anak sulung, anak bongsu, kena bangun kerap sikit untuk hilangkan gentar. Yang Berhormat bagi Parit Sulung, minta maaf, saya tertarik tadi bab rogol sebab saya ustaz dan 29 tahun jaga JAKIM, saya tahu bab-bab rogol tetapi saya bukan perogol bersiri. *[Ketawa]*

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kes-kes rogol ini kita cuba perhebatkan hukuman, saya rasa parti pembangkang pun bersetuju, hari ini kita ada RM3,000 dan lima tahun penjara, kita ada enam kali sebatan. Setujukah tidak sebatan ini kita buat di khalayak ramai, di tempat yang dia melakukan rogol tetapi kita mesti benar-benar pastikan rogol. Walaupun saya lawyer, saya juga ambil *Bachelor of Islamic Law* tetapi saya tidak berani hendak menghukumkan rogol itu sewenang-wenangnya sebab kita tengok kerapuhan rumah tangga. Bersetujukah tidak kita perlu memperketatkan pendidikan rumah tangga praperkahwinan - sebelum nak kahwin, selepas kahwin, mesti ada kursus-kursus keibubapaan dan sebagainya. Saya hendak

tanya, setujukah tidak kalau kita laksanakan sebatan itu di khalayak ramai di tempat yang ia berlaku. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya sebenarnya melihat apa juga hukuman yang kita hendak buat sebagai satu hukuman yang jangka masa panjang. Sebab apabila kita menghukum kita kena menghukum dengan adil dan adil itu ertinya kita meletakkan sesuatu itu pada tempatnya. Kalau sekiranya orang ini benar-benar merogol dan juga setelah kita kaji dan kita teliti sesuai untuk dia disebut di khalayak ramai mungkin boleh kita buat, tetapi pada masa yang sama kita mesti melihat juga semua faktor yang lainlah, bukan satu faktor sahaja.

Saya tak nampak hukuman satu faktor kemudian itu keluarga satu faktor yang berasingan kemudian menghadkan remaja ini keluar satu faktor yang berasingan, saya tidak lihat itu, saya lihat semuanya, satu. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros:kerana menaikkan harga-harga rokok ini, sebenarnya ia berkesan kepada perokok barulah, saya terima kasihlah. Saya tengok budak-budak sekolah pun hisap rokok, jadi mudah-mudahan dengan kenaikan harga rokok ini mereka kurang sikitlah saya harap dan saya rasa ada juga kesannya, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya saya hendak pergi kepada penghujung, kita merancang elok dan menyeluruh dan kita mesti ingat apa yang kita hendak belanjakan ialah wang rakyat. Ini duit rakyat, bilion-bilion ini, ini bukan duit kita, kerana itu kita mesti melaksanakan ini semua dengan baik. Kita mesti melaksanakan apa yang kita rancang ini dengan teratur, teliti di semua peringkat.

Saya kadang-kadang pelik, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh satu projek jeti, ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan), dia buat projek jeti harga RM2.2 juta.

Beberapa Ahli: Oiii.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Dah buat, buat, di situ ada kampung nelayan, sudah buat, buat, buat baru dia sedar, heh! Ini jeti sebenarnya bukan untuk nelayan, jeti untuk pelancong, buat apa buat jeti pelancong dekat kampung nelayan.

Tetapi benda sudah siap. Akhirnya nelayan tidak hendak pindah, bila nelayan tidak hendak pindah jeti terbiar di situ dengan dia punya tangga empat, macam mana hendak *parking* dia punya sampan. Bila nelayannya semua kompelin kita panggil Jabatan Laut, Jabatan Laut kata tidak pernah runding, kemudian itu kita panggil kesatuan nelayan, kesatuan nelayan pun tak pernah runding. Dia buat ikut cara dia, ini duit rakyat, bukan duit dia. Ini bukan duit kita, kita tadbirlah duit rakyat ini untuk rakyat. Kalau kita hendak buat jeti untuk nelayan pastikan Jeti untuk nelayan, tidaklah projek itu akhirnya terbengkalai, kemudian itu carilah segala jalan hendak diperbaiki tambahlah kos semuanya supaya jadilah jeti nelayan.

Saya pun boleh fikir, air pasang surut mesti kira, berapa tahap air naik, berapa tahap air turun, itu saya pun boleh fikir, dia tidak boleh fikir. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ini duit rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Dua contoh lagi ada, dua contoh.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Dua contoh, minta maaf, umpamanyalah kita buat menara, saya buat ini, di Batu Pahat ada satu menara. Dia buat menara ini RM8 juta, Tuan Yang di-Pertua, duit rakyat, duit rakyat, duit rakyat.

Seorang Ahli: Hantam sama dia.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Lapan juta masa dia buat, dia kata dia hendak duduk kat situ, tu.

Seorang Ahli: Heh!

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Bila sudah buat, dia pun tak pindah kat situ!

Seorang Ahli: Siapa tu?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: PBT.

Seorang Ahli: Oh, PBT. Hantam!

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Pihak Berkuasa Tempatan.

Seorang Ahli: Heh!

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ini duit rakyat, tadbirlah duit rakyat, tadbirlah duit rakyat dan akhirnya kita yang susah. Kita hendak berdepan dengan

rakyat, kita pun kadang-kadang tidak tahu bila projek ini turun. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu.

Seorang Ahli: Tidak tahu.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Kita tidak ada maklumat, buatlah Jawatankuasa Pemantau, *trouble shooter* dengan izin, *shoot* sama dia. Kena buat, kerana ini duit rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah apabila kita membuat, tidak apalah saya hendak tutup.

Seorang Ahli: Bagilah.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Begitulah, Tuan Yang di-Pertua, apabila.....

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Okey, tidak apalah kawan-kawan saya kata bagi. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, bagi dia.

Seorang Ahli: Kasi *chance* sama dia.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung, saya duduk sini menghayati, mendengar,

Seorang Ahli: Wah! Hayati ya.

Cik Fong Po Kuan: Menghayati ucapan Yang Berhormat bagi Parit Sulung dan keluhan-keluhannya. Saya begitu setuju sekali dengan setengah-tengah cadangannya dan masalah yang timbul di kawasannya itu. Ini hendak tanya, ini banyak projek yang berjuta-juta membazirkan wang rakyat, apakah masalah yang timbul dalam Kerajaan Barisan Nasional ini? Apakah ada siapa-siapa yang dapat projek ini ada tujuan objektifnya cari duit, kroni-kroni, apakah sebab itulah tidak ada rundingan konsultansi dengan orang ramai, dengan wakil rakyat walaupun dari Barisan Nasional. Jadi apakah Yang Berhormat akan cadangkan adakan satu pilihan raya untuk kerajaan tempatan. Biar rakyat yang pilih siapa yang boleh jalankan tanggungjawab dengan baik dan dia bertanggungjawab kepada rakyat.

Seorang Ahli: Kalau tidak, *shoot* sama dia.

Cik Fong Po Kuan: Bukan macam sekarang, apakah Yang Berhormat akan cadangkan pindaan kepada Akta yang berkenaan?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita buat apa sahaja pun untuk rakyat dan

kita melakukan apa sahaja untuk rakyat. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional kita tidak pernah pilih kasih, kita tidak pernah ada pun macam hendak beri projek ini kepada orang ini, kita wakil rakyat pun kita tahu, tidak ada.

Kita melaksanakan semuanya, cuma kita katakan bahawa kita belajar daripada kesilapan, perancangan itu, perancangan itu yang seharusnya *there must be a better way*, itu kena ada pada pemikiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat .

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ertinya kita sentiasa memperbaiki apa juga yang kita buat. Sebab itu saya mencadangkan supaya *check and balance committee*, dengan izin, jawatankuasa *check and balance* ini dapat ditubuhkan atas satu-satu projek yang hendak dibuat dan wakil-wakil rakyat diletakkan sebagai pemantau kepada apa-apa juga projek yang hendak dibuat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sedar seperti mana yang selalu di ceritakan apabila kucing bergaduh dengan tikus maka bermesyuaratlah tikus-tikus bagaimana kita hendak lari daripada kucing, macam-macam idea dia dapat, akhirnya bangunlah satu tikus muda dan berkata “Kenapa tidak kita letak loceng pada leher kucing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: “Jadi bila kucing itu datang kita tahu, kita pergi lari cepat-cepat, tidak sempat dia hendak makan kita.” Semua orang setuju, ini pandangan yang sangat baik, bagus, *good*, setuju, setuju. Tiba-tiba bangunlah seekor tikus tua dan bertanya, “Saya hendak tanya satu soalan, siapakah yang hendak meletakkan loceng di leher kucing?” Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Penampang dulu.

4.13 ptg.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri merangkap

Menteri Kewangan kita atas satu bajet yang sungguh berjiwa rakyat, yang mementingkan kestabilan sosial dan keharmonian negara.

Kesungguhan kerajaan dalam menangani keselamatan negara ternyata dengan insentif-insentif yang diberikan kepada Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia. Hasrat kerajaan untuk menyediakan kelengkapan yang canggih seperti alat komunikasi dan kereta berkelajuan tinggi serta kemudahan dan pembaikan bangunan untuk meningkatkan keberkesanan dan keupayaan pihak PDRM menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam soal keselamatan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dan pencapaian pembangunan negara sejak kemerdekaan 47 tahu yang lalu amatlah memberangsangkan dan membanggakan. Walaupun demikian, saya yakin dan percaya kerajaan sedar bahawa segala pencapaian itu akan terjejas dan terancam jika perhatian tidak diberikan ke atas keselamatan negara. Kita harus sedar dan menerima hakikat bahawa negara kita bukan sahaja menghadapi ancaman dari luar tetapi juga dicabari oleh pelbagai ancaman dalaman seperti penyalahgunaan dadah, peningkatan kes-kes jenayah, gejala-gejala sosial di kalangan belia dan beliawanis serta kemerosotan nilai-nilai moral. Semua masalah ini perlu ditangani, akan tetapi selain daripada masalah dadah, satu ancaman yang kita tidak harus abaikan malah perlu diberi perhatian khusus dan segera adalah kehadiran pendatang tanpa izin di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat untuk mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing seperti mana yang diperkatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, hasrat untuk mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing terutamanya yang bekerja sebagai tenaga buruh melalui perancangan jangka sederhana dan panjang menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kesan kehadiran rakyat asing di negara kita. Mengikut Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, negara kita mempunyai pekerja asing yang sah sejumlah 1. juta. Tidak boleh dinafikan bahawa mereka ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia di sektor-sektor tertentu dan masalah kekurangan pekerja masih lagi wujud di sektor-sektor khusus di mana usaha pemulihan ekonomi negara sedang dilaksanakan melalui perindustrian yang tangkas dan penyusunan semula sektor korporat atau dengan izin, *corporate re-structuring* ke arah pewujudan *capitol intensive manufacturing sector*.

Pada masa yang sama kehadiran mereka ini mengakibatkan keadaan yang cukup hebat ke atas *amenity* dan perkhidmatan awam negara seperti pendidikan dan

kesihatan. Umpamanya dalam tahun 2003, walaupun negara mendapat RM23.2 juta *fee* rawatan dari orang asing, tetapi kos untuk menanggung rawatan itu adalah RM578 juta. Kehadiran mereka juga mengakibatkan pengiriman wang atau *remittance* luar negara yang berjumlah lebih dari RM10 bilion setiap tahun. Namun demikian saya sedar bahawa kemasukan pekerja asing terutamanya mereka yang profesional mahir dan terlatih masih diperlukan untuk mengelakkan pertumbuhan ekonomi daripada terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih merisau dan menghantui rakyat kita adalah pendatang asing tanpa izin (PATI) atau PTI yang juga berjumlah lebih dari satu juta orang di seluruh Malaysia. Kehadiran PTI atau pendatang tanpa izin ini membawa implikasi dan kesan yang lebih teruk lagi kepada struktur sosial ekonomi serta *amenity* perkhidmatan awam negara. Pendatang-pendatang tanpa izin ini bersaing dengan rakyat miskin Malaysia. Mereka tinggal di koloni setinggan yang bertapak di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan dan cara mereka tinggal yang cukup sesak mengakibatkan masalah *environmental*, sosial dan peningkatan kes-kes jenayah.

Kita sedar kerajaan telah dan sedang menjalankan segala usaha seperti pelaksanaan program pemutihan, pembentukan Pasukan Petugas Khas Persekutuan atau *Special Task Force* serta pemantauan dan penangkapan melalui operasi-operasi seperti "Ops Nyah", operasi-operasi bersepadu untuk mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin di negara kita ini. Semua usaha ini harus dan patut diteruskan malah dipertingkatkan. Di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan atas pencapaian setakat ini walaupun serba sedikit telah menangani satu perkara yang agak rumit.

Walau demikian, saya ingin menyentuh kepada satu isu berkenaan yang amat hangat dipersoalkan di negeri Sabah dan yang membimbangkan kita sebagai rakyat jelata Malaysia, iaitu pemberian dokumen IMM 13 dan penganugerahan taraf pemastautin tetap kepada pemegang-pemegang dokumen IMM 13 ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat Kota Bharu dalam ucapannya tempoh hari, walaupun Malaysia ahli kepada Badan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations*, Malaysia tidak pernah menandatangani atau mengesahkan dengan izin *United Nations Convention Relating to the Status of Refugees 1951* atau protokol-protokol yang berkaitan seperti *United Nations Protocol the Right of Refugees 1952* dan *United Nations Protocol*

Relating to the Status of Refugees 1967. Walaupun Malaysia secara amnya menghormati hak-hak asasi manusia ia tidak mempunyai undang-undang atau peraturan pentadbiran khusus untuk penerimaan dan penempatan pelarian atau *refugees* dan menggunakan peruntukan seperti Seksyen-seksyen 15, 32, 33, 34 dan 35 dalam Akta Imigresen 1959/1963 dengan Peraturan-peraturan Imigresen yang berkenaan untuk menangani masalah pelarian ini. Erti kata lain Malaysia tidak dan tidak pernah mengiktirafkan status pelarian, dan oleh itu setiap pelarian yang datang ke negara kita dianggap sebagai pendatang asing tanpa izin atau *illegal immigrant*.

Walaupun demikian, dalam tahun 70-an di negeri Sabah, Kerajaan Malaysia telah menerima lebih daripada 57,000 bilangan rakyat Filipina yang meninggalkan negara asal mereka kerana tindakan Angkatan Tentera Filipina ke atas pemberontak yang beragama Islam di Filipina Selatan. Dari masa itu hinggalah tahun 1984 kerajaan telah bekerjasama dengan izin, *United Nations High Commissioner for Refugees*, malah menyediakan kawasan penempatan untuk pelarian-pelarian itu di Kinarut, Telipot, Sandakan, Tawau dan Semporna. Kemudian mereka diberi satu tempat untuk berniaga di Kota Kinabalu yang digelar hingga ke hari ini "Pasar Filipina". Pelarian-pelarian tersebut telah diberikan pas khas yang dicapkan dengan perkataan "*Refugee*" yang boleh diperbaharui setiap tahun. Dengan pas demikian, mereka dibenarkan untuk tinggal, bekerja, bersekolah di Sabah dan menerima kemudahan sosial dan kesihatan yang asas. Pas khas ini saya difahamkan pas ini adalah dokumen IMM 13.

Tetapi dalam tahun 1984, atas sebab bilangan pendatang asing dan permohonan yang kian bertambah dan tidak terkawal Jabatan Imigresen Sabah mengambil ketetapan untuk menghentikan pengeluaran dokumen IMM 13 dan dalam tahun 1998 hinggalah tahun 2002, apabila pelarian-pelarian Rohingya dari Myanmar dan Aceh dari Indonesia datang ke negara ini untuk memohon perlindungan, kerajaan mengambil ketetapan untuk tidak menerima mereka dan kebanyakan mereka telah dihantar balik ke negara asal mereka dan yang lain ditempatkan di pusat-pusat tahanan seperti di Semenyih dan Lenggeng.

Pada bulan Julai 2001, kerajaan juga mengumumkan bahawa status *refugee* yang diberikan kepada pelarian-pelarian Filipina di Sabah itu ditarik balik dan pelarian-pelarian itu hanya dibenarkan untuk berada di Sabah atas syarat mereka ada tempat tinggal dan memperolehi pas pekerja. Pada masa itu perhubungan di antara kerajaan dan *United Nations High Commissioner for the Refugees* pula mengalami satu dengan

izin, *set back*. Dari masa itu masyarakat antarabangsa memandang dan menganggap Malaysia sebagai tidak begitu mengambil berat tentang hak-hak asasi manusia berkaitan dengan pelarian atau *refugees* dan rakyat di Sabah pula dalam kekeliruan, mula tertanya-tanya apakah status sebenarnya pelarian-pelarian Filipina ini hinggalah ke hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Silakan.

Datuk Ronald Kiandee: Tahun 1970an apabila pelarian Filipina ini mula datang ke negeri Sabah, pada tahun yang berikutnya ramai juga pelarian daripada Indo China datang ke Tanah Semenanjung. Tetapi kita lihat pendekatan yang diambil oleh kerajaan berbeza di mana pelarian daripada Indo China diletakkan di satu pulau dan tidak ada *excess* kepada *mainland* bercampur dengan masyarakat Malaysia. Tetapi tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pelarian daripada Filipina ini bukan sahaja diberi *recognition* malah diberi tempat untuk berniaga dan diberi tanah untuk mereka tinggal mendirikan rumah. Kita lihat ada ketidaksamarataan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Adakah Yang Berhormat melihat perkara ini? Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih sahabat saya dari Beluran. Tuan Yang di-Pertua, itulah persoalannya, apakah pendirian Malaysia ke atas isu pelarian Filipina di Sabah? Adakah apa yang diselaraskan oleh kerajaan pada tempoh 70an dan 80an terhadap 57,000 lebih pelarian-pelarian Filipina itu hanyalah penyelesaian sementara dan kenapakah polisi di Semenanjung berlainan dengan yang di Sabah? Adakah Malaysia masih mengikut kaedah yang digunakan untuk tempoh 70an dan 80an itu ataupun kerajaan kini mempunyai polisi yang lain bagi menangani masalah pelarian ini? Jika ya, apakah polisi ini?

Apabila kerajaan menarik status pelarian (*refugee*) daripada pelarian-pelarian Filipina di Sabah pada tahun 2001 itu, apakah kesannya kepada dokumen-dokumen IMM *Thirteen* (IMM 13) yang dipegang oleh mereka? Oleh kerana kewujudan dokumen IMM 13 ini bergantung kepada status pelarian, adakah dokumen ini, pada hari ini masih sah? Tuan Yang di-Pertua, ternyata kekeliruan mengenai perkara ini wujud dan ternyata juga kecelaruan ini haruslah dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang dokumen IMM 13 di Sabah mengikut statistik Jabatan Imigresen pada tahun 1984 berjumlah 57,197 orang.

Jumlah ini kini telah bertambah kepada jumlah 65, 889 orang. Mengikut satu kenyataan surat khabar *Daily Express* di Sabah, pada 31 Mei 2002, Pengarah Jabatan Imigresen Sabah pada ketika itu, Tuan Haji Abdullah Sani Sulaiman menyatakan bahawa pemberian dokumen IMM 13 dihentikan selepas tahun 1984 tetapi sejak 1989, Pasukan Petugas Khas Persekutuan (*Federal Special Task Force*) telah diberi kuasa muktamad bagi menentukan kelulusan permohonan dokumen IMM 13 ini.

Tambahan pula baru-baru ini Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa kini pemberian dokumen IMM 13 ini tidak digalakkan lagi, bukan dihentikan tetapi tidak digalakkan lagi. Adakah ini bermakna dokumen ini masih lagi dikeluarkan? Jika ya, apakah penjelasan dan justifikasi penambahan yang agak ketara ini yang berjumlah lebih daripada 8,000 di antara tahun 1984 hinggalah kini? Apa pula kedudukan suami, isteri dan anak-anak pemegang IMM 13 ini? Adakah mereka juga diberikan dokumen IMM 13 ini? Jika ya, bilakah proses pengeluaran dokumen ini akan berhenti? Atau adakah ia akan berterusan seumpama kaedah piramid *multi level marketing*? Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tentu akan membiak.

Bagaimana pula pihak yang berkuasa memastikan lokasi dan memantau semua pemegang dokumen ini? Bayangkanlah masalah logistiknya. Bagaimana pula dengan ciri keselamatan dokumen IMM 13 ini, adakah ia wujud? Dokumen ini memberi kebenaran untuk orang-orang asing ini untuk berada di Malaysia dan menikmati hak-hak yang tertentu. Adakah situasi di mana dokumen ini senang dipalsukan diambil kira oleh kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Putatan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Penampang. Saya ingin minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat tentang pendatang-pendatang tanpa izin ini oleh kerana Yang Berhormat menyentuh dengan kemewahan yang telah mereka dapati di dalam negara kita.

Yang Berhormat memberi tumpuan terlalu kepada pelarian tanpa izin dari negara Filipina bahkan pelarian tanpa izin pun ada juga datangnya daripada Indonesia yang berleluasa di Sabah, yang melalui sungai-sungai yang kecil, lorong-lorong tikus

yang kecil pun ada juga. Jadi, mereka ini telah memberontak seolah-olah di tempat-tempat perniagaan yang sebenarnya dikhaskan kepada bumiputera di Sabah

Bukan itu sahaja, tanah-tanah yang sebenarnya dipunyai bumiputera di Sabah telah diduduki, telah dipunyai pada asalnya orang-orang yang datang tanpa izin ini membuka tanah-tanah itu. Kalau kita tengok jalan *highway* dari Kota Kinabalu ke Beaufort kita nampak orang-orang itu sudah mempunyai tanah-tanah yang pada asalnya tanah kepunyaan kaum bumiputera. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang pendatang tanpa izin dari negara luar ini?

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Putatan. Saya tahu Ahli Yang Berhormat bagi Putatan ini banyak PTI di kawasan beliau dan amatlah merunsingkan rakyat di kawasan Putatan. Pada hari ini Yang Berhormat, saya ingin menumpukan sahaja perbahasan saya kepada IMM 13, tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang masalah pendatang asing secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghabiskan dahulu tumpuan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Tuaran lagi. Okey, Tuaran pun ada PTI kah?

Tuan Wilferd Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Penampang. Persoalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat bagi Putatan tadi adalah sesuatu yang mengelirukan banyak pihak, membezakan di antara pendatang tanpa izin dengan pelarian. Yang dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Penampang ialah soal pelarian dan di sinilah letaknya barangkali, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa barangkali pihak berkuasa pun keliru tentang bagaimana menangani masalah kewujudan, kehadiran pelarian Filipina di negeri Sabah dengan PTI? Ia berbeza. Pelarian dan PTI berbeza. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan yang PTI-PTI lah, tetapi kehadiran pelarian Filipina di negeri Sabah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi seramai 65,000 itu hendaklah ditangani dengan mengadakan suatu dasar yang muktamad, keputusan yang muktamad sama ada kita mahu terima mereka di sini, di Malaysia ataupun kita menghantar mereka balik ke negara Filipina atau ke sebuah negara yang ketiga, adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya amat bersetuju dan saya akan sentuhkan tentang perkara ini jika diizinkan.

Tadi saya mempersoalkan tentang situasi di mana dokumen ini senang dipalsukan. Soalan juga timbul adakah pihak berkuasa membuat penyiasatan jika adanya sindiket-sindiket haram yang mengeluarkan dokumen-dokumen IMM 13 ini.

Semua persoalan ini, Tuan Yang di-Pertua membawa kita ke persoalan ultimate, dengan izin, iaitu adakah Dokumen IMM13 ini diperlukan lagi atau relevan pada masa kini? Mungkin sudah tiba masanya bagi kerajaan untuk mencari kaedah yang lain bagi mengatasi isu ini. Inilah yang dipersoalkan oleh rakyat Malaysia di Sabah seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat nampak tadi semua dari negeri Sabah mencelah. Satu persoalan yang harus juga ditanya oleh rakyat dari seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada undang-undang tertentu untuk perkara ini akan tetapi undang-undang yang sedia ada dan penterjemahannya haruslah konsisten serta jelas dan bukan celaru. Jika peruntukan undang-undang tidak mencukupi, pindaan atau tambahan harus dan mestilah dipertimbangkan. Adakah sudah tiba masanya - ini menjawab soalan Yang Berhormat Tuaran, adakah sudah tiba masanya kerajaan mempertimbangkan secara mendalam perwujudan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung dengan perkara yang serius ini, atau sekurang-kurangnya Parlimen Malaysia membentuk Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji jika peruntukan undang-undang berkaitan dengan perkara ini efektif atau memadai atau perlu ditukarkan.

Tuan Yang di-Pertua, proses permohonan status penduduk tetap di negara kita ini amatlah tegas. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya mempunyai pengalaman peribadi, permohonan isteri saya sendiri yang berasal dari luar negara masih lagi dalam proses selepas empat tahun. Ketegasan proses permohonan ini sungguh memadai dan diperlukan untuk memastikan keselamatan dalaman negara.

Tetapi pada masa kini, nampaknya lebih senang lagi untuk pendatang tanpa izin mendapat dokumen yang membolehkan mereka menetap di Malaysia daripada pemohon yang tulen dan layak. Seperti mana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan kelmarin, dia bukan bergurau bila Yang Berhormat berkata

bahawa ada sindiket-sindiket yang wujud yang dapat mengeluarkan dokumen palsu dalam masa yang singkat selama tiga bulan.

Inilah kerisauan dan keraguan rakyat Malaysia di Sabah. Sudahlah mereka amat runsing dengan pemalsuan kad pengenalan, sudahlah ragu atas perolehan MyKad secara haram, sekarang pula mereka dapati bahawa pemegang-pemegang IMM13 ini boleh memohon pula taraf pemastautin tetap. Mengikut Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kini sudah 584 bilangan pemegang IMM13 ini telah pun diberi taraf pemastautin tetap.

Menurut kementerian itu juga, di antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi pemegang IMM13 ini untuk mendapat status pemastautin tetap adalah:-

- (i) permohonan hendaklah dibuat melalui permohonan permit masuk di bawah Seksyen 10 Akta Imigresen;
- (ii) pemohon berkelakuan baik dan tidak mempunyai rekod jenayah;
- (iii) mempunyai komitmen yang mendalam dan hubungan di negara ini;
- (iv) lama menetap di negara ini dan memahami bahasa, budaya dan mempunyai sumbangan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tuan bangun lagi.

Tuan Donald Peter Majuntin: Silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Yang Berhormat ini seorang peguam dan Yang Berhormat nampaknya telah mengkaji Undang-undang Imigresen dan sebagainya. Saya ingin bertanya, apabila Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi status penduduk tetap kepada orang yang berstatus pelarian di negara kita, adakah kerajaan telah melanggar undang-undang tertentu dalam hal ini sebab orang-orang ini masih berstatus pelarian. Belum ada rekod menunjukkan orang yang berstatus pelarian ini ditarik balik status pelariannya.

Adakah kerajaan telah melanggar peruntukan tertentu dalam undang-undang sebab kriteria Yang Berhormat sebutkan tadi adalah kriteria biasa kepada sesiapa juga

yang memohon untuk menjadi warganegara Malaysia. Cuba beri pendapat sedikit, Yang Berhormat?

Tuan Donald Peter Majuntin: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat bagi Tuaran. Mengenai dengan undang-undang atau peruntukan yang tertentu tentang membolehkan pelarian ini memohon taraf pemastautin tetap, saya kalau di Sabah kita bilang habis kuat mencarilah peruntukan itu tetapi tidak ada. Itulah yang saya katakan tadi bahawa undang-undang penerimaan dan penempatan pelarian ini tidak ada. Peruntukan itu tidak ada dalam akta kita. Inilah persoalannya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Donald Peter Majuntin: Silakan.

Datuk Ronald Kiandee: Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hari itu mengatakan bahawa kes akan dilihat secara '*case-to-case basis*' bererti kerajaan akan melihat permohonan 65,000 pelarian Filipina ini secara '*case-to-case basis*'. Adakah Yang Berhormat melihat ini sebagai sesuatu yang di luar daripada batas perundangan yang ada untuk negara kita kerana kalau kita melihat 65,000 sebagai '*case-to-case basis*' sebagai suatu jumlah yang amat besar yang tidak seharusnya dilihat secara terperinci oleh kerajaan.

Tuan Donald Peter Majuntin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Pada pendapat saya, Yang Berhormat, logistik untuk menangani permohonan, menimbang permohonan 60,000 lebih pelarian ini, dengan izin, *unrealistic*. Untuk saya, apa yang kita patut buat dahulu ialah untuk menentukan bagaimana undang-undang kita atau peruntukan undang-undang kita dapat menangani masalah pokoknya. Persoalan pokoknya adakah kita mengiktiraf pelarian atau tidak? Adakah kita mengiktiraf *refugee* atau tidak? Jika tidak, semua pendatang tanpa izin haruslah dianggap sebagai *illegal immigrants*.

[Gangguan elektrik - Dewan gelap]

Apa itu? *Black-out?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Majuntin: Okey. *[Ketawa]* Lampu pun tidak boleh bekerjasama, ya? Apa yang dipersoalkan oleh rakyat di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, adalah kenapakah pelarian-pelarian ini diberi keistimewaan apabila beribu-ribu orang asal Malaysia yang tinggal di kawasan pedalaman belum pun ada Surat Beranak, lebih-lebih lagi Kad Pengenalan.

Tambahan pula ramai lagi rakyat Malaysia yang masih memegang Kad Pengenalan Merah kerana dilahirkan di luar negara sebelum merdeka ataupun sebab-sebab tertentu dan mereka ini amat kecewa permohonan mereka masih tidak mendapat kelulusan setelah bertahun-tahun lamanya. Apabila saya berkata bertahun-tahun lamanya, lima tahun ke atas. Semua mereka ini lebih dari memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas dan layak.

Kenapakah keadaan dan permohonan mereka tidak diberi keutamaan? Mungkin kelewatan untuk menangani masalah mereka disebabkan oleh kerenah birokrasi atau *red-tape*, dengan izin. Tetapi persepsi mereka dan rakyat Malaysia yang lain apabila pelarian-pelarian ini diberi status pemastautin tetap adalah kerajaan lebih prihatin kepada golongan rakyat asing yang berada di Malaysia ini yang hanya membebaskan negara.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang diberi tanggungjawab untuk memastikan pemegang-pemegang IMM13 ini berkelakuan baik sedangkan kini kerajaan mengalami cabaran yang hebat dengan kelakuan dan nilai-nilai moral rakyat Malaysia sendiri. Siapakah yang akan menentukan mereka ini bukan penjenayah sedangkan kawasan-kawasan penempatan mereka adalah kawasan yang paling tinggi bilangan kes jenayahnya atau '*crime infected area*', dengan izin, dan ia juga menjadi pusat transit kepada pengedaran dadah.

Pendatang-pendatang asing senang sahaja belajar bahasa dan budaya penduduk tempatan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan mereka ada komitmen yang mendalam terhadap negara kita.

Jika soalan-soalan ini tidak mendapat jawapan yang jelas dan munasabah, maka kita tidak boleh mempersalahkan ketidakpuasan serta kerunsingan rakyat majmuk negara ini dan rungutan-rungutan tentang perkara tersebut akan sentiasa berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini secara serius kerana ia adalah satu perkara yang amat genting

terutamanya kepada rakyat Malaysia di Sabah. Perkara seperti ini berpotensi untuk mengancam keamanan dan keselamatan negara kita. Kita harus tahu bahawa Sabah mempunyai garisan pantai yang lebar dan persempadanan yang sangat polos di sebelah pantai timurnya yang berhadapan dengan negara-negara Filipina dan Indonesia dan mengakibatkannya menjadi sebagai *gateway*, dengan izin kepada pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Saya percaya dari Sabah pendatang-pendatang tanpa izin ini akan mencari jalan untuk merebak ke seluruh pelosok Malaysia, kerana kedatangan mereka ke sini adalah dengan izin, *a matter of survival* dan mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi apa jua risiko untuk terus tinggal di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Sedikit sahaja. Saya sedia maklum perkara imigresen Sabah tersenarai dalam *concurrent list* Perlembagaan Malaysia, tetapi kerjasama harus diwujudkan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Untuk menangani masalah serius ini saya difahamkan bahawa di Sabah perkara ini diselaraskan oleh Bahagian Hal Ehwal Penyelidikan dan Keselamatan di Jabatan Ketua Menteri dan tambahan pula Ketua Menteri Sabah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Musa Aman sedia untuk berbincang untuk mencari penyelesaian terhadap perkara ini.

Perbincangan dengan Kerajaan Negara Filipina harus juga dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia supaya jika perlu penyelarasan penghantaran balik pelarian-pelarian atau PTI ini dapat dijalankan dengan licin. Sekali lagi saya merayu kepada kerajaan untuk membuat ketetapan dalam soal ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Beberapa Ahli: Tidak ada lampu, dia tidak nampak .

4.52 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk terlibat dalam perbincangan ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat

Berhormat Menteri Kewangan sebagai *simple*, ringkas tetapi padat. Strategi bajet Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dengan strategi Bajet 2004 yang dibentangkan oleh bekas Menteri Kewangan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir tidak jauh bezanya. Defisit bajet tetap berlaku meskipun berjaya dikurangkan memandangkan pertumbuhan ekonomi negara terus berlaku kerana daya saing domestik dan global.

Tuan Yang di-Pertua, yang membezakannya dengan Bajet 2004 ialah Bajet 2005 mengumumkan cadangan kerajaan untuk melaksanakan cukai penggunaan ke atas cukai barangan dan perkhidmatan GST. Menjelang 1 Januari 2007 iaitu kita ada dua tahun dalam membuat persiapan untuk melaksanakan cukai tersebut bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan. Saya percaya cukai GST ada kesan positifnya iaitu ia akan memberi kerajaan peluang untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan individu dan korporat, yang mana golongan berpendapatan rendah tidak akan dibebankan dengan pelaksanaan GST, terutamanya barangan dan perkhidmatan yang dikelaskan sebagai keperluan asas akan dikecualikan. Peniaga kecil turut terkecuali juga tetapi kesan negatif GST yang diasaskan pada cukai nilai ditambah, iaitu satu cukai penggunaan yang dilevi pada setiap peringkat pengurangan berasaskan nilai bertambah sesuatu barangan di peringkat tertentu.

Pengguna adalah sasaran terakhir yang terpaksa memikul cukai. Ia bukan satu caj ke atas syarikat, ia dicaj sebagai peratusan harga barangan dan perkhidmatan yang didapati pada setiap peringkat pengeluaran dan peredaran. Ia dikutip menerusi pecahan melalui satu sistem pemotongan yang mana seseorang pembayar cukai boleh menolak tanggungan GST mereka, iaitu jumlah cukai yang mereka bayar kepada orang lain di atas pemberian untuk kegiatan perniagaan mereka. Mekanisme ini memastikan bahawa cukai adalah neutral kepada syarikat tidak kira berapa banyak transaksi yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia barangkali ia untuk memerangkap lebih banyak barang dan perkhidmatan ke dalam jaringan cukai. Kadar cukai boleh diasaskan pada kadar cukai jualan dan perkhidmatan semasa atau kadar lain sudah pasti kadar GST berbeza antara barangan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebenarnya akan mengikut Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina dalam memperkenalkan GST, tetapi kadar semasa negara tersebut ialah Singapura 50%, Thailand 7%, Indonesia 10% dan Filipina 10%.

Pada dasarnya sistem nampak mudah tetapi terdapat kesulitan untuk dilaksanakan kerana rekod yang teratur, files yang betul mesti disimpan di setiap peringkat pengeluaran bagi menentukan kadar cukai yang patut dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menjadikan *complicate*, kerana seseorang perlu mengetahui cukai yang dibayar ke atas barangan individu bagi menurut pemotongan. Disebabkan ini seluruh proses perniagaan menjadi telus hanya boleh mencegah pengelakan cukai dan memperluaskan rangkaian cukai sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya bolehkah cukai pendapatan kita dikurangkan pada tahun 2007. Berapa banyakkah yang dapat disimpan oleh pembayar cukai individu dan syarikat bila GST dilaksanakan kelak. Ia tentu bergantung kepada sejauh mana sistem GST kita nanti berjaya dilaksanakan. Harapan saya adalah para peniaga tidak akan memulakan kenaikan harga barang dan perkhidmatan sebagai mengambil kesempatan di atas pengumuman awal kerajaan sebagaimana yang dialami oleh negara-negara lain.

Walau bagaimanapun terdapat kebimbangan masyarakat bahawa GST akan menyebabkan inflasi dan hanya menguntungkan peniaga. Harga barang-barang akan naik secara mendadak ekoran tambahan cukai yang perlu dibayar ke atas barangan. Ini akan membebankan para pengguna. Para peniaga akan memindahkan cukai yang dikenakan kepada pengguna. Kesan dari kenaikan harga barang masyarakat akan lebih berhati-hati untuk membeli barang dan mendapatkan perkhidmatan sehingga mengakibatkan aliran tunai kurang dan seterusnya berlaku inflasi. Ini sudah tentulah mewujudkan keadaan kelam-kabut sewaktu ia mula dilaksanakan.

Oleh itu kewujudan panel semakan sistem cukai sahaja tidak mencukupi. Saya bersetuju dengan cadangan Ketua Pembangkang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor supaya mewujudkan pula panel kedua iaitu Jawatankuasa Pilihan Semakan Sistem Cukai Parlimen supaya kerajaan mempunyai cadangan balas terhadap semakan sistem cukai negara.

Cadangan mengubah struktur dan komponen perkhidmatan awam dengan menambah pengambilan kakitangan bukan Melayu. Tuan Yang di-Pertua, saya memahami kerajaan seperti yang digariskan dalam strategi pertama Bajet 2005, iaitu untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan. Kecekapan sistem penyampaian dan daya saing akan terus memperkemaskan jentera pentadbiran dan menyampaikan perkhidmatan, yang mana sistem dan prosedur kerja

yang disusun semula termasuk undang-undang dan garis panduan pelabur menerusi proses *re-engineering* perkhidmatan awam.

Setelah 47 tahun negara mencapai kemerdekaan kita masih terbawa-bawa sistem pentadbiran penjajah iaitu setelah penjajah meninggalkan negara kita. Sistem pentadbiran diserahkan kepada penjawat awam yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan awam kita pada keseluruhannya masih dikuasai oleh kaum Melayu dan bumiputera sehingga kini.

Walaupun dasar kerajaan untuk menghapuskan pengenalan berasaskan pekerjaan bagi merapatkan jurang antara rakyat, maka sudah sampailah masanya bagi kerajaan merombak sistem perkhidmatan awam dengan memberikan peluang golongan rakyat dari kaum bukan Melayu dan bumiputera menjawat lebih banyak jawatan atasan, profesional dan separa ikhtisas yang mana pada masa ini sangat berkurangan dan boleh dibilang dengan jari.

Apa salahnya jawatan kanan, ketua jabatan dan sebagainya dilantik dan ditawarkan kepada golongan profesional bukan bumiputera yang sama bersemangat patriotik untuk mentadbir negara. Alangkah sedihnya setiap kali proses pengambilan pegawai dan kakitangan awam, bilangan kaum lain yang diterima bekerja sungguh menyedihkan. Kerajaan perlu menimbangkan kedudukan kaum dalam perkhidmatan awam sebagai kerajaan mahukan perimbangan kaum berlaku dan kegiatan ekonomi negara, ia mesti ada suatu proses timbal balik dalam sistem di Malaysia sebagaimana harapan kerajaan bahawa sektor swasta juga membuka ruang lebih ramai golongan Melayu dan bumiputera di dalam sektor swasta, maka sektor awam juga perlu dipecahkan dan diagihkan secara adil.

Saya mengambil peluang ini untuk menyeru sektor swasta supaya memberikan ruang pekerjaan kepada golongan graduan Melayu seramai 48,000 orang menganggur akibat kesukaran mendapat pekerjaan yang sesuai. Perkara yang sama juga perlu dilakukan supaya mengambil pekerja golongan profesional bukan Melayu yang masih menganggur untuk berkhidmat dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 juga menyebut bahawa kerajaan akan mengambil langkah untuk meningkatkan penempatan yang mencerminkan komposisi pelbagai kaum dalam bandar bagi penempatan kediaman dan komersial sebagai permulaan. Kerajaan akan membangunkan bekas Penjara Pudu sebagai pusat komersial dan perumahan.

Sebagai wakil rakyat kawasan ini, saya mengalu-alukan pembangunan tersebut. Apa yang saya faham, bahawa pelan asal ialah untuk membangunkan 1.2 juta kaki persegi ruang peruncitan disediakan untuk disewa sahaja, manakala 4.8 juta kaki persegi adalah untuk ruang kediaman bertingkat yang ditawarkan kepada golongan peniaga.

Jika sedemikian, maka jadilah pusat komersial atas tapak bekas Penjara Pudu seperti peniaga-peniaga di Puduraya, Sinar Kota dan Plaza Bukit Bintang yang memberi ruang amat sedikit bagi golongan peniaga bukan bumiputera yang baru, yang kurang maju. Mereka tersepit kerana tidak dapat bersaing sehingga sukar untuk membayar sewa pulangan unit yang disewa.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) hendaklah mengubah pendekatan mengikut keperluan semasa yang mana masih ramai golongan peniaga bukan bumiputera mendapat masalah untuk mencari tempat berniaga yang sesuai. Jika hendak memberi kesempatan berniaga, maka janganlah "sekadar melepaskan batuk di tangga" sahaja dan saya mencadangkan bahawa tapak perniagaan dan bangunan kediaman bertingkat harus dibuka kepada semua kaum, tidak mengira bumiputera atau bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati kerajaan menyediakan RM778 juta untuk membina 21,000 unit rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat untuk setinggan Kuala Lumpur dan bandar utama. Saya ingin berkongsi pengalaman saya mengenai pemindahan setinggan kerana kawasan Bukit Bintang masih ada penempatan setinggan.

Saya bersetuju mereka perlu dipindahkan bagi membolehkan pembangunan berjalan di sesuatu kawasan. Malangnya, apa yang saya kurang faham ialah pampasan untuk setinggan, ada sesetengah tempat bukan kawasan saya, keluarga setinggan mendapat pampasan tawaran menyewa rumah dan membeli rumah dan kemudahan berpindah ke rumah baru.

Dalam kawasan saya mula mendapat tawaran iaitu mana-mana keluarga setinggan yang berpindah kerana projek pembangunan akan dimulakan dalam tempoh terdekat, mereka ditawarkan pampasan RM1,000. Ia adalah satu kelegaan bagi keluarga miskin untuk membayar deposit rumah, elektrik dan air serta kos pengangkutan.

Contohnya, pemindahan Kampung Cina Tang Kai Nang, Brickfields bagi laluan projek monorel, walaupun lewat dibayar tetapi keluarga setinggan mendapat pampasan. Sebaliknya, keluarga setinggan di Kampung Delima, belakang Istana Negara terpaksa berpindah ke PPR Jalan Lapangan Terbang Lama dengan diberikan notis singkat tetapi tidak diberi pampasan.

Menurut DBKL, tapak tersebut tidak ada pembangunan sekadar tindakan pembersihan setinggan. Maka mereka tidak diberikan pampasan berupa bayaran deposit dan kos pengangkutan. Terpulang kepada setinggan tersebut untuk berpindah dan membayarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penduduk kampung menerima yang mereka dari golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanggungan keluarga yang berat, mereka menghadapi masalah wang tunai untuk membuat bayaran deposit. Oleh itu, saya meminta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk membantu mereka meringankan bebanan perpindahan yang berat seperti bayaran deposit, kos pengangkutan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk yang duduk di Kampung Delima, 99% daripada mereka adalah kaum Melayu, yang sebahagian besar adalah dari golongan berpendapatan rendah. Bantuan haruslah diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 tidak menyebut khusus tentang golongan penjaja dan peniaga kecil. Penilaian jika bajet pra pilihan raya dibuat, sedikit-sebanyak golongan kecil dan diberikan sentuhan. Oleh itu, dasar penjaja dan peniaga kecil negara tidak jelas dan pihak berkuasa tempatan menjalankan kuasa dan tugas mengikut selera dan cita rasa masing-masing dan DBKL tidak terkecuali. Walaupun telah diperingatkan supaya jangan mengulangi kejadian mengasari golongan penjaja dan peniaga kecil dalam bandar raya termasuk amaran oleh Pegawai DBKL sendiri, namun kisah seperti itu berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 September 2004, Pasukan Penguatkuasa DBKL telah menjalankan operasi merampas barang-barang perniagaan milik 27 orang penjaja Melayu di bahu jalan di Jalan Genting, Kuala Lumpur kerana kesalahan menjaja tanpa lesen. Penjaja mendakwa bahawa bukan sahaja telah dilakukan kekerasan merampas barang-barang tetapi termasuk juga wang hasil jualan.

Kita semua sedia maklum bahawa para penjaja ini terpaksa berjaja di kawasan itu kerana kawasan itu merupakan kawasan strategik untuk mencari rezeki dan sumber

pendapatan keluarga. Mereka terpaksa berniaga kerana ada tanggungan. Jika hendak menunggu kelulusan permohonan lesen penjaja baru mereka boleh berniaga, saya kira ramai penjaja dan keluarga mereka akan kebuluran kerana kesesakan hidup di bandar raya. Jadi mereka terpaksa meneruskan penjajaan. Mereka semua faham bahawa kawasan itu ialah ruang pejalan kaki dan DBKL sedang menjalankan projek untuk mengindahkan kawasan tapak penjaja tetapi mereka tidak diberikan pilihan yang baik untuk berniaga di kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Datuk Bandar Kuala Lumpur mengarahkan siasatan ke atas aduan penjaja itu dilakukan. Tetapi gambaran yang sampai kepada Datuk Bandar ialah mereka berjaja tanpa lesen dan meletakkan barang-barang penjajaan di siar kaki. Pengalaman saya sebagai wakil rakyat yang berdepan dengan masalah penjaja ialah jarang Pegawai DBKL yang sedia mendengar dan meneliti aduan penjaja.

Tindakan menyita dan menahan barang-barang penjaja bagi tempoh selama tiga bulan seperti yang lazim dilakukan adalah tidak wajar kerana ia menafikan hak seseorang mencari kehidupan dan satu langkah menambah kesusahan rakyat. Pegawai penguat kuasa adalah diberi pilihan pertama untuk menyaman mereka dan apa salahnya jika ianya dilakukan. Sekurang-kurangnya DBKL mendapat hasil kompaun tanpa merugikan dan menyusahkan penjaja. Saya berpendapat selagi pelan struktur Kuala Lumpur dan dasar berniaga jelas dikeluarkan, saya harap Datuk Bandar dan pegawai-pegawai bawahan menggunakan budi bicara bila bertindak. Jangan ikut emosi tetapi akal pertimbangan masing-masing.

Ini merupakan satu contoh yang hendak saya paparkan. Ada banyak lagi kisah penjaja yang diburu penguat kuasa DBKL sering berlaku pada setiap hari dan mereka terpaksa mencari wakil rakyat untuk mendapatkan bantuan. Saya rasa DBKL tidak akan rugi jika bertolak ansur dan berlembut dengan mereka dalam mana-mana operasi penguat kuasa yang dijalankan. Saya minta mereka menggunakan budi bicara masing-masing dan bukan sewenang-wenangnya merampas kerusi dan meja di mana pelanggan sedang duduk atau pelanggan sedang membeli-belah.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ada membangkitkan mengenai tindakan Lembaga Pelesenan Jentera Perdagangan yang menolak permohonan pelbagai lesen pembawa untuk lapan buah lori tangki minyak oleh sebuah syarikat pengangkutan Magna Array Sdn. Bhd. kerana tidak ada pemegang ekuiti 30%

bumiputera dalam syarikat tersebut. Bukan sahaja syarikat ini yang telah dikenakan tindakan permohonan memperbaharui lesen tetapi terdapat banyak syarikat pengangkutan menerima nasib yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003 terdapat 133,340 dari 317,297 lesen kenderaan perniagaan telah dikeluarkan kepada golongan bukan bumiputera. Ini bererti lesen mereka akan ditolak yang membawa peringatan dituduh jika mereka tidak memenuhi syarat kelulusan lesen. Menurut surat pekeliling LPKP bertarikh 17 Julai 2004, syarikat-syarikat terbabit diberikan tempoh selama setahun bagi mengubah struktur syarikat kepada sekurang-kurangnya 30% ekuiti bumiputera.

Untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di negara ini tiada siapa pun yang membantah malah DAP juga menyokong dan menggalakkan kewujudannya. Tetapi masalahnya ialah langkah ini janganlah pula menimbulkan kesusahan kepada golongan peniaga bukan bumiputera dan merampas hak orang lain sehinggakan lesen stesen minyak juga berlaku bagi mana-mana peniaga bukan bumiputera yang telah lama beroperasi sejak berdekad-dekad lalu juga dikenakan tindakan yang sama.

Jika mereka tidak menyusun ekuiti syarikat dengan memperuntukkan 30% kepada bumiputera maka lesen mereka tidak boleh diperbaharui. Saya berpendapat langkah perubahan struktur syarikat ini harus dilihat dari sudut yang luas. Bukan sahaja syarikat milik bukan bumiputera yang dikenakan syarat tetapi syarikat bumiputera juga harus menempatkan ekuiti untuk kaum bukan bumiputera. Ini barulah disebut adil dalam pengagihan kegiatan ekonomi negara.

Jika tidak ada tolak ansur jangan buat. Biarlah sahaja syarikat lama yang dimiliki oleh 100% *firm* bukan bumiputera terus beroperasi dan dilesenkan daripada terus membiarkan mereka mendapati masalah mencari pemegang ekuiti bumiputera. Untuk mencari rakan kongsi bumiputera yang mampu dan berupaya bukanlah satu kerja yang mudah. Memang ramai bumiputera yang boleh menjadi rakan kongsi dan pemegang ekuiti tetapi jika *share* dan janji kosong sahaja, bagaimana?

Oleh itu saya harap syarat kelulusan lesen yang lama hendaklah dikekalkan jika mereka gagal mencari *partner*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

5.17 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi dan juga Menteri-menteri yang bertanggungjawab kerana telah menunjukkan satu bukti bahawa tahun 2005 merupakan tahun peralihan menutup tirai Rancangan Malaysia Kelapan dan menyediakan asas-asas yang konkrit untuk menghadapi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pertumbuhan ekonomi negara semakin kukuh. Sewajarnya kita bersedia untuk mencipta kejayaan lebih Gemilang, Cemerlang dan Terbilang. Kerajaan akan berjanji untuk melaksanakan manifesto Barisan Nasional seperti apa yang dijanjikan dalam pilihan raya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada petang ini saya gembira dan sebab itu saya bangun untuk berucap membahaskan belanjawan mengurus Bajet 2005 dengan penuh ikhlas dan dengan penuh kegembiraan kerana calon-calon naib Barisan Nasional yang akan bertanding *clear* daripada tuduhan dan tidak ada sebarang prasangka yang tidak baik, saya baca dalam surat khabar tadi, terima kasih.

Saya adalah baru dalam Dewan ini. Minta parti-parti pembangkang dengar baik-baik dan kalau salah.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:tolonglah tegur dalam hati masing-masing. Orang baru ini biasanya kalau baru bawa kereta biasa dia suka laju tetapi dia tidak mempunyai kecekapan dan akan terbabas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, ialah bapa revolusi kemerdekaan yang telah membawakan kemerdekaan negara kita daripada tujuh penjajah yang besar telah menjajah kita bermula daripada Portugis, Belanda, Jepun, Orang Putih, Bintang Tiga, Siam dan sebagainya. Tetapi kita alhamdulillah, merdeka tanpa bertumpah darah. Bajet yang disediakan pada masa itu tidaklah sama dengan sekarang ini. Kemudian disambung oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang kedua dan seterusnya Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad, kemudian yang kelima Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Kelima-lima Perdana Menteri ada dengan gaya dan

persembahan masing-masing. Saya mengikuti bajet ini ialah kelima-lima Perdana Menteri. Alhamdulillah peningkatan dari tahun ke tahun boleh dikatakan cukup membanggakan kita. Tahun 2005 ini ialah tidak kurang daripada RM117.4 bilion yang dicadangkan. Insya-Allah saya rasa, Barisan Nasional dan juga pembangkang bersedia untuk menyokong dan meluluskan bajet ini kerana kepentingan negara, bukan kepentingan individu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara sedang membangun yang telah mencapai kejayaan yang begitu besar sebagai kesinambungan kepimpinan negara. Pelbagai bidang telah dijayakan dan kini sedang berusaha menjadi sebuah negara maju menurut acuan kita sendiri menjelang tahun 2020 tidak lama lagi. Untuk menjadi sebuah negara dan masyarakat yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, Malaysia perlu bijak mengurus kejayaannya agar ia dapat diperkukuhkan dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Transformasi ke arah menjadikan masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan juga integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat kita. Hanya dengan demikian, barulah kejayaan yang dicapai dapat diteruskan dan kesejahteraan rakyat dapat dipelihara dan ditingkatkan. Dengan cara itu juga prasarana dunia pertama yang sudah pun terdapat di Malaysia ini tidak disia-siakan atau disalahgunakan manakala sikap dan mentaliti dunia ketiga dapat dikikis.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan atau data penting Malaysia yang dibicarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini memperlihatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2004 dan 2005 akan meningkat 5.5% hingga ke 6%. Ini menunjukkan satu kejayaan kita.

[Bekalan elektrik di dalam Dewan terputus]

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Kemudian prasarana negara semakin menyeluruh dengan liputan bekalan elektrik, bekalan air masing-masing mencapai ke tahap 94% dan 95%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: *Light and sound* dalam Parlimen ini. Adakah ini *sophisticated, light and sound*. Kenapa ada *semi black out*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam ada masalah *air-con*, hari ini *light and sound*, esok apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, tidak apa Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tidak komen sebab itu adalah *technical error*, apa pun boleh berlaku, *human error, technical error*. [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Hei, jangan selalu mempertahankan sahaja, you tidak tahu apa sebabnya, you hendak mempertahankannya, apa ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia, kerajaan kita adalah sangat komited dalam usaha membangunkan negara secara total. Dasar-dasar negara yang mencakupi bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan sosial telah diperkenalkan dan dilaksanakan secara menyeluruh dan teratur. Kemajuan Malaysia masa kini adalah hasil daripada perancangan yang teliti oleh pihak kerajaan dan agensi-agensinya juga termasuk pihak swasta serta pelbagai sektor masyarakat secara bersepadu dan berterusan.

Semenjak tahun 1951 dan hingga kini, Malaysia telah melaksanakan sebelas rancangan lima tahunnya. Sejak tahun 1971 pula, negara ini telah dibimbing oleh tiga pelan jangka panjang iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990, kemudian Dasar Pembangunan Nasional (DPN) iaitu mulai tahun 1991-2000 dan satu lagi ialah Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) 2001- 2010. Hala tuju prinsip ketiga-tiga pelan jangka panjang ini dipandukan oleh semangat dan prinsip negara iaitu Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Wawasan 2020.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari sinilah kalau kita melihat kemajuan yang kita capai ini sehingga Bajet 2005 bertambah sebegitu rupa dari semua agensi dan kementerian yang bertanggungjawab. Ini menunjukkan bahawa prestasi pencapaian kemajuan yang kita capai ini walaupun belum 100% dengan izin banyak di Sabah dan Sarawak bersungut kerana api dan air juga *facilities* di sekolah-sekolah

belum menyeluruh. Begitu juga saya, walaupun Kelantan, Pasir Mas sudah balik, Rantau Panjang sudah balik, ramai yang sudah balik, ada lima orang dari Kelantan, yang bertanggungjawab sudah balik. Semua sudah balik.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Mengangkat tangan]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Oh ada, minta maaf. Tumpat ada, minta maaf, itu sahabat setia saya. Kita merasakan bahawa Kelantan juga perlu. Barisan Nasional tidak ada diskriminasi dalam soal melaksanakan projek pembangunan sama ada pengurusan dan juga pembangunan. Dengan sebab itu Yang Berhormat bagi Pasir Mas, selalu menyuarakan, mungkin dia segan dengan saya sebab baru di sini dan saya tahu keadaan selok-belok Kelantan dari A to Z, dia mesti puji Kelantan kerana itu kaedah parti pembangkang, dia suka puji supaya kita lembut. Tetapi saya lembut, lembut keras. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan juga, saya memohon supaya aspek pembangunan secara keseluruhannya kita hendak supaya diberi secara mantap kerana ini adalah tahun 2005, tahun penutup tirai Rancangan Malaysia Kelapan, akan melangkah ke Rancangan Malaysia Kesembilan, sudah tentu pemantapan tahun 2005 adalah cukup penting. Saya rasa ada lebih kurang 15% soal api, air dan jalan ini, kita hendak lihat supaya bukan sahaja Sabah dan Sarawak cantik, juga di negeri saya, khususnya Parlimen Pasir Puteh. Kalau Parlimen-Parlimen yang kita belum menang itu, tidak usahlah, kita *delay* dahulu. Itu *delay tactic*, buat juga. Tidak, kena adil tetapi dia boleh *delay tactic*, ha itu dia. Kena beri kawasan yang menang dahulu.

Jadi sebab itulah saya bercadang supaya Pasir Puteh juga, saya hendak tengok longkang-longkang yang baik, saya hendak tengok jalan-jalan yang boleh ditar semula dengan baik, tanah-tanah merah yang belum ditar ditaruk batu dahulu dan tahun kedua, kita akan litup dengan tar. Semua ini kita tidak kira kawasan Barisan Nasional, PAS atau kawasan DAP. Pembangunan ini memanglah yang kita agung-agungkan ini hasil daripada kepimpinan negara yang kita ada 110 kerusi UMNO, kita ada 199 Barisan Nasional termasuk saya yang kesembilan di Kelantan dan 199 di peringkat Persekutuan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kempen, saya tidak ada nombor. *[Ketawa]* Saya memang relax, saya tidak ada bertanding.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya boleh bercakap bebas, saya tolong kempen orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, nasib Yang Berhormat baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Baik, itulah, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh sambung besok?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ha, boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa persidangan Dewan hari ini telah selesai. Oleh itu, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.